

**Bil. 4**

**Isnin  
20 Mac 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda  
Yang Di-Pertuan Agong

- *Y.B. Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah)*

(Halaman 14)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi – Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) – UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO

20. Yang Berhormat Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC

58. Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO

- 
95. Yang Berhormat Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
  96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
  97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
  98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
  99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
  100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
  101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N, S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
  102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
  103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
  104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
  105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
  106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
  107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
  108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
  109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
  110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
  111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
  112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
  113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
  114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
  115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
  116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
  117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
  118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
  119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
  120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
  121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
  122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
  123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
  124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
  125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
  126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
  127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
  128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
  129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Isnin, 20 Mac 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MESYUARAT DEWAN RAKYAT DITAMBAH EMPAT HARI LAGI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis supaya mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang ditambah selama 4 hari lagi, iaitu pada hari Isnin 8 Mei 2006 sehingga hari Khamis 11 Mei 2006 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Rakyat membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan menurut Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah usaha pihak kementerian untuk memberikan subsidi petrol kepada nelayan-nelayan yang menggunakan enjin bot sangkut.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju untuk memberi subsidi petrol pada harga RM1 seliter pada 15,000 orang nelayan pantai berkuat kuasa pada 1 Jun 2006. Skim ini adalah sama seperti skim subsidi diesel nelayan di mana disyaratkan hanya *vessel* nelayan yang berlesen sahaja yang layak menyertainya. Ianya bertujuan untuk memastikan hanya *vessel* yang benar-benar terlibat dengan aktiviti penangkapan ikan yang sah sahaja layak mendapat faedah ini. Untuk tujuan ini nelayan yang menggunakan enjin sangkut dicadangkan supaya memiliki lesen *vessel* menangkap ikan sebelum mendapat faedah daripada skim petrol bersubsidi yang dicadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu dan ini satu pengumuman yang memang dinanti-nantikan oleh para nelayan bot sangkut yang selama ini dibebani dengan harga yang sama dengan lain-lain pengguna. Cuma 1 Jun 2006 ini lama benarlah Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh lekaskanlah, kalau boleh 1 April 2006. Cuma satu pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, iaitu pengumuman oleh kerajaan bahawa subsidi diesel telah begitu tinggi, tetapi penangkapan ikan semakin menurun. Ini jadi pertanyaan, maknanya ini ada penyeludupan minyak kita ke luar negara. Kerajaan tahu tentang kegiatan haram ini, kerajaan tahu tetapi apa ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat, subsidi diesel naik ke turun?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Subsidi tu naik fasal diesel itu naik. Jadi harga subsidi itu diberi kepada nelayan. Subsidi banyak berjuta liter subsidi dibagi tetapi penangkapan menurun. Ini bermakna ada penyelewengan dari segi minyak

diesel ini dan kerajaan tahu. Apa tindakan kerajaan hendak mengatasi perkara ini Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Sri Gading kerana begitu prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh nelayan pantai. Yang Berhormat telah memohon supaya tarikh penguatkuasaan ini dipercepatkan dari segi bantuan subsidi petrol. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat dari kawasan Sri Gading, sebelum kita boleh bekalkan subsidi petrol dengan harga kadar RM1 seliter, nelayan-nelayan kita perlu mendaftar. Jadi proses mendaftar ini memakan masa, kita jangka kita dapat selesaikan pada 1 Jun. Kalau nelayan yang menggunakan enjin dalam mendapat subsidi diesel kita gunakan kad *e-diesel*, bagi nelayan yang menggunakan petrol nelayan pantai kita akan memperkenalkan *p-card (petrol)*. Jadi proses ini memakan masa oleh kerana melibatkan 15,000 orang nelayan. Jadi kita minta kepada kerajaan sedikit tempoh dan sebab itulah kita jangka boleh dilaksanakan pada bulan itu nanti.

Berhubung dengan penyelewengan minyak bersubsidi ini, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menyedari apa yang berlaku, tetapi saya mohon maaf kerana saya tidak dapat menjawab soalan ini, oleh kerana ia terletak di luar bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah sewaktu naik harga minyak nelayan-nelayan tidur, jam 12.00 tengah malam diumumkan. Sekarang bila hendak beri subsidi Jun, jadi ini memang tidak boleh diterima sama sekali. Tidak boleh diterima Tuan Yang di-Pertua. Saya kira kalau ada juga proses untuk mendaftar semua nelayan, tetapi kita mahu supaya subsidi ini dibayar daripada mula naik harga minyak tengah malam itu. Kata rakyat kerajaan tipu. BN tipu kata mereka. Jadi kita tidak boleh terima ini. Oleh itu kita minta supaya subsidi ini dibagi mulai naik harga minyak pada tengah malam. Itu kita minta komen daripada Timbalan Menteri yang saya fikir prihatin dalam perkara ini.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat yang pertamanya kerajaan telah memberi subsidi diesel kepada nelayan-nelayan yang menggunakan enjin bot dalam. Ini telah pun dilaksanakan pada 1 Januari 2006. Selepas kita melaksanakan subsidi diesel kepada nelayan-nelayan yang menggunakan enjin bot dalam nelayan-nelayan pantai memohon kepada kerajaan, "kami yang menggunakan minyak petrol, kerajaan wajar menimbang untuk diberi subsidi kerana kami juga terlibat dalam menyumbang pendaratan ikan untuk keperluan negara". Hasil daripada permintaan nelayan pantai ini kerajaan telah bersetuju. Jadi untuk memberi subsidi minyak petrol kepada nelayan-nelayan, kerajaan baru sahaja mengumumkan keputusan ini .....

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi salah faham ini. Kita tahu bahawa subsidi untuk diesel untuk petrol, jadi saya kata untuk diesel ini bot-bot besar yang menggunakan enjin bot dalam dan nelayan-nelayan yang miskin di pantai mereka semua memakai petrol.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya baik. Tidak ada jawapan? [*Bertanya kepada Timbalan Menteri*]. Tidak mengapa. Soalan seterusnya saya jemput daripada Ketereh.

2. **Datuk Haji Md. Alwi bin Haji Che Ahmad [Ketereh]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan bersedia untuk mengkaji dengan lebih mendalam akan usaha-usaha untuk memperkukuhkan lagi tafsiran Islam sebagai Agama Rasmi Persekutuan dengan menambahkan lagi beberapa pindaan kecil tambahan bagi memperjelaskan lagi pindaan Perlembagaan 121(1A) dan urusan-urusan yang berkaitan dengan pembahagian pusaka, '*intermarriage*', tanah wakaf dan lain-lain yang berkaitan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Tanjong 14 Mac, Yang Berhormat bagi Batu Gajah 20 Mac, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian 29 Mac, Yang

Berhormat bagi Bukit Gelugor 29 Mac, Yang Berhormat bagi Tebrau 13 April, Yang Berhormat bagi Puchong 19 April dan Yang Berhormat bagi Kota Melaka pada 25 April kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal (1) dan (1A) Perkara 121, serta senarai 2 dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, memberi definisi yang jelas mengenai pembahagian bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Ianya tidak sekali-kali memberi persoalan kepada tafsiran status Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Dengan itu, kerajaan tidak bercadang buat masa ini untuk membuat pindaan kecil tambahan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan urusan-urusan yang berkaitan dengan pembahagian pusaka, *intermarriage*, tanah wakaf dan lain-lain yang berkaitan dengan Agama Islam pula, ianya tetap tertakluk kepada Undang-undang Syariah Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 121(1A) tidak menyebabkan percanggahan atau perselisihan bidang kuasa antara sistem Mahkamah Sivil dan sistem Mahkamah Syariah, malah ia memperjelaskan bidang kuasa antara sistem-sistem Mahkamah tersebut. Sebenarnya tidak wujud percanggahan bidang kuasa antara sistem Mahkamah Sivil dan sistem Mahkamah Syariah. Kedua-dua sistem tersebut ditadbirkan secara berasingan dan kewujudan mereka adalah secara setara.

Memandangkan sistem Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah wujud secara berasingan dan tidak berkaitan di antara satu sama lain, isu semakan semula atau *judicial review* oleh Mahkamah Sivil ke atas keputusan Mahkamah Syariah tidak timbul. Kuasa semakan semula *judicial review* merupakan kuasa pemantauan Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi terhadap keputusan-keputusan yang dibuat oleh badan-badan bawahan *subordinate bodies* di dalam sistem mahkamah tersebut, sama ada sistem Mahkamah Sivil mahupun sistem Mahkamah Syariah.

Dengan itu, Mahkamah Sivil tidak mempunyai kuasa semakan semula ke atas keputusan Mahkamah Syariah kerana bidang kuasa antara kedua-dua sistem mahkamah ini adalah berasingan. Berpegang kepada prinsip itu, kerajaan menolak cadangan-cadangan beberapa Ahli Yang Berhormat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan atau untuk memansuhkan Perkara 121(1A) bagi membolehkan Mahkamah Sivil mendengar perkara mengenai Islam termasuk penolakan Agama Islam. Isu-isu berkaitan Islam adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, berikutan itu juga kerajaan tidak bercadang buat masa ini untuk menubuhkan Mahkamah Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kontroversi yang timbul daripada kes-kes yang berhubung kait dengan status agama seseorang bukanlah berpunca daripada Perkara 121(1A). Ia berpunca daripada beberapa fakta di antara lain termasuklah kurangnya pengiktirafan serta penggunaan peruntukan undang-undang yang sedia ada pada hari ini.

Di bawah peruntukan undang-undang yang wujud para Peguam Sivil dan Syariah boleh memanggil orang-orang bukan Islam untuk memberi keterangan di dalam Mahkamah Syariah seperti di dalam kes Nyonya Tahir. Kerajaan yakin bahawa kontroversi dapat dielakkan dan keadilan boleh dicapai jika peruntukkan sedia ada seperti contoh yang baru disebutkan tadi diiktiraf dan digunakan dengan sepenuhnya. Peruntukan Perlembagaan atau undang-undang tidak harus dipinda oleh kerana pihak-pihak tidak menggunakan peruntukan yang ada dengan sepenuhnya.

Pada masa yang sama, kerajaan juga sedar bahawa syarat dan prosedur bagi penukaran agama kepada agama Islam harus di tambah baik supaya tidak menyumbang kepada isu kontroversi ini. Jika syarat dan prosedur bagi penukaran agama diperkemas lagi, kerajaan yakin bahawa keadaan-keadaan di mana status agama dipertikaikan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sedang berusaha untuk menambah baik perkara-perkara yang di bawah bidang kuasanya. Dalam pada itu, kerajaan telah mengarahkan Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji undang-undang dan peraturan-peraturan yang berhubung dengan pemeluk agama Islam oleh orang bukan Islam seperti pemberitahuan kepada keluarga, hal pembubaran perkahwinan, hak menentukan agama

kanak-kanak, hak jagaan anak, nafkah isteri dan anak-anak, pewarisan dan penentuan status agama seseorang yang meninggal dunia.

Jabatan Peguam Negara telah pun mengambil langkah-langkah untuk melaksanakan keputusan kerajaan tersebut dengan mengadakan perbincangan dengan tokoh-tokoh yang terdiri daripada Mufti, ahli-ahli Mahkamah Syariah dan Sivil, ahli akademik dan wakil-wakil pertubuhan agama bagi mencari pendekatan yang sesuai untuk menangani perkara berkenaan. Hasil perbincangan dan apa-apa cadangan pindaan undang-undang akan dikemukakan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan.

Dengan adanya peraturan yang lebih menyeluruh mengenai pemeluk agama Islam kelak, kerajaan berharap bahawa kejadian kontroversi mengenai perkara tersebut akan berkurangan. Kerajaan juga berharap bahawa kontroversi yang berpunca daripada prosiding di Mahkamah Syariah, yang di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, akan dapat dielakkan oleh badan-badan negeri yang berkaitan supaya tidak timbul kemusykilan terhadap keupayaan Mahkamah Syariah untuk menyampaikan keadilan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan jawapan yang panjang, jelas dan menghilangkan rasa gerun saya pada peringkat awalnya, terima kasih banyak Dato' Menteri.

Soalan tambahan saya, orang Islam terutamanya yang berada di Pantai Timur ingin mendengar jaminan daripada kerajaan di Dewan yang mulia ini bahawa sesiapa sahaja yang telah memeluk agama Islam berada di sebuah negara Islam seperti Malaysia ini, akan terus dijamin agamanya, maruahnya, "*faithnya*" dan integritinya oleh Perlembagaan tanpa menjejaskan kebebasan orang lain untuk mengamalkan agamanya. Boleh saya meminta jaminan ini daripada Yang Berhormat Dato' Menteri? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dalam jawapan saya yang panjang lebar tadi, saya telah menyatakan bahawa pihak kerajaan tidak berhajat langsung untuk sama ada meminda atau pun menghapus Seksyen Artikel 121(1)(a). Saya rasa itulah jaminan yang paling kuat yang boleh diberi dan oleh saya selaku menteri kerana ianya hanya boleh dipinda dengan keputusan dua pertiga daripada Dewan Rakyat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kenyataan yang ada dibuat oleh Peguam Negara semasa Perlembagaan ada dipinda dengan peruntukan Perkara 121(1A) dan kata bahawa tujuan pindaan itu atau peruntukan itu ialah bermaksud untuk menyelesaikan konflik antara Mahkamah Sivil dan Syariah yang melibatkan kedua-dua pihak, yang beragama Islam dan bukannya bermaksud untuk menafikan hak Perlembagaan bukan Muslim supaya tidak tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan oleh kerana apabila ada cetus kontroversi Moorthy dan lain-lain yang akibatkan cadangan pelbagai pihak termasuk *Malaysian Consultative Council Buddhism, Christianity, Hinduism* dan *Sikhism* atau MCCBCHS untuk meminda Perkara 121(1A) supaya lebih jelas dalam perkara ini, untuk memulihkan keadaan sebelum 1988 semacam mengadakan satu pindaan Perkara 121 (1B), supaya perkara ini lebih jelas. Kenapa kerajaan ingat untuk buat demikian dan nampaknya membenarkan satu keadaan timbul di mana satu *crisis syntactic* satu politik boleh di cetus sehingga memorandum sembilan orang menteri bukan Islam boleh dianggap sebagai satu cabaran sehingga apa-apa cadangan untuk meminda satu dua 121(1A) dianggap sebagai satu cabaran kepada Islam.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri rela memberi pertimbangan? Supaya perkara ini boleh diselesaikan dengan pindaan kepada 121(1A) dengan 1 baru - 1B. Apa yang sebelum itu, dibolehkan bukan satu cabaran kepada kedudukan Islam dan adakah ini membayangkan kehakisan atau *erosion* kedudukan peruntukan-peruntukan di Perlembagaan kita yang dimaksudkan oleh sosial kontrak bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, menteri faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:**..kira state dan akhirnya adakah satu arahan mengharamkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bukan UMNO daripada membangkitkan isu 121(1A) ini. [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin sebut itu bahawa Barisan Nasional ini bukanlah diktator macam DAP. Kita tidak pernah mengarah ahli-ahli kita daripada Barisan Nasional untuk membangkit perkara ini dalam Dewan, jangan tipu. Saya cakap bagi BN, DAP tidak boleh bercakap bagi pihak BN. Tidak ada arahan kepada mana-mana, duduk, tidak ada arahan sudah tua pun tidak faham lagi peraturan! Saya punya *floor*.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut sebentar tadi iaitu 121 ini sebenarnya menyata dengan jelas iaitu bahawa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil itu adalah dua mahkamah yang berasingan tidak ada kuasa daripada satu ke atas yang satu itu. Soal berkenaan dengan kes Moorthy itu bukan salah 121(1A) itu salah kerana mendiang Moorthy tidak beritahu kepada keluarganya dia tukar agama. Itu kesalahan dia. Itu saya telah sebut dalam jawapan saya sebentar tadi iaitu bahawa kita akan menambahbaikkan undang-undang kita termasuk hak bagi keluarga yang mana suami atau isteri yang telah menukar agama bukan sahaja kepada agama Islam kepada agama lain pun hendaklah dimaklumkan kepada keluarga mereka. Jadi ini kita hendak tambah baikkan. Tidak ada kena mengena dengan 121(1A). Oleh kerana itu, saya ingin menyatakan tidak ada keputusan untuk sama ada menghapus atau pun meminda 121(1A). Yang Berhormat bagi Ketereh boleh balik beritahu kepada pembangkang di Kelantan jangan dok bangkit benda ini, menteri jawab dalam Dewan, menteri tidak tipu. Tidak, jawabnya tidak.

Kedua berkenaan dengan sembilan orang menteri yang bukan Islam ini, bukan mereka tidak boleh menyuarakan perkara-perkara di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri, mereka boleh. Cuma hari itu yang kita tidak bersetuju dengan apa yang mereka lakukan ialah kerana Kabinet telah pun bersetuju dua minggu lebih awal daripada itu dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk menimbangkan apa yang telah dibangkitkan dalam memorandum itu. Kalau persetujuan telah dibuat, apa perlu sembilan orang menteri bukan Islam untuk membuat memorandum untuk hantar kepada Perdana Menteri? Kedua kita tidak setuju kerana ini merupakan satu sikap yang tidak baik terhadap Perdana Menteri. Kerana memorandum, memorandum ini selalunya diberikan macam inilah DAP, dia tidak boleh masuk dalam Jemaah Menteri, jadi dia hantarlah memorandum. Jadi sembilan orang menteri yang bukan Islam ini, dia tiap-tiap minggu boleh jumpa dengan saya, jumpa dengan Perdana Menteri, boleh runding, jadi kalau sudah boleh runding setiap minggu tidak ada sebab memorandum harus diberi. Berdasarkan kepada dua fakta itu, oleh kerana itulah kita tolak memorandum bukan kita tolak kerana isi yang ada dalam memorandum itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuma silap teknik ajelah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, silap teknik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order* adakah bagi dua orang menteri yang bukan Islam yang ada di sini untuk menjelaskan...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa perlu dia jawab, patut saya jawab.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ... *only fair to them. Give them to explain* kenapa? Kenapa mereka kemukakan memorandum? Bagi mereka *chance*, Yang Berhormat Kerja Raya, MIC Presiden, Yang Berhormat Menteri Komoditi, bagi dia orang *chance*, tak boleh ....jelaskan, faham, *stand up!*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya telah sebut sebentar tadi...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidak boleh benarkan Gerakan pun?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...kita tidak mempertikaikan isu kandungan, cuma silap teknik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Timur duduk.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Menyampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan daripada Persiangan. Persiangan bangun.

**3. Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan bahawasanya kerajaan telah memutuskan untuk mengusahakan teknologi *bio-diesel* secara besar-besaran dan sudah tentu memerlukan sumber manusia yang mahir dan profesional. Apakah perancangan kerajaan terkini dalam merealisasikan usaha tersebut.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Projek *bio-diesel* negara akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Kilang-kilang *bio-diesel* memerlukan sumber tenaga mahir dan separuh mahir dalam pelbagai bidang termasuk kejuruteraan, pengurusan, sains kimia, teknikal, dan operasi perundangan, pengadunan, *sorry*, minta maaf.

Secara umumnya operasi kilang *bio-diesel* sebesar 60 ribu tan setahun yang beroperasi tiga *syif* sehari memerlukan lebih kurang 30 pekerja terlatih. Sumber manusia untuk projek-projek *bio-diesel* ini boleh dilatih dengan mudah melalui latihan. Operasi loji *bio-diesel* tidak memerlukan sumber manusia yang mahir dari luar negara dan keperluan untuk mengimport sumber manusia tidak diperlukan. Rakyat tempatan yang meliputi graduan-graduan tempatan boleh dilatih untuk menjalankan operasi loji dengan efisien dan berkesan. Dengan ini, projek *bio-diesel* secara langsung akan mencetuskan peluang perniagaan yang baru dan memberi pekerjaan kepada rakyat dan para graduan negara. Sekian.

**Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan tadi. Soalan tambahan. Dengan pembentukan Dasar Biofeul Nasional di bawah RMK-9 nanti menunjukkan kerajaan serius dan peka mengenai dengan keperluan semasa di peringkat global. Ini sudah tentu menstabilkan lagi harga minyak di peringkat global dan juga di peringkat nasional, dan ini juga mengurangkan import diesel sebanyak 5 peratus atau setengah juta tan petroleum diesel dalam harga 1,402 tan minyak sawit, masih komoditi yang murah jika dibandingkan dengan harga diesel 1,700 bagi 2000 per tan.

Soalannya dengan tanah-tanah yang kita perlukan sekarang, permintaan yang tidak seluas itu, mampukah negara kita menghasilkan dan mengeluarkan minyak sawit untuk permintaan *bio-diesel* ini, di mana 90 peratus adalah daripada *edible oil* dan hanya 10 peratus daripada diesel. Soalannya bolehkah kita menghasilkan cukup untuk menampung keperluan kita bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat global.

Keduanya, dari aspek produktiviti penghasilan perlu dipertingkatkan hasil daripada 40 tan per hektar kepada 80 tan per hektar Oil Extraction Rate (OER) daripada 19 peratus ke 25 peratus dan FFB 20 tan hektar ke 40 tan, apakah tindakan dan strategi kerajaan pada masa kini? Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat sangat berminat terhadap tajuk ini. Syabas kepada Yang Berhormat.

Bagi keperluan tanah untuk negara kita supaya kita boleh menghasilkan lebih minyak sawit CPO atau *refine*, dengan izin, untuk kegunaan *bio-diesel* ini memang kita tidak dapat menggunakan sejumlah yang kita keluarkan dari hasil ladang dan kebun kita untuk kegunaan biofuel. Ini memang bukan maksud atau dasar kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya *bio-diesel* atau *Methyl Ester* ialah untuk kita eksport ke negara-negara asing yang memerlukannya. Itu dijangkakan sehingga lebih kurang sejuta setengah tan setahun untuk maksud itu dan tambahan kepada Biofeul B5 yang kita akan lancarkan tidak berapa lama lagi - esok sebenarnya oleh Perdana Menteri, ia hanya memerlukan 500,000 tan iaitu setengah juta tan.

So, tambahan sebanyak 1 juta 500 tan bagi *bio-diesel* untuk eksport dan 500 tan lagi bagi Biofuel B5 untuk kegunaan negara. Maksudnya sejumlah 2 juta tan akan digunakan untuk benda-benda ini - bukan semua. Negara kita sekarang ini mampu untuk

mengeluarkan hampir 15 juta tan setahun, maknanya kita hanya sebahagian kecil untuk perkara ini. Walaupun ia bukan sebahagian besar tetapi untuk pendapatan negara dari sumber-sumber ini, maksudnya kita ada tambahan yang besar untuk pendapatan negara. Buat masa sekarang itulah dasar untuk kegunaan minyak kelapa sawit.

Produktiviti itu memang saya setuju, Yang Berhormat. Kita perlu mempertingkatkan produktiviti dan Oil Extraction Rate (OER) yang kita perlukan tambahan bagi masa depan. Kita sedang berusaha dan MPOB sebagai badan R&D kenalah berusaha lebih gigih supaya kita boleh menambah keluaran produktiviti itu sampai mencapai 6 tan. Ini memang betul, satu pencapaian yang kita hendak dapatkan di masa akan datang.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah berusaha ke arah untuk mengusahakan teknologi *bio-diesel* ini. Soalan saya, sehingga kini berapa banyakkah pengusaha-pengusaha *bio-diesel* dalam negara kita ini yang telah diberikan kelulusan ataupun sokongan oleh kementerian dan berapa banyakkah pengeluaran yang telah pun dibuat, walaupun tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa bertantant yang dikeluarkan, tetapi saya tidak nampak lagi dalam pasaran dan saya hendak tahu cara mana *bio-diesel* ini akan dijual, sama ada akan dijual kepada pengusaha-pengusaha syarikat minyak yang sedia ada, yang besar-besar ataupun akan juga diberikan peluang kepada syarikat-syarikat kecil yang ingin menjadi penjual kepada *bio-diesel* ini ataupun hanya untuk tujuan dieksport semata-mata. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih, Yang Berhormat. *Bio-diesel* ini iaitu *methyl ester* itu hanya untuk eksport, kita tidak menggunakannya untuk negara, tetapi kita ada rancangan untuk B5. B5 ini hanya adunan 5 peratus *RBD palm oil* atau *palm olein* dengan 95 peratus diesel petrol. Ini bermakna kita menggunakan adunan B5 ini untuk negara kita.

Saya menyebut tadi Perdana Menteri akan melancarkannya petang esok di Dataran Putrajaya dan selepas itu B5 ini akan digunakan oleh empat agensi kerajaan secara sukarela. Tetapi apabila kita menguji usaha ini sepanjang tahun ini, kalaulah tidak ada masalah yang besar kita akan melancarkannya kepada orang awam pada tahun hadapan. Maksudnya kita akan menyediakan semua infrastruktur membekalkan B5 ini untuk semua *palm diesel* di *petrol station* di seluruh negara. Itu kalaulah kita tidak menghadapi masalah yang besar dalam masa ujian itu. Sekian.

4. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh mana impak positif yang dikenal pasti diperolehi daripada peserta lepasan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak diperkenalkan dua tahun lalu. Adakah pengambilan peserta PLKN ditingkatkan pada setiap sesi pengambilan serta adakah sebanyak 42 kem sedia ada mencukupi.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Larut, maklum balas yang telah diterima oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara jelas menunjukkan bahawa Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah memberi impak yang positif kepada pelatih:

- (i) mengekang remaja daripada terlibat dengan gejala dadah;
- (ii) memberikan banyak pengalaman, memupuk sifat bertanggungjawab dan memantapkan pelatih;
- (iii) memupuk dan menyemai semangat cintakan negara dan menanam semangat kenegaraan berteraskan rukun negara; dan
- (iv) membina keyakinan diri untuk menjadikan pelatih lebih berdikari dan menanam semangat perpaduan di kalangan pelbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kajian secara rawak yang dijalankan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara juga menunjukkan bahawa PLKN telah memberi impak yang positif. Antara penemuan hasil kajian ialah:

- 87% pelatih bersetuju bahawa PLKN telah menimbulkan di dalam diri mereka semangat cinta kepada negara.
- 93% pelatih bersetuju PLKN dapat mempertingkatkan daya ketahanan fizikal dan mental.
- 86% pelatih bersetuju PLKN menyatupadukan rakyat Malaysia.
- 86% pelatih bersetuju PLKN mewujudkan persefahaman yang lebih baik di antara pelatih yang berlainan bangsa dan agama.
- 85% pelatih bersetuju PLKN telah dapat melatih bakal pemimpin.
- 94% pelatih bersetuju PLKN memberikan ilmu pengetahuan dan pengalaman baru kepada mereka.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelatih yang telah dipilih bagi siri 1/2004 dan siri 2/2005 adalah seramai 85,000 orang setahun. Bilangan pelatih kemudiannya telah ditambah kepada siri 3/2006 kepada 95,000 orang. Bilangan kem yang telah dikenal pasti adalah sebanyak 81 buah di seluruh negara bagi menampung pertambahan pengambilan pelatih. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ternyata bahawa sambutan kepada PLKN ini begitu menggalakkan, ramai yang sentiasa menunggu untuk mendapatkan tempat.

Baru-baru ini ataupun hari ini telah dinyatakan oleh Pengerusi Majlis PLKN, Tan Sri Lee Lam Thye bahawa ura-ura untuk mengadakan latihan senjata api ke atas pelatih ini belum lagi mendapat kelulusan daripada Kementerian Pertahanan. Namun demikian saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pelatih-pelatih yang telah menghadiri latihan di PLKN ini akan diberi pra kelayakan ataupun keutamaan apabila mereka ingin menyertai angkatan tentera?

Dengan demikian saya merasakan ia dapat menggalakkan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi penyatuan pelbagai bangsa yang hari ini amat sukar untuk dilihat menyertai angkatan tentera, lebih-lebih lagi dengan adanya pra kelayakan ini akan mengurangkan masalah bagi remaja untuk mendapatkan pilihan terutama sekali untuk menjadi tentera. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Usaha untuk memberi peluang kepada pelatih-pelatih ini menyertai, pengalaman dan pengetahuan dalam penggunaan senjata api sedang pun disusun dan dirancang. Kementerian Pertahanan belum lagi memberi kata putus bila, dasarnya kita bersetuju tetapi bila akan ditetapkan.

Ini terbabit dengan masalah lapangan sasaran yang digunakan oleh pelatih-pelatih dalam kem yang berkenaan. Ada terdapat kem-kem pelatih yang jauh hampir 100 batu dengan lapangan sasaran. Ini akan tidak menjadi kemudahan kepada kem-kem dan jurulatih untuk membawa pelatih-pelatih ini di tempat lapangan sasaran yang berkenaan. Penangguhan ini adalah berasaskan kepada kemudahan yang diperlukan bukan mengenai kemudahan senjata api.

Soalan yang kedua ialah mengenai peluang pelatih-pelatih PLKN menyertai dalam angkatan tentera. Sebenarnya senarai peserta-peserta dalam PLKN ini mendapat pandangan, kerana dari segi inti pati dan latihan yang diberikan kepada mereka bukan sahaja mereka ini boleh menjadi angkatan tentera, kita berharap agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk swasta boleh mengambil mereka ini berdasarkan kepada inti pati dan disiplin yang mereka lalui selama tiga bulan.

Kita mendapat maklumat daripada ibu bapa mereka sendiri bahawa setelah anak-anak ini mengikuti latihan PLKN, apabila mereka balik ke kampung, mereka berpuas hati di atas perubahan disiplin dan tatasusila penglibatan kerja mereka di rumah dengan kawan-kawan adalah baik. Sungguhpun demikian, dalam temu duga untuk menjadi seorang tentera kita juga bukan sahaja membuka peluang kepada pelatih-pelatih PLKN, kita juga membuka peluang kepada *groups* yang dilatih sebagai pasukan latihan kadet di pusat-pusat pengajian tinggi.

Di samping itu kita juga memberi peluang kepada pasukan Angkatan Tentera Wataniah yang secara sukarela menyertai Angkatan Tentera Wataniah di tiap-tiap satu Parlimen sebanyak satu kompeni, dan jika mereka ini daripada segi kesihatan badan dan kemampuan mereka adalah baik peluang ini juga adalah diberikan kepada mereka.

Sebenarnya tiga perkara yang saya sebutkan ini sentiasa memberikan peluang kepada anak-anak dan belia dan beliawanis negara kita menyertai angkatan tentera. Dia bukan kerana kita tidak memberi peluang kepada bangsa asing ataupun keturunan bukan Melayu ataupun bukan bumiputera tetapi pilihan untuk menjadi angkatan tentera adalah pilihan mereka tetapi kita perlu mereka adalah daripada kalangan rakyat yang sihat dan mental yang baik. Terima kasih.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saban tahun mereka yang layak menyertai PLKN ini akan meningkat. Tempat yang disediakan memang terhad. Cumanya, untuk memudahkan mereka yang layak tetapi tidak dipanggil pada tahun 2004 dan 2005 dan pertambahan yang berlaku ini, adakah Kementerian masih mewajibkan mereka ini bakal dipanggil pada suatu tahun nanti tidak tahu bila kerana mereka terpaksa merancang masa depan mereka ada yang berkahwin dan sebagainya kerana kita tahu bahawa PLKN ini wajib kepada semua warganegara yang layak pada tahun itu. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Muar, kita sangat menghargai pandangan ini dan kita juga jangan lupa menjadi suatu budaya dalam hidup berkeluarga. Kalau anak-anak yang minum susu maka kita berikan kepada yang kecil dahulu, jangan yang besar pun hendak minum susu.

Kita mengambil andaian, tahun-tahun yang berkenaan akan dipilih untuk menyertai PLKN dalam tahun yang berkenaan. Umpamanya dalam tahun ini (2006) belia dan beliawanis yang telah dilahirkan dalam tahun 1988. Sekiranya di antara mereka ini tercicir ataupun jempunan yang telah diberikan kepada mereka, tetapi mereka gagal untuk datang. Anak-anak ini akan menjadi *standby* dalam ketika pilihan-pilihan tahun-tahun yang berikutnya tidak cukup.

Kemungkinan kelahiran dalam negara kita bagi tahun-tahun yang berikut kurang daripada yang dikehendaki ataupun anak-anak daripada kelulusan SPM telah pun mendapat tempat di tempat-tempat lain ataupun mendapat tempat di pusat pengajian tinggi di luar negara ataupun mengikuti keluarga mereka meninggalkan negara ini. Maka menjadi masalah kepada Kementerian untuk mencukupi bilangan ini. Maka yang tertinggal itu akan kita ambil, insya-Allah.

Walau bagaimanapun, keperluan yang telah ditetapkan Siri 1 dan 2 bagi tahun 2004 dan 2005 ialah 85,000 tetapi mulai pada tahun ini kita telah tingkatkan kepada 95,000. Insya-Allah dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini dan dengan izin Allah S.W.T kewangan negara kita baik, kedua-dua ini boleh dicantumkan menjadikan niat kita untuk menambahkan kemudahan ini akan berjaya. Terima kasih.

**5. Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pandangan Malaysia terhadap pembinaan loji nuklear di Iran dan Korea Utara dan apakah peranan Malaysia selaku pengerusi OIC dan NAM dalam menghadapi isu ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Bera, untuk maklumat Dewan yang mulia

ini, Malaysia mempunyai pendirian yang berprinsip dan konsisten terhadap isu pengguna tenaga nuklear untuk tujuan keamanan.

Dalam menangani isu pembangunan loji nuklear di Iran, Malaysia mengambil pendirian yang berpandukan prinsip-prinsip sebagaimana yang terkandung di dalam Titi Ketakcambahan Senjata Nuklear atau dengan izin Nuclear Non Proliferation Treaty (NPT). Antara lainnya Artikel 4 NPT dengan jelas menjamin hak setiap negara penandatangan NPT untuk membangunkan tenaga nuklear untuk tujuan keamanan. Di samping itu, Artikel 3 NPT turut memperuntukkan supaya setiap negara penandatangan yang terlibat dalam menjalankan aktiviti ataupun program pembangunan tenaga nuklear wajib meletakkan program tersebut di bawah pemantauan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa atau IAEA iaitu badan pemantau yang ditubuhkan khas di bawah NPT untuk tujuan kawal guna atau dengan izin, *Safe Guards* dan penentu sahkan atau *verification* program-program pembangunan nuklear.

Dalam konteks ini, Malaysia tiada halangan kepada projek pembinaan loji nuklear di Iran atau mana-mana negara sekali pun selagi program-program pembangunan tenaga nuklear tersebut mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah NPT khususnya Artikel 3 dan 4. Selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Malaysia telah mengambil peranan yang aktif dalam menyuarakan pendirian kolektif negara-negara ahli dalam menangani isu pembinaan loji nuklear di Iran.

Antara lain Malaysia telah berperanan untuk mengutarakan pendapat negara-negara ahli bahawa dalam usaha menangani isu pembangunan tenaga nuklear di Iran, negara-negara Barat perlu memastikan tiada sebarang unsur diskriminasi atau *double standard* atau pilih kasih atau *selectivity* dalam penilaian yang dibuat ke atas program-program pembangunan tenaga nuklear di Iraq.

Selain itu, Malaysia berpegang kepada prinsip bahawa segala permasalahan berhubung isu pembangunan tenaga nuklear haruslah diselesaikan di peringkat IAEA memandangkan ia adalah forum yang kita kira paling *competent* untuk menangani hal-hal berkaitan pembangunan tenaga nuklear.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau kita lihat, terutamanya saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mempunyai pandangan menyokong ataupun tidak mencampuri urusan Iran selagi mereka tidak membina bom nuklear dan sebagainya. Kalau kita lihat, di kalangan anggota sendiri tidak sepakat daripada soal ini.

Apabila pihak agensi tenaga atom antarabangsa ditekan oleh kuasa besar, terutamanya Amerika, dengan tekanan supaya Iran dirujuk kepada Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kalau kita lihat, terdapat di kalangan anggota OIC sendiri yang menyokong tekanan yang dibuat oleh pihak Amerika sendiri, misalnya Mesir. Mesir bersetuju supaya Iran dirujuk kepada Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Soalannya apakah peranan kita sebagai Pengerusi OIC? Seperti yang kita tahu bahawa Iran membina loji untuk tenaga. *Double standard* Amerika jelas apabila Israel mempunyai bom nuklear yang banyak. Baru-baru ini mereka menandatangani pula perjanjian dengan India dan sebagainya yang juga membina bom nuklear. Persoalannya apakah peranan Malaysia selaku Pengerusi OIC melobi negara-negara anggota supaya sepakat untuk menyekat tekanan yang dibuat oleh mereka ini. Apakah peranan mereka ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila jawab Yang Berhormat. Banyak soalan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saudara saya Yang Berhormat bagi Bera di atas keprihatinan saudara tentang isu yang berlaku yang menjadi krisis dunia pada hari ini iaitu mengenai pembangunan tenaga nuklear di Iran.

Sebagai Pengerusi Negara OIC, peranan kita ialah bercakap dengan negara-negara OIC yang lain. Tetapi kita perlu tahu bahawa sistem di dalam IAEA yang membuat

keputusan sama ada ingin menghantar laporan IAEA kepada Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ia diputuskan oleh suatu badan yang dinamakan *Board of Governance* IAEA yang mengandungi 35 buah negara yang menjadi penandatanganan kepada NPT.

Isunya OIC tidak ada dalam sistem IAEA ini. Tetapi yang ada ialah NAM. Terdapat 18 buah negara NAM yang bolehlah Malaysia bercakap di kalangan 18 buah negara NAM dan kebetulan pada waktu ini Malaysia sendiri tidak berada di dalam apa yang disebutkan sebagai *Board of Governance* tadi kerana sudah tidak ada giliran kita untuk berada di dalam *Board of Governance*. Tetapi Malaysia menggunakan kesempatannya sebagai Pengerusi NAM telah menyatakan pendirian NAM semasa mesyuarat *Board of Governance* baru-baru ini. Tetapi malangnya sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa terdapat beberapa negara di kalangan negara-negara NAM kita sendiri yang telah mengambil keputusan waktu pengundian untuk menyokong resolusi yang dikemukakan oleh 3 buah negara *European Union* (EU) iaitu Perancis, Jerman dan Britain.

Di kalangan negara-negara NAM sendiri telah menyatakan persetujuan mereka kepada resolusi tersebut dan perkara ini sekarang telah dihantar maklumat tersebut ataupun *report* daripada IAEA *Board of Governance* kepada Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, peringkatnya sekarang ialah di peringkat Majlis Keselamatan, kita sedang menunggu apakah kenyataan yang akan dikemukakan oleh Presiden yang merupakan kenyataan bersama negara-negara yang menjadi anggota kepada Majlis Keselamatan tersebut dan kita sememangnya mengharapkan perkara ini tidak sampai ke situ kerana kita bimbang sekiranya sampai ke situ, ia mungkin akan melibatkan isu ini semakin dipolitikkan dan akan mencetuskan krisis baru kemudiannya.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon penjelasan, sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut berhubung dengan usaha-usaha OIC oleh Malaysia untuk memastikan tidak berlakunya unsur diskriminasi, *selectivity* dan juga *double standard*. Apakah kita benar-benar mempunyai suatu kuasa untuk memastikan perkara ini tidak berlaku ataupun ia sekadar merupakan apa yang disebut sebagai NATO, *no action, talk only, toothless* dengan izin mohon penjelasan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga sahabat saya. Satu perkara yang menjadi isu yang selalu Malaysia menyatakan pendiriannya ialah tentang perkataan *double standard* yang dimaksudkan tadi. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi, kita telah menyatakan termasuk kepada kuasa besar dunia bahawa kebimbangan kita ialah apabila perkara ini dibawa ataupun dirujuk kepada Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, ia menggambarkan bahawa terdapat *double standard* kerana pendirian Malaysia kalau boleh seluruh rantau Timur Tengah seharusnya menjadi sebuah rantau yang *nuclear free* iaitu bebas daripada nuklear. Ini termasuk Israel, negara-negara lain dan juga kita menyatakan kenapa kita tindakan yang sama tidak diambil kepada negara seperti Korea Utara dan sebagainya.

Alasan yang mereka berikan bahawa Israel bukanlah negara penandatanganan kepada *Treaty NPT* ataupun *Non Proliferation Treaty* yang telah saya sebutkan tadi. Sekiranya inilah alasan yang dikemukakan, kita terus bertanya apakah bahawa dunia sekarang ini menggalakkan supaya negara-negara yang menjadi penandatanganan kepada *treaty* ini menarik keluar daripada menjadi anggota kepada NPT dan sekiranya ia berlaku, sudah tentu ia akan menimbulkan masalah yang baru kerana sekiranya negara ini sudah tidak menjadi negara NPT, tidak ada lagi kuasa ataupun agensi seperti IAEA dapat datang untuk memantau dan menyelenggarakan program-program seperti yang sekarang berlaku di Iran.

Inilah kebimbangan kita sekiranya Iran juga akhirnya berpendapat mereka perlu keluar daripada NPT dan kita mengharapkan perkara ini tidak berlaku.

6. **Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah peranan BERNAMA selaku Agensi Berita Nasional. Adakah BERNAMA mempunyai pejabat di luar negara dan sejauh mana berita yang dikeluarkan oleh BERNAMA diguna pakai oleh akhbar-akhbar tempatan.

**Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, BERNAMA sebagai badan berkanun persekutuan yang telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 1967 dan mula beroperasi sebagai Agensi Berita Nasional mulai 20 Mei 1968 telah membekalkan berita maklumat secara tepat, cepat, objektif dan lengkap kepada pelbagai pihak dalam bentuk teks, audiovisual dan foto. BERNAMA menyebarkan berita dan maklumat menerusi pelanggan media yang terdiri daripada 30 akhbar tempatan, 10 stesen televisyen dan 50 stesen radio tempatan serta pelanggan bukan media seperti badan-badan perniagaan dan institusi-institusi lain.

BERNAMA juga memainkan peranan untuk mempromosi Malaysia kepada dunia luar menerusi 10 pelanggannya yang terdiri daripada agensi berita asing termasuk Reuters, AFP, DPA dan Jinguu. Program pertukaran berita dengan 37 agensi berita negara-negara anggota, dengan izin The Organization Of Asia Pacific News Agencies atau OANA dan program pertukaran berita dengan agensi-agensi berita dan akhbar Afrika yang dikenali sebagai CFNI.

BERNAMA kini juga memainkan peranan mempromosi Malaysia kepada negara-negara Arab menerusi perkhidmatan berita dalam Bahasa Arab kepada 17 agensi berita dari negara-negara Asia Barat. Penyaluran berita-berita ini dilakukan menerusi kerjasama pertukaran berita. BERNAMA juga telah menubuhkan perkhidmatan berita dalam Bahasa Mandarin dan di antara lain bertujuan mempromosikan Malaysia di negara China.

Selain daripada mempunyai 14 pejabat di setiap negeri di seluruh negara termasuk di Putrajaya, BERNAMA juga menempatkan '*correspondent*' nya di Singapura, Jakarta dan Bangkok untuk memperluaskan jangkauan pemberitaan di rantau ini.

Untuk pembekalan berita dan maklumat dari ibu-ibu negara lain, BERNAMA juga menggunakan khidmat '*retainer*' atau '*stringer*' di Manila, New Delhi, Dhaka, Melbourne, Dubai, Berlin, Washington dan London.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan bahawa BERNAMA mempunyai satu unit audiovisual. Soalan saya, sejauh manakah peranan BERNAMA televisyen di dalam arus perdana elektronik ketika ini. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua saya difahamkan bahawa pelanggan utama BERNAMA televisyen ialah ASTRO yang disiarkan melalui saluran RIA itu, pukul 11 malam dan pukul 6 pagi selama 15 minit sahaja. Adakah kita bercadang untuk memastikan supaya televisyen BERNAMA ini dapat diterima di dalam RTM, televisyen, TV3 atau lain-lain channel televisyen yang ada di dalam negara kita untuk memberi makluman-makluman yang jelas terhadap program-program kerajaan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang sedia maklum bahawa BERNAMA mempunyai unit perkhidmatan audiovisual yang telah beroperasi sekian lama. BERNAMA TV juga membekalkan skrip dan visual berita bukan hanya kepada ASTRO tetapi juga kepada RTM. Program berita 15 minit untuk siaran ASTRO umpamanya dibuat dalam empat bahasa, Bahasa Melayu, Tamil, Mandarin dan juga Inggeris. Untuk buletin Bahasa Malaysia waktu siarannya 11.00 malam dan 6.00 pagi di saluran Astro Ria. Untuk Berita Mandarin waktu siarannya 10.30 malam dan 7.00 pagi di saluran Astro AEC dan untuk Berita Tamil waktu siarannya ialah pada 8.30 malam dan 6.30 pagi di saluran Astro 'Vayavil'. Untuk buletin Bahasa Inggeris juga disiarkan pada jam 7.30 malam dan 12.00 tengah malam di saluran Astro Prima.

Di samping itu, BERNAMA TV turut membekalkan 10 hingga 15 minit '*footages*' berita setiap hari kepada RTM. Di samping itu BERNAMA juga mempunyai laman web BERNAMA yang dikenali sebagai [www.Bernama.com](http://www.Bernama.com) yang dilayari secara percuma. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, website ini dilangani atau dilayari oleh lebih daripada 16 juta hitz sebulan. Iaitu satu bukti yang memperlihatkan kelebihan BERNAMA sebagai sebuah agensi berita kerajaan yang reliable dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rancangan jangka panjang, insya-Allah jika mendapat keizinan, BERNAMA TV juga akan berperanan bukan sahaja untuk menyebarkan berita kepada media elektronik tempatan tetapi mempunyai rancangan jangka panjang untuk memperluaskan ke luar negara kita.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, BERNAMA mempunyai sebuah pejabat di Kota Kinabalu dan pejabat ini mewakili pemberitaan yang cepat dan tepat untuk seluruh negeri Sabah. Saya ingin tahu apakah masalah untuk BERNAMA mewujudkan lebih banyak pejabat di negeri Sabah terutama di Tawau dan di Sandakan, terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, memang BERNAMA berhasrat untuk menubuhkan pejabat-pejabat cawangan di setiap ibu negeri dan bandar-bandar kecil. Tetapi kita juga menggunakan perkhidmatan '*retainer*' atau '*stringer*' di kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tetapi kalau Yang Berhormat mempunyai calon-calon yang sesuai yang bukan saudara-mara Yang Berhormat mungkin boleh diberikan kepada saya untuk kita latih sebagai '*retainer*' atau '*stringer*'.

**7. Ir. Shaari Bin Tuan Hassan bin Haji Shukri [Tanah Merah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes jangkitan JE (Virus Nipah) yang berlaku di Kelantan mengikut jajahan sejak tahun 2000.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2000 sehingga minggu ..... ke tahun 9 iaitu 2006 sehingga semalam hanya ada satu kes JE yang dilaporkan di negeri Kelantan iaitu di jajahan Tanah Merah. Didapati bahawa tidak ada kes jangkitan Virus Nipah dilaporkan di Kelantan dalam tempoh yang sama.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah dan dari manakah punca jangkitan satu kes yang kita kenal pasti di Tanah Merah ini dan apakah virus ini dibawa oleh babi liar dan apakah mereka yang memakan daging babi juga boleh dijangkiti oleh virus JE, sekian terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Tanah Merah. Penyakit JE Tuan Yang di-Pertua, Japanese Encephalitis ini adalah satu penyakit yang transmit dengan izin daripada nyamuk yang kita namakan nyamuk culex. Nyamuk Culex ini ada virus JE, ia daripada babi atau khinzir atau burung liar, dia gigit manusia jadi transmisi JE ini adalah daripada babi, nyamuk, manusia. Sementara Nipah dia adalah *direct* daripada babi terus kepada manusia, dia tidak ada nyamuk di situ. Jadi kes yang berlaku di jajahan Tanah Merah ini melibatkan pesakit yang berumur muda iaitu 28 tahun, mula sakit pada 17 Januari dan masuk wad pada 24hb., dia lambat masuk wad tetapi selepas masuk wad, 26hb itu kita sudah dapat tahu keputusan dan kita confirm penyakit JE. Mengenai kenyataan Yang Berhormat Tanah Merah mengatakan siapa juga yang makan daging babi boleh kena JE atau Nipah Virus ini tidak benar. Cuma kalau kita pastikan kita masak sehingga lebih daripada 70 *degree Celsius* semua jenis virus akan mati.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]**

## USUL

### USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Kesebelas.” **[16 Mac 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Jasin untuk menyambung ucapan.

**11.10 pagi.**

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya Tuan Yang di-Pertua semalam tidak berapa hendak lelap tidur kerana memikirkan beberapa hal. Lebih-lebih lagi masalah yang telah ditimbulkan oleh *Straits Times* semalam berkenaan yang telah saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, tahun sudah dan minggu sudah sekali lagi semalam telah diambil perhatian oleh *News Straits Times*, ucap terima kasih kepada *Straits Times*, kerana melibatkan bos saya lama, Tan Sri B.C. Sekhar, Ketua Pengarah RI dulu telah menjalankan kajian terhadap jatropha yang saya telah sebutkan tadi dan saya minta kerajaan lebih-lebih lagi Kementerian Komuniti ataupun Kementerian Pertanian kerana jatropha ataupun buah jarak ini telah digunakan oleh orang kampung pada zaman dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Orang kampung dahulu masa zaman Jepun, masa tahun 60-an tahun 70-an, mereka menggunakan andang ataupun benda hendak mencahayakan waktu malam dengan mengambil buah jarak ini dia tumbuk-tumbuk dan dia bakar, bermakna tanaman ini telah ada di Malaysia lama dulu. Bagaimana yang dijawab oleh Menteri Komuniti tadi bahawa kita pada hari ini sudah mula era *bio-diesel*, kita menggunakan minyak kelapa sawit tetapi ada lagi bahan alternatif yang lebih baik daripada kelapa sawit yang sudah ada di dalam negara kita mengapa tidak kita komersialkan. Lebih-lebih lagi yang ini lagi cepat menteri, daripada benih kita tertuduh di tanah dalam masa sembilan bulan sudah boleh mengeluarkan hasil. Sembilan bulan, dan inilah satu tanaman yang paling baik untuk orang kampung, bagaimana saya sebut ini tanaman pokok orang Melayu ini. cucuk, tanam, tinggal, ada buah, tuai. Sembilan bulan ada hasil dan mengikut kajian yang dijalankan oleh Tan Sri B.C. Sekhar bahawa inilah satu-satu tanaman yang boleh mengatasi masalah kemiskinan di kampung yang mana ibu tunggal pun boleh menjaga pokok-pokok ini dengan senang kerana jika setakat tiga ekar, lima ekar tidak perlu mengadakan pekerja. Dia satu orang boleh mengendalikan kerana memetik buah ini dan apabila saya lihat masalah yang serius yang kita hadapi yang mana TNB pada hari ini minta supaya dinaikkan harga kerana harga minyak sudah melambung.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya terfikir pula oleh sebab pokok jarak ini Tuan Yang di-Pertua, ianya tinggi lebih kurang dua meter, kalau TNB tanam di bawah *high attention wire* dia itu, di bawah itu tanam pokok jarak ini dia sudah dapat bekalan *bio-diesel* secara percuma. Seberapa panjang itu dan pokok ini kita jangan tunggu lama lagi, hari ini *British oil one company* sudah menanam dekat *Madagascar* beribu ekar kerana *bio-diesel* ini diperlukan di Eropah dan benda ini ada di dalam negara kita hanya kita tidak komersialkan dan kita tahu pada hari ini kita menghadapi masalah banyak tanah terbiar. Tiap-tiap negeri menghadapi masalah ini dan pokok inilah saya penuh yakin dan percaya apa jenis tanah pun boleh tumbuh dengan sihat tanpa dibaja, tanpa di apa-apa. Kita boleh buat tanaman pagar, kita boleh tanam dekat reserve BID..... kita boleh tanam di mana-mana sahaja kerana tidak perlukan pembajaan yang itu.

Oleh demikian saya berharaplah dengan saranan yang pada hari ini, mana negara yang boleh mendapat bahan alternatif untuk menggantikan minyak, negara itu akan dapat makmur dan kaya-raya kerana ini adalah permintaan dunia dan kita di dalam negara kita tidak ada kurangnya. Berbalik daripada ucapan saya yang minggu Khamis dahulu, saya minta maaf kepada kakitangan kerajaan. Ada yang telefon saya ucap tahniah, ada yang mengata saya. Saya bukan tujuan hendak kita bergaduh dengan pegawai kerajaan. Hanya pada hari ini kita lihat *delivery system* kita lemah sangat dan kita di dalam Dewan yang mulia ini boleh buat apa sahaja dasar-dasar negara, dasar-dasar kerajaan untuk memajukan negara kita.

Menteri dengan idea-ideanya tetapi pelaksanaannya ialah pegawai kerajaan. Oleh demikian saya menyeru balik kepada kerajaan supaya balik ke belakang balik bagaimana zaman Tun Abdul Razak dahulu. Zaman Tun Abdul Razak dahulu di JPA ada satu *pool* yang mana pegawai-pegawai kerajaan yang kurang dinamik, yang mana pegawai kerajaan yang tidak sehaluan dengan kerajaan, diletak di dalam *pool* dahulu dan yang mana pegawai-pegawai kerajaan yang dinamik, yang sanggup bekerja untuk orang ramai untuk sanggup membangunkan negara, dinaikkan pangkat sewajarnya walaupun mereka ini muda lagi. Itulah sebab kalau kita lihat zaman Tun Abdul Razak dahulu Allahyarham Tun Hanif Omar menjadi Ketua Polis Negara ketika umur 30 lebih. Ketua Pengarah RISDA ketika itu Dr. Mohd Noor bin Abdullah, menjadi Ketua Pengarah RISDA apabila umur 32 tahun.

Jadi saya berharap supaya kerajaan meneliti balik cadangan ini kepada mana pegawai-pegawai kerajaan yang kerja begitu dinamik dan apa, kita naikkan pangkat dia kerana kalau sudah tinggal dua tahun, tiga tahun lagi baru kita hendak naikkan pangkat dia jadi DO, jadi Timbalan KSU, jadi KSU....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Beluran.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** .....maka tinggal dua tahun lagi itu dia hanya memikirkan bagaimana dia hendak pencen besok apa kerja dia hendak buat. Dia menyediakan tempat untuk dia pencen, mana Lembaga Pengarah dia hendak duduk. Jadi itu yang dia fikirkan bukan dia hendak memikirkan untuk memajukan negara ini. Sila Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Jasin, kita mempunyai Sistem Penilaian Kakitangan Kerajaan, melalui SSB (Sayang-sayang Bos). Apakah pendapat Yang Berhormat Jasin bahawa SSB ini tidak dapat dinilai kakitangan yang berada dalam *comfort zone*, kakitangan yang proaktif dan sebagainya. Adakah perlu dilihat sistem penilaian prestasi kerajaan yang ada sekarang ini.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya Beluran tadi itulah keadaan dia SSB ini, (Sayang-sayang Bos). Kalau bos itu menyimpang dia pun ikut menyimpang tetapi dia naik pangkat. Jadi sistem itu tidak baik. Jadi kita kena ubah sistem ini. Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sistem penyampaian ini kita berharap kepada rakan-rakan kita dalam perkhidmatan awam supaya melihat benda ini kerana kita bersama-sama bertanggungjawab untuk memajukan bangsa dan negara yang kita cinta ini. Tuan Yang di-Pertua ada dua ini Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** [Bangun]

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** [Bangun]

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Tiga-tiga, satu di sini.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Bagi anak buah dahulu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, dia panggil saya anak buah sepatutnya dia ayahanda saya tetapi saya panggil kakandalah fasal muda lagi orang itu nampak sahaja sudah tua. Yang Berhormat Jasin menyebut tentang sistem-sistem persaraan yang diperkenalkan oleh kerajaan mungkin satu ketika dahulu diguna pakai dan hari ini di bawah pentadbiran dan pengurusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mungkin ketidakberkesanan sistem tadi telah dikenal pasti dan Yang Amat Berhormat telah menyarankan satu cara baru bagaimana kita boleh mengenal pasti prestasi ataupun *performance* setiap anggota kerajaan itu berdasarkan *key focus areanya* dan dia ada *KPI-KPI* dia, (*Key Performance Indicator*), angka tunjuk prestasi utama.

Yang Berhormat Jasin, apa komen Yang Berhormat Jasin tentang KPI ini di mana KPI ini juga telah disalahgunakan oleh sesetengah anggota kerajaan untuk menunjukkan keupayaan mereka pada ketika di hadapan bos sahaja dan dengan memanipulasikan sistem-sistem yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tangga Batu, itu yang saya sebutkan tadi. KPI ini bersabit dengan SSB ini, lebih kurang samalah, kalau dia pandai mengambil hati bos dia, maka cemerlanglah dia, gaji dia menegak saja, tak ada melintang. Tapi kalau dia ada selisih dengan bos dia, walaupun dia kerja baik pun, dia tak akan dapat ganjaran apa-apa, ini masalah yang kita hadapi hari ini. Oleh yang demikian, kita kena ada satu cara yang lain, biar ramai yang menilainya, jangan bos sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Lipis.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sila.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Jadi, berbalik kepada *delivery system* tadi, saya percaya sekarang ini antara kelemahan *delivery system* kerajaan ini ialah kerana ketidakcukupan pegawai. Ada jabatan-jabatan kerajaan yang pegawainya memang tidak cukup, jadi kalau sudah pegawainya tidak cukup, macam mana mereka hendak berkesan?

Jadi apa yang kita harapkan di sini ialah supaya pihak yang berwajib memastikan pegawai-pegawai atau kekosongan pegawai di satu-satu jabatan itu diisikan dengan segera. Dan, yang keduanya dari segi penilaian prestasi tadi, kalau kita lihat dulu ada SSB, sekarang dah tukar kepada SSM. Dulu Sistem Saraan Baru, ada menegak, melintang, *performancenya*, penilaian prestasinya daripada Ketua Jabatan. Sekarang sudah bertukar kepada SSM, Sistem Saraan Malaysia. Kalau kita lihat Sistem Saraan Malaysia ini ia menitikberatkan kepada peperiksaan.

Masalahnya sekarang atau isunya, ada pegawai yang, katakan Ketua Jabatannya grednya sama dengan timbalannya atau penolongnya. Penolongnya sudah lulus peperiksaan, sudah lulus PTK, Penilaian Tahap Kecekapan, tetapi kadang-kadang ketuanya tidak mengambil periksa. Jadi, sistem kenaikan pangkat itu sudah haru biru. Jadi macam mana, mohon pandangan daripada Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya dari Kuala Lipis. Ini terserahlah kepada kerajaan, kita ada MAMPU, kita ada INTAN, yang mana mengkaji soal ini. Yang penting kepada kita pada hari ini, sebagaimana yang disarankan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Tuanku sendiri melihat macam mana kita melihat bahawa sistem penyampaian kita pada hari ini begitu lemah sekali, dan teguran-teguran ini ialah untuk kita memperbaiki keadaan. Pagi tadi saya telefon Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, kerana saya balik kampung hujung minggu, di kawasan Sungai Rambai sempadan Muar, nelayan-nelayan situ kompelin pada saya, dia kata subsidi diesel mereka tidak dapat.

Pukul 8 pagi, saya telefon Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia melalui daripada diari yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri Melaka. Ikut nombor itu, saya dail-dail tidak dapat Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat. Maka saya pun dail 103, hendak ambil nombor sebenar. Bila dapat dekat *reportemya*, saya tanya, "Pengarah ada?" "Pengarah cuti, encik". "Timbalan Pengarah?". "Timbalan Pengarah pergi mesyuarat, encik, apa hal encik?". "Saya hendak tanya soal diesel, subsidi diesel" Dia kata, "Pegawai yang jaga diesel, cuti encik". "Jadi kalau tidak ada pegawai yang jaga diesel ini, dengan siapa saya boleh bercakap?". Dia kata, "Cakaplah dengan pegawai ini, kerana mungkin dia tahu berkenaan dengan diesel". Saya kata, "Sambunglah pada dia." Apabila dia sambung, "Maaf encik, pegawai ini *on the line*". Bermakna berguna, jadi saya letak balik telefon.

Pukul 8.15 saya telefon lagi, hendak cakap dengan pegawai ini, masih lagi *on the line*. Wah! Tak habis. 8.30 saya telefon lagi, bila dia kata, "*On the line, on the line.*" Saya pun tunjuklah 'act' saya, "Ini Ahli Parlimen Jasin, saya hendak tahu berkenaan dengan subsidi diesel di kawasan saya. Saya minta pegawai ini telefon saya, ini nombor saya." Saya tunggu-tunggu sampai pukul 9, tidak telefon. Jadi saya telefon lagi, saya telefon lagi, *last-last* saya pun sudah naik angin, saya kata, "Kau bagi saya nombor telefon *hand phone* pegawai yang jaga subsidi diesel ini". "Minta maaf, Datuk, dia dah pesan dengan saya tidak boleh bagi nombor telefon ini". Saya kata, "Hey! Ini Parlimen Malaysia, ini soal penting, soal subsidi diesel."

Bertekak punya bertekak, akhirnya dia bagi saya nombor telefon pegawai yang sedang bercuti. Jadi, saya cakap dengan pegawai itu bahawa nelayan di kawasan saya tidak dapat subsidi diesel, bagaimana keadaannya itu? Dia kata, "Datuk, kita sedang menunggu pendaftaran". Menunggu pendaftaran. "Macam mana kau buat?" Dia kata, "Kita sudah tempatkan balai-balai nelayan di seluruh Jasin ini, kita sudah tampal poster-poster, meminta nelayan-nelayan ini datang ke pejabat nelayan kawasan untuk mendaftar mendapat subsidi diesel." Subsidi diesel ini Tuan Yang di-Pertua, bermula pengumuman kerajaan pada 28 Februari, hari ini sudah berapa hari bulan? Sudah 20 hari, saya kata dengan dia, "Kalau kau hendak minta supaya nelayan mendaftar, kalau nelayan ini pandai menulis, nelayan ini pandai membaca, nelayan ini pandai, dia tidak jadi nelayan, dia jadi pegawai macam kau ini".

Seharusnya apabila masalah ini timbul, LKIM ini pergilah ke bawah, berjumpa dengan nelayan, daftarkan nelayan itu, bukan ramai sangat pun. Saya datang sini Tuan Yang di-Pertua bercakap dengan Ketereh, dia ada sini. Dia kata, "Datuk, yang Datuk pergi telefon LKIM kerana hendak jaga nelayan pasal apa? *You don't have the authority to call* LKIM kerana itu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Yang masalah yang kita hadapi pada hari ini ialah nelayan, dia jaga ikan". Wah! Ya tak ya juga, saya fikir kerana pada hari ini.....  
[Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Bukan Lembaga Kemajuan Nelayan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Sila Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasanlah. Saya pun gembira dengan suara Yang Berhormat bagi Jasin.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Soalan-soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang banyak soalan, yang pertamanya di Jasin itu, berapa bilangan nelayan? Sama ada nelayan pantai ataupun nelayan laut dalam? Yang keduanya, mengenai subsidi ini, setakat mana Yang Berhormat anggap munasabah bagi subsidi kepada nelayan dan kadar subsidi yang diperlukan? Yang kedua, banyak soalan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang ketiga!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang ketiga sudah, yang ketiga itu sampai bila kita akan terus memberi subsidi ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ha, cukup.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Kepong, Kepong yang sentiasa terkepong. Di sana mana ada nelayan, jadi kalau saya hendak cakap pun Kepong tidak faham. Yang ada nelayan di Jasin, Sungai Rambai sampai sana, ramai nelayan. Ada nelayan pesisir pantai, laut dalam Melaka tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan dia mungkin hendak membantu Yang Berhormat supaya pihak kerajaan tahu berapa ramai.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya, tidak apa Tuan Yang di-Pertua, saya tahu niat baik dia, dia baik hati, saya tahu. Kerana yang saya hendak mempertikaikan ini, diesel dan subsidi itu yang dia bagi harga RM1 cukuplah, memang memadai 1 *dollar*, daripada kalau ikut harga runcit, RM1.52, jadi pada hari ini nelayan dapat RM1, cukup untuk nelayan membantu mereka. Lebih-lebih lagi yang pesisiran pantai. Yang jadi masalah saya hari ini, yang saya nak mempertikaikan ialah pelaksanaan dia.

Saya diberitahu oleh pegawai ini Tuan Yang di-Pertua, dia kata apabila sudah daftar, dia akan diberi kad, jadi kad ini gunanya nelayan di Sungai Rambai itu kena datang ke bandar Melaka, bawa lori ke, bawa apa, ambil subsidi itu mengikut daripada kemahuan dia ataupun yang diluluskan untuk dia. Saya punya congak-congak Tuan Yang di-Pertua, sewa lori dari Sungai Rambai datang ke Melaka hendak ambil diesel, RM50 ataupun RM60.

Yang dapat subsidi lima puluh sen sahaja. Berapa liter satu nelayan hendak dibagi satu dua hari? Kalau dibagi dua ratus liter bermakna dia dapat subsidi RM100.00. Masa yang dia terbuang daripada Sungai Rambai hendak datang ke bandar Melaka sewa lori RM60.00, enam tolak enam kata orang Kelantan licinlah, enam tolak enam, licin, faham Kepong? Subsidi ini habis belanja, habis belanja tengah jalan sahaja. Tidak ke boleh supaya LKIM membahagi kad e-diesel ini supaya nelayan ini boleh beli minyak di mana di tempat dia di Sungai Rambai ada pam minyak dia beli dekat Sungai Rambai. Jadi tujuan kerajaan untuk membagi subsidi pada nelayan ini Kepong amat murni hendak membantu yang orang-orang susah ini, tetapi oleh kerana sistem penyampaian kita yang rosak, yang teruk membuatkan tidak ada makna.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya, sila Kepong ada lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ada banyak hal tetapi tidak jawab langsung. Tuan Yang di-Pertua penjelasan, penjelasan, tadi saya hendak minta tahu bilangan nelayan yang terlibat.

Yang kedua itu saya setuju ada kelemahan di dalam sistem mesti ada, ada kelemahan dan kita mesti memperbaiki dengan serta-merta tetapi Tuan Yang di-Pertua kalau kita hendak bagi setakat hendak bagi tiket beli macam mana, siapa akan memantau dari berlakunya penyelewengan atau "*kongkalikung*" itu bahasa Melaka itu. Siapa akan menjaga tidak berlakunya penyelewengan? *Kongkalikunglah* itu.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Kepong. Di kawasan Parlimen saya mengikut pendaftaran yang ada bilangan nelayan kurang lebih ada 240 orang. Yang enjin dalam yang gunakan diesel kurang lebih 50 orang baki dia adalah gunakan bot-bot *fiber outboard* enjin yang memerlukan petrol. Yang ini subsidi akan mula 1 Jun bagaimana diumumkan oleh Menteri. Yang jadi masalah ini ialah nelayan yang enjin dalam dan mereka ini persisiran pantai Tuan Yang di-Pertua dia tidak guna banyak diesel, paling-paling pun satu dram plastik 40 liter, 50 liter. Kalau dia terpaksa datang ke Melaka membeli diesel ambil diesel subsidi ini akhirnya tidak ada makna jadi saya mintalah dalam keadaan bila kita sedang.....

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Rembau.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Nanti sekejap. Dalam keadaan kita sedang menghadapi masalah diesel subsidi ini Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah Kementerian Pertanian arahkan pegawai-pegawai yang terlibat dengan subsidi ini tidak ada cuti kerana ini yang dok bising ini nelayanlah, orang kampung. Mengapa pengarah hendak cuti, timbalan pengarah hendak cuti, yang jaga diesel ini pun cuti dalam keadaan ini? Jadi kita harap orang-orang yang bertugas baru pun tidak sampai sebulan kerajaan hendak praktikkan subsidi ini, kalau boleh janganlah cuti kita terpaksa menjalankan pendaftaran nelayan, turun ke bawah. Ini yang sistem penyampaian kita pada hari ini yang tidak terlaksana pegawai hendak duduk pejabat tidak turun ke bawah. Jadi, sila Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Jasin. Tadi Yang Berhormat ada sebut soal nama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Ketawa]

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Jadi saya hendak minta penjelasan mungkin nama itu tidak serasilah tidak berapa sesuai sebab yang jaga fasal perikanan ini kita sudah ada Jabatan Perikanan. Jadi mungkin apa kata Yang Berhormat kalau kita cadangkan supaya LKIM ini tukar nama kepada Lembaga Kemajuan Nelayan Malaysia supaya pegawainya lebih fokus supaya tumpuan lebih kepada membangunkan masyarakat nelayan daripada memikirkan soal ikan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Rembau. Yang ini saya kira Ketereh lebih arif. Ada ketereh hendak komen soal ini? Jemput Tuan Yang di-Pertua, saya jemput boleh Ketereh?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu peraturan mesyuarat? [Ketawa]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tidak Tuan Yang di-Pertua dia lebih arif Tuan Yang di-Pertua, fasal Kelantan dia banyak nelayan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, bukan, Yang Berhormat minta kebenaran mana satu peraturan mesyuarat yang membenarkan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tidak, dia sudah bangun, dia tunjuk-tunjuk saya tadi Tuan Yang di-Pertua saya suruh dia bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia sendiri bangun benarkan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Okey, saya benarkan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebenarnya saya bangun dari tadi lagi bila Yang Berhormat bercakap mengenai Lembaga Kemajuan Ikan saya bangun daripada tadi. Pada pandangan sayalah semasa kita berbual di luar bercakap dari hari pertama lagi, *we were wrong for twenty years*, kita telah silap untuk 20 tahun yang lalu. Sebab Lembaga Pekebun Kecil jaga pekebun kecil, getah. Dia tidak jaga industri getah, dia jaga pekebun kecil.

Lembaga Pemulihan Tanah dia jaga tanah-tanah terbiar, Lembaga Tanah jaga tanah tetapi untuk Kemajuan Ikan ini kita tidak tahu macam mana kita boleh terfikir buat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, yang dia dok jaga fasal ikan sebab itu ikan sahaja yang dia jaga nelayan dia tidak jaga. Sedangkan kebajikan sebenar yang hendak dijaga ialah nelayan hendak bagi subsidi kepada nelayan, hendak bagi bot kepada nelayan, hendak jaga kebajikan nelayan, hendak naikkan pendapatan nelayan tetapi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Itu yang saya kata bila kita telefon Lembaga Kemajuan Ikan hendak bercakap fasal nelayan dia tidak ada *authorities* sebab dia jaga ikan, dia jaga ikan besar ikan kecil itu, yang saya kata, lebih baik sekarang saya hendak mencadangkan supaya

Yang Berhormat masuk dalam ucapan cadangan kepada kerajaan yang salah itu salahlah tidak apa hendak buat macam mana manusia memang salah. Lembaga Kemajuan Ikan harus ditukar kepada Lembaga Kemajuan Nelayan Malaysia baru boleh jaga nelayan, fasal subsidi nelayan, fasal bot nelayan, pendapatan nelayan, soal kemiskinan ini jaga ikan. Terima kasih boleh setuju tidak?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Ketereh. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya jadikan apa yang saranan Ketereh ini sebahagian daripada ucapan saya.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ada lagi Parit?

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Fokus ucapan Yang Berhormat Jasin ialah berkenaan dengan *delivery system* jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jasin. Saya percaya ketua-ketua jabatan oleh kerana mereka ini orang yang bertanggungjawab untuk menjaga imej jabatan mereka, adakah sekarang ini wujud satu sistem pemantauan dalaman bagi ketua jabatan untuk memantau dan mengesan perjalanan jabatan masing-masing. Umpamanya saya bagi contoh misalnya pada hari ini kita dapat rungutan daripada pelanggan-pelanggan tentang proses permohonan yang lambat dibuat oleh jabatan yang berkenaan, sedangkan di dalam piagam pelanggan masing-masing sudah ada tertera tempoh yang diperlukan untuk memproses satu-satu permohonan itu. Yang menjadi masalahnya sekarang ialah adakah sistem pemantauan dalaman bagi membolehkan ketua jabatan itu mengesan setiap permohonan yang diterima oleh jabatan itu dan dia boleh bertindak bertanya kepada ketua unit ataupun ketua jabatan di bawahnya tentang kemajuan satu-satu proses permohonan yang dibuat oleh jabatan berkenaan. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Parit. Yang sebenarnya ada tetapi pelaksanaan dia lemah. Semua itu ada KPI ada apa semua ada ISO ada, apabila dapat ISO dia buat kenduri besar jabatan itu tetapi pelaksanaan dia ke bawah tidak buat. Setakat retorik dipamerkan di kementerian itu piagam pelanggan, wah, permohonan mesti selesai dalam masa dua minggu, dua tahun pun ada yang tidak selesai.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat panjang lagi?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua ini baru mukadimah Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak pindah topik lain ini kawan-kawan kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Nanti saya akan mencadangkan supaya masa dihadkan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua ada lagi Tuan Yang di-Pertua baru mukadimah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tolong gunakan masa yang begitu baik untuk Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Jasin. Saya telah memerhati ucapan Jasin tadi dari permulaan sampai sekarang ini. Isu pokok yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi ialah mengenai *delivery system* dan juga pelaksanaan.

Saya hendak mendapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Jasin mengenai satu mentaliti sekarang ini, terutamanya kakitangan-kakitangan kerajaan ataupun ketua-ketua jabatan tertentu bahawa tadi Yang Berhormat Jasin kata kita ini ialah Ahli Parlimen, setiausaha Parlimen ataupun menteri atau timbalan menteri yang buat dasar dan kita ini datang dan pergi tetapi saya sebagai kerajaan atau ketua pejabat saya ada di sini bertahun, tahun. Saya tahu bagaimana keadaan di bawah dan saya akan melaksanakan

sesuatu yang terbaik mengikut dasar-dasar. Tetapi apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat ini ialah mengenai bahawa kita ini di atas ini tidak faham keadaan di bawah. Apakah pandangan, adakah *mentality* ini akan adalah salah satu sebab mengapa masalah pelaksanaan projek-projek ataupun program tertentu ditekan oleh kerajaan ini atau gagal setakat ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bolehkah selepas jawapan kepada Yang Berhormat bagi Puchong, beralih kepada tajuk yang lain?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih Yang Berhormat bagi Puchong, saya kira saya sudah habis berucap berkenaan dengan ini, tidak payah saya hendak ulang kerana menghormati masa Yang Berhormat bagi Puchong. Hanya yang kita minta pada hari ini supaya kakitangan kerajaan saya minta maaf, bukan tujuan Dewan Rakyat ini hendak menegur ataupun ingin bertelagah dengan mereka. Yang penting bagi kita pada hari ini, kita hendak menyuarakan hasrat rakyat, apa permintaan rakyat kerana kita mengharapkan kerjasama daripada kakitangan kerajaan supaya dapat melaksanakan apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakyat yang hendakkan perubahan dalam sistem perkhidmatan kakitangan kerajaan.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia lebih-lebih lagi pucuk pimpinan negara kita pada tahun 2005 kita telah mencapai satu benda yang merangsangkan.

Mengikut rekod yang ada kita telah menjadi satu negara *trading nation* yang begitu besar. Kita hanya berjaya telah mencapai sebanyak RM967 bilion dalam segi import eksport dan meletakkan negara kita nombor 17 dalam peta dunia sekarang Tuan Yang di-Pertua. Dalam peta dunia nombor 17 dan kita pun naik hairan pencapaian ini tidak pernah kita capai dan insya-Allah tahun 2006 ini dengan kenaikan harga minyak, dengan kenaikan harga kelapa sawit dengan kenaikan harga getah apatah lagi bio-diesel akan jadi satu pucuk pendapatan kita. Tahun 2006 ini kemungkinan kita akan mencapai lebih daripada RM1 trillion. FDI masih datang ke negara kita dan suasana pada hari ini mengapa orang luar suka datang negara kita menanam modal ialah kerana aman, negara kita ini aman. Dan yang menentukan negara kita ini aman ialah kita harus berterima kasih kepada Polis Diraja Malaysia, kita kena berterima kasih kepada mereka kerana pada hari ini kita boleh tidur lelap, tinggal lagi orang PAS tunjuk perasaan hari itu kena *water cannon*, dia mencari Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak pernah kena tembak tinggal lagi dia hendak tunjuk perasaan, apa boleh buat. Tetapi hari ini rata-rata kita lihat, kita harus memuji dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pasukan Polis Diraja Malaysia kerana menjaga keamanan negara kita membuatkan negara kita pada hari ini bertambah makmur, tetapi malang Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dua tiga insiden, ada di kalangan kita wakil rakyat mengetengahkan dan memburuk-burukkan Jabatan Polis dan apabila saya kaji Suruhanjaya ini Tuan Yang di-Pertua, cadangan 125 Suruhanjaya cadangan untuk menambah pembaikan perjalanan Polis dan saya juga tengok dengan tertubuhnya IPCMC ini, saya kira Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu zaman saya kecil-kecil, kita kecil-kecil dahulu Tuan Yang di-Pertua, jumpa Polis kita lari kerana itu badan *authority* yang menjaga keamanan keselamatan kita, kita hormat dia, kita lari. Kalau kita kerajaan harus berhati-hati kalau kesemua 125 syor oleh laporan Suruhanjaya Polis ini, diguna oleh kerajaan, lebih-lebih lagi IPCMC ini, saya takut Tuan Yang di-Pertua, sampai ketika ini, kalau ini terlaksana, Polis jumpa orang pula, Polis jumpa kita Polis akan lari Tuan Yang di-Pertua, takut.

Saya haraplah kerajaan untuk mengkaji balik tentang IPCMC ini, kerana pada hari ini kita lihat daripada tubuh dia, mana ada satu badan yang ada *absolute power* untuk bertindak sebagai penyiasat, pendakwa dan juga hakim dan menjadi lebih berkuasa daripada Suruhanjaya Pasukan Polis, lebih berkuasa daripada Peguam Negara, lebih kuasa daripada Menteri Keselamatan Dalam Negeri sendiri, dia lebih tinggi daripada PBR. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan kaji dan kalau boleh syor-syor ini ditolak 100% Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

Memadailah dengan hari ini ada Suruhanjaya Polis Diraja yang boleh menjaga tatatertib. Jangan disebabkan nila setitik, satu belanga kita curahkan. Polis ada kekuatan 100 ribu orang, jangan disebabkan segelintir yang kecil, mungkin 100 mungkin 200 mungkin 500 baru 1%, 2%. Bayangkan kita hendak 7, 8 orang Tuan Yang di-Pertua, saya anak tiga sahaja. Yang Berhormat bagi Sri Gading ada 10 orang anak. Tidak akan 10 sama Tuan Yang di-Pertua? Mesti ada 1, 2 yang agak nakal sedikit sama juga dengan pasukan Polis Diraja. Ada dua tiga orang kambing hitam, kita lihat keseluruhan pasukan Polis Diraja Malaysia semuanya rasuah, semuanya tidak betul dan semuanya tidak baik. Saya berharap kita kena fikir balik, dan kita minta kerajaan dengan tegas di dalam Dewan Rakyat ini supaya IPCMC ini ditolak kerana tidak saya terlihat daripada laporan yang ada, saya tengok Suruhanjaya ini banyak guna pakai....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Kita senada, seirama selagu. Semua orang yang menghormati jasa dan kecemerlangan Polis akan bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Jasin. Pihak kerajaan harus menolak dengan sekeras-kerasnya cadangan IPCMC. 125 baik, dan telah pun dilaksanakan tetapi, IPCMC ini Tuan Yang di-Pertua, sebuah badan bebas yang kalau dia mengambil tindakan dan hukuman, hukumannya tidak boleh dirayu. Tidak boleh dipertikaikan, orang kena hukum gantung pun Tuan Yang di-Pertua, boleh merayu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, giliran untuk Yang Berhormat berucap akan tiba. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yalah, saya hendak menyokong Tuan Yang di-Pertua supaya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cakap sokong.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Polis tolak cadangan IPCMC untuk kewibawaan Polis dan dengan itu negara akan tetap dapat dipelihara dengan aman dan damai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan tidak ada Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading dan saya kira pendapat Yang Berhormat bagi Sri Gading sama dengan pendapat saya dan saya kira keseluruhan Dewan Rakyat ini pun menyokong saranan ini supaya perkara IPCMC ini ditolak keseluruhannya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** No, saya ada lagi tajuk ini. Sila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Saya hendak memberi penjelasan di sini bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Beri penjelasan atau minta penjelasan?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Hendak... kepada kenyataan beliau bahawa seluruh Dewan menyokong cadangan beliau. Kami di sini hendak menegaskan kami

mewakili rakyat, dan rakyat di Bukit Mertajam, rakyat di Ipoh Timor, rakyat di Ipoh Barat, rakyat di Kepong rakyat di Jasin saya rasa ada meminta supaya kerajaan menerima dan menubuhkan IPCMC dan ramai rakyat di luar sana berharap kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengotakan perkataan beliau yang beliau telah secara prinsipnya telah menerima cadangan untuk menubuhkan IPCMC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dan saya rasa Yang Berhormat bagi Jasin tidak menyokong pandangan ataupun apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi menyokong anggota polis. Kita pun menyokong anggota polis yang bersih, yang beramanah dan yang cekap tetapi kita tidak boleh menyokong untuk melindungi polis yang tidak bersih, polis yang korup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukup.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi IPCMC adalah untuk supaya pada hemah sayalah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat minta penjelasan, cukuplah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ...untuk menjaga kewibawaan pasukan polis secara keseluruhan. Jadi saya rasa kalau polis yang cekap dan tidak korup tidak takut dan tidak perlu takut kepada IPCMC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, tidak payah berucap lagilah, Yang Berhormat, cukup.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi, saya hendak tanya....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya, terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ...Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Sri Gading, siapakah yang mereka perjuangkan? Untuk polis yang mana? Polis yang korup! *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Kalau tentang masalah kelakuan dan salah laku polis, kita ada Bahagian Tata tertib Polis Diraja Malaysia dan kita ada suruhanjaya pasukan polis yang termaktub di bawah Artikel 140, Perlembagaan Persekutuan, cukuplah itu!

Yang saya mempertikaikan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah IPCMC ini mereka mencedok badan pemantauan negara lain seperti United Kingdom, seperti di New South Wales, seperti di Queensland, Australia. Kalau kita cakap, mereka akan cakap tentang *human rights*. Kita tengok apa yang berlaku di Australia, bagaimana Orang Asli di Australia dihina.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Bukan di Bera, Yang Berhormat bagi Bera. Di Malaysia tidak pernah hina. Kita memperjuangkan dan menghormati orang Asli. Kita bantu lagi untuk membangunkan kehidupan mereka.

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tetapi kalau kita lihat apa yang berlaku di Australia, bagaimana tindakan polis begitu kejam kepada orang Asli, *aborigines* di Australia. Adakah ini yang kita hendak ikut?

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Minta maaf abang, ada sahabat dari Bera, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Okey.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Bangunlah, ikut peraturan. *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat bagi Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih. Yang Berhormat, kalau ditubuhkan IPCMC, gambaran ataupun signal yang salah akan kita berikan. Yang pertama, gambarannya ialah rasuah di kalangan polis langsung tidak boleh dibendung. Dan yang kedua gambarannya ialah BPR selama ini gagal di dalam tugas mereka. Sebab itu kita kena adakan satu suruhanjaya lain. Kalau kita anggap BPR berjaya, maka tidak perlu ada satu suruhanjaya lain. Jadi signalnya adalah tidak baik. Itu yang pertama.

Yang kedua, adakah kita akan menubuhkan pelbagai suruhanjaya kalau kita katakan bahawa PBT juga rasuah? Semua orang bercakap soal masalah rasuah di dalam PBT. Adakah kita akan menubuhkan suruhanjaya lain jikalau pejabat tanah rasuah? Kita dan ramai juga mempersoalkan tentang masalah rasuah di jabatan-jabatan lain, pejabat tanah dan sebagainya. Adakah akhirnya apabila wujudnya rasuah dan perlakuan yang tidak kena, maka semua jabatan ini memerlukan satu suruhanjaya? Tidak cukupkah dengan BPR dan sebagainya?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bera. Itu sebab saya kata tadi, tidak perlu, cukup memadai. Masalah kelakuan tidak baik, ia ada bahagian tatatertibnya, ia ada suruhanjayanya sendiri, maka memadai dengan itu, tidak payah orang luar lagi. Kalau tidak ada esok yang kata rasuah, hari ini kita mempertikaikan polis, kastam bagaimana, imigresen macam mana? Jadi kita kena tubuh pula suruhanjaya-suruhanjaya ini untuk menjaga jabatan-jabatan ini, tidak usah kerja lain kita.

Sudah ada BPR, kalau soal rasuah, kita serah kepada BPR dan hari ini BPR sudah menjalankan tugas. Kita tengok minggu sudah, tiga anggota polis dihadapkan ke mahkamah kerana rasuah. Apa lagi dia hendak? Jadi ...

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu dahulu.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Kuala Terengganu dahulu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih banyak. Yang Berhormat bagi Jasin, saya amat bersetuju kalau sekiranya penolakan yang dibuat. Cuma saya hendak tahu sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat. Setuju tidak kalau saya katakan bahawa IPCMC ini membawa kesan dan satu sindrom pemandulan, memandulkan BPR, memandulkan Suhakam, memandulkan kementerian itu sendiri akibat daripada kuasa yang berlebihan. Setuju tidak?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya setuju bukan kata lagi 100%, tetapi 1000% setuju kerana kalau kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, penubuhan IPCMC ini, ia lebih berkuasa daripada Peguam Negara, lebih berkuasa daripada Menteri Keselamatan Dalam Negeri, ia *above the law*. Oh, banyak besar dia. Oleh yang demikian, kita tolak, wajar kita tolak.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kita setuju, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak baik memang kita tidak boleh terima, tetapi janganlah seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit. Kita memang tidak suka, Tuan Yang di-Pertua, tetapi jangan pula kerana setitik nila, rosak susu sebelanga. Semua jabatan, semua institusi, peguam pun ada yang tidak senonoh tetapi tidak semestinya semua peguam tidak baik. Guru ada juga yang tidak senonoh. Bermakna bukan pula perguruan itu tidak baik. Orang berniaga ramai yang tidak senonoh, tidak semestinya pula orang berniaga itu tidak baik.

Orang politik pun ada yang tidak senonoh macam DAP, tidak semestinya orang politik tidak baik. Ini biasalah, Tuan Yang di-Pertua.

IPCMC ini, Tuan Yang di-Pertua, ia menghakis. Kita sudah ada SBP, suruhanjaya polis yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Dari 2001 sehingga 2006 ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah ada 3,566 kes yang telah dihukum oleh SBP ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Maknanya suruhanjaya polis yang ada ini telah pun memadai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu belum lagi Peguam Negara, belum BPR, belum...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, mana soalan?

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Hendak soallah ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini dalam perjalanan saya hendak menyoal. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kena cepat sedikit, jangan lambat sangat.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua, kita pun sudah tambahkan hari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada masa, Yang Berhormat, ramai, ramai.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau rasa tidak cukup, kita tambah lagi empat hari. Polis ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ikut suruhanjaya ini, Tuan Yang di-Pertua, ia akan jadi lemah-lembut. Ia tidak boleh bergerak sebagai polis. Polis ini, Tuan Yang di-Pertua, pasukan yang pergi berperang, pasukan yang menghadapi penjenayah, pasukan yang menghadapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Jasin sudah habis ucapan. Ucapan sudah habis? Boleh bangun hendak jawab.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya terpanggil, Tuan Yang di-Pertua, terpanggil, Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup, Yang Berhormat bagi Jasin jawab. Kalau tidak, saya panggil orang lain.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...kerana penghormatan kepada polis jangan kita cemarkan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengingatkan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kadang-kadang dia lupa siapa yang berucap dan siapa yang menyoal. *[Ketawa]* Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kira sudah faham segala maksudnya dan saya hendak ubah tajuk satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila, sila.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Yang saya tidak lelap tidur malam tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan kerana melihat gambar dalam surat khabar semalam betapa cantik dan indahnyanya jambatan yang akan menyeberangi Selat Johor ke Singapura, Tuan Yang di-Pertua, yang terbaru ini untuk menggantikan yang senget yang kita cadang awal-awal yang mana pada hari ini kita diberitahu oleh menteri dan nampak bahawa ada tanda-tanda Kerajaan Singapura akan memberi kerjasama untuk membolehkan kita membina satu jambatan yang cantik dan yang lurus. Tetapi saya hendak ingatkan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya tidak lelap tidur malam tadi.

Saya tahu tiap-tiap kali kita adakan perundingan dengan Singapura, Tuan Yang di-Pertua, kita Malaysia tidak pernah untung. Lebih banyak kita rugi daripada kita untung. Dan dengar-dengar, Tuan Yang di-Pertua, dengar-dengar kawan-kawan cakap bahawa kita sanggup bagi pasir laut sebagaimana yang dipohon begitu lama oleh Singapura. Kita akan bagi dia ruang angkasa kita untuk *training pilot* dia ataupun kapal terbang dia.

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]:** Sabar, sabar, Ketereh. Saya berharap kali ini Tuan Yang di-Pertua, biar kita buat jambatan bengkok, asalkan udara dan pasir kita ini tidak termudah kita gadaikan kepada Singapura Tuan Yang di-Pertua. Kerana [*Tepuk*] belum lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau pasir laut diambil, Melaka juga akan terhakis. Nelayan-nelayan Melaka pun akan hilang pendapatan kerana pasir di laut ini dilarikan, tempat ikan hendak membiak tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita berharap Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan berhati-hati tentang masalah ini. Jangan kita hendak menjaga hati Singapura, kita hendakkan jambatan lurus, tetapi sebahagian daripada hak kita, udara kita, pasir kita, tanah kita tergadai pula. Yang satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ini soal, eh, ada Ketereh?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih. Bukan saya hendak berucap. Saya terpanggil hendak tanya soalan kepada orang Johor ini tapi Yang Berhormat orang Melaka. Dengan Singapura ini, air kita sudah bagi pada Singapura. Habis air kita, kita bagi Singapura. Kemudian kita buat keputusan, pasir kita jual dekat Singapura.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kemudian, rumah dekat Johor Bahru pun kita jual pada Singapura. Tanah kita jual pada Singapura. Sekarang ini, udara mahu jual pada Singapura. Ruang mahu bagi Singapura, apa hendak tinggal di Johor ini, Yang Berhormat? Boleh tolong hilangkan keraguan saya ini?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Ketereh. Saya serupa macam Ketereh hendak mengingatkan kerajaan. Apatah lagi orang Johor, janganlah jadi nasib orang Melaka, jadi bahan ketawa sampai hari ini. Tanjung bagi dekat Keling, bukit bagi dekat Cina, Melaka tinggal batang dengan buah. [*Ketawa*] Jadi, janganlah jadi macam ni lagi! Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini satu isu lagi Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi *favorite* topik saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kena gulunglah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Lepas satu topik ini Tuan Yang di-pertua, nanti saya gulung. Ini berkenaan dengan yang saya memperjuangkan dari tahun sudah Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan AP, AP kereta ini. Begitulah kita bercakap Tuan Yang di-Pertua, masalah ini tetapi masih lagi kita lihat, tidak selesai!! Masih lagi tidak selesai. Kita diberitahu rata-rata bahawa orang-orang kita, lebih-lebih lagi orang-orang bumiputera di bawah Persatuan PEKEMA diberi AP terbuka tetapi AP terbuka ini hanya disebut dalam segi surat sahaja.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, walaupun AP terbuka disyaratkan bertambah ketat lagi, dengan 29 jenis kereta tidak dibawa masuk oleh pemegang-pemegang AP ini. Dan yang kedua, syarat yang terbaru yang dilaksanakan oleh kementerian supaya pemegang-pemegang AP ini hanya dibenarkan untuk membawa kereta-kereta *second hand* yang berumur 1 tahun sampai 5 tahun. Kalau sudah disyaratkan untuk mereka membawa kereta *second hand*, 1 hingga 5 tahun Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita harus ada sekatan-sekatan?

Hari ini, orang kampung Tuan Yang di-Pertua, orang kampung dengan kenaikan harga getah, dengan kenaikan harga kelapa sawit, teringin juga hendak pakai kereta Honda, teringin juga hendak pakai kereta Fiat, teringin juga hendak pakai kereta-kereta yang lain. Dan, yang dia mampu ialah kereta-kereta *second hand*. Mengapa pula kita harus ada sekatan-sekatan ini? Bukalah. Kalau ada AP terbuka, terbukalah semua. Manalah tahu kalau mereka hendak pakai *Rolls Royce, Lamborghini* ke? Bukalah! Jadi kita berharap supaya kerajaan kaji balik. Jangan kita cakap AP terbuka, AP terbuka, tapi tidak terbuka.

Yang kedua, hari itu kerajaan telah buat keputusan bahawa AP-AP yang baru ini diberi kepada GLC-GLC kerajaan, anak-anak syarikat kerajaan. Memang benar, kita ada Sime Darby, kita ada DRB Hicom. Kita ada beberapa syarikat GLC-GLC yang dapat AP-AP ini. Yang sedih bagi kita Tuan Yang di-Pertua, apa yang diharapkan kononnya GLC ini boleh membantu kaum-kaum bumiputera dalam perniagaan pemotoran kereta tetapi tidak ada satu syarikat bumiputera yang dilantik oleh GLC-GLC yang dipegang, diberi amanah ini sehingga hari ini. Tidak ada satu Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada satu yang dilantik.

Jadi kita berharap, dengan harapan kerajaan kepada GLC demi untuk membantu kaum bumiputera, kita berharap supaya dia melantik syarikat-syarikat bumiputera dalam perniagaan kereta ini sebagai agen wakil kereta-kereta yang mereka dapat keistimewaan daripada AP-AP yang diberi oleh kerajaan melalui GLC.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa dengan kenaikan harga minyak 30 sen baru-baru ini, di Melaka tidak ada masalah, rungutan ataupun tunjuk perasaan. Tidak ada, orang Melaka boleh terima. Hanya saya minta disampaikan salam Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, dia minta saya cakap di sini, supaya dengan adanya penjimatan kerajaan RM4.4 bilion ini untuk memperbaiki pengangkutan awam. Kita minta supaya Melaka pun sedikit sebanyak dapatlah peruntukan ini. Ini kerana kita lihat pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, di Melaka kita sudah wujudkan satu bas stesen yang begitu indah, yang tercantik di Malaysia! Melaka *central!* Penduduk-penduduk ataupun penumpang-penumpang boleh duduk menunggu bas dalam satu ruang berhawa dingin.

Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, bas stesen yang bertaraf antarabangsa ini, malangnya, bas yang menggunakan adalah bas-bas sebelum perang Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Bas stesen *first class* tetapi bas semua buruk-buruk. Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan harga minyak ini, saya berharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, supaya mempunyai pejabat-pejabat di kawasan-kawasan daerah. Jangan duduk di bandar Melaka sahaja. Saya difahamkan, dia akan buka di Alor Gajah.

Dan, saya juga minta supaya dia buka di Jasin. Ini kerana pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, sejak kenaikan harga minyak ini, beberapa barang utama di Jasin telah naik. Batu-bata daripada sebelum kenaikan harga minyak, 25 sen sebiji. Hari ini, sudah naik 27 sen sebiji. Simen pada hari ini harga kawalan RM11.50 sen, tetapi di Jasin berjual RM12.00. Susu pekat, jenis Gold Coin, dulu RM1.60 sen, hari ini RM1.80 sen. Susu tepung makanan budak-budak, bayi, jenama Dutch Lady 12 kg., satu kg. dulu RM28.90 sen, sekarang ini sudah jadi RM34.90 sen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat. Tak payahlah bual-bual terlalu lama.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]:** Banyak barang-barang lain telah naik. Oleh demikian Tuan Yang di-Pertua, kita berharap supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, memantau agar kesan kenaikan harga minyak ini tidak membebankan rakyat-rakyat kita di kampung-kampung. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya beri Labuan dulu.

12.09 tgh.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, kalau boleh kita kena kawal masa sedikitlah. Kalau boleh Yang Berhormat, habiskan dalam masa setengah jam.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkaitan industri pelancongan. Di mana dalam Titah Ucapan Baginda menyentuh bahawa sebanyak RM31 bilion pendapatan telah disumbangkan melalui industri pelancongan, dan juga pelancong meningkat kepada 16 juta orang pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, apa yang aneh sekali ialah pelancong meningkat, pendapatan melalui industri pelancongan juga meningkat tetapi MAS rugi teruk.

Ini satu tanda tanya kepada rakyat kenapa MAS rugi begitu teruk, apakah disebabkan oleh kenaikan harga minyak di pasaran dunia atau ketidakcekapan pengurusan tertinggi MAS sehingga mengalami kerugian sedemikian rupa. Dan yang terbaru Tuan Yang di-Pertua ialah cadangan kerajaan ataupun Kementerian Pengangkutan untuk mengimbangi kerugian MAS, kononnya laluan domestik MAS dicadangkan untuk diambil alih oleh Air Asia.

Minggu lepas saya bermesyuarat bersama dengan Y.B. Lee, Menteri Muda Sarawak dalam satu mesyuarat pelancongan. Dan saya cukup terperanjat bila mana beliau menyatakan bahawa Kementerian Pengangkutan secara dasarnya bersetuju MAS mengekalkan laluan-laluan domestiknya ke Kuching, Kota Kinabalu, Pulau Pinang dan Langkawi. Manakala laluan-laluan lain akan diambil alih oleh Air Asia. Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, siapa Air Asia ini? Seinggakan kerajaan sanggup mengetepikan kepentingan MAS. Kalau Air Asia boleh beroperasi dan mencatat keuntungan untuk laluan-laluan domestik sebelum ini ataupun laluan-laluan domestik sekarang, kenapa MAS tidak boleh? Semua orang tahu bahawa di antara punca kerugian MAS ialah bekalan makanan dalam *flight*, *food* yang dibekalkan.

Saya mendapat maklumat daripada satu *chief steward* bila dimaklumkan bahawa Air Asia akan mengambil alih laluan *domestic*, mereka berkata *we can compete* dengan izin, dengan Air Asia kalau misal kata kerajaan beri kami kebenaran. Air Asia tak bagi makan, tak bagi minum. MAS, dia kata, dia sendiri cerita dengan saya, "Datuk tahu, nasi lemak yang Datuk makan tu berapa? RM60". Kita makan dekat hotel pun tak ada mahal macam tu. Kopi dengan teh dia kata, RM15. Hotel tak ada macam tu. Jadi, bayangkan dan yang paling teruk mengikut *chief steward* yang beritahu saya secara kebetulan dia kata yang bekalkan makanan ini ataupun *caterer* ini dia akan bekal 100, kalau *passenger* cuma 80 dia akan *still* kekalkan 100, bermakna ada 20 lebih makanan. Dan jika berterusan berapa *flight* dalam satu hari MAS beroperasi, ribu.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kerajaan patut beri peluang kepada MAS seperti sahabat saya Ketereh berucap tentang kenaikan minyak. Dia kata, rakyat tak marah kerana air mahal, walau satu liter RM1.20 sen kerana kita ada *option* lain nak minum ada perigi ke, nak minum air paip ke, nak minum air mineral ke, tapi minyak tak ada, sehingga beliau cadangkan supaya kita gunakan gas di antara yang termurah yang memang diperakui cuma tidak mempunyai banyak *outlet* di negara ini.

Jadi, kenapa kerajaan tidak mengamalkan benda yang sama berikan laluan domestik ini kepada Air Asia *at the same time* kepada MAS, *competition is good for consumer* dengan izin, kenapa mesti dipaksa *consumer* naik Air Asia. Saya terus terang Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini kejadiannya Labuan yang dinobatkan sebagai IOFC, pusat kewangan pesisir luar antarabangsa, cuma ada Air Asia, saya sanggup naik bot ke Kota Kinabalu untuk naik ke Kuala Lumpur ikut MAS. Saya tak kan naik Air Asia, banyak sedangkan pekerja dia sendiri meragukan dari segi keselamatan. Jadi, saya memohon Tuan Yang di-Pertua, supaya perkara ini dikaji.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Saya kira saya perlu sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Labuan, kenapa Yang Berhormat bagi Labuan sanggup naik bot kemudian naik *Malaysia Airlines*? Saya ada mendapat maklumat bahawa *staff* Air Asia ini dia gunakan tenaganya secara maksimum, sehingga seorang *staff* itu yang melakukan dua, tiga kerja pada satu masa bekerja ke tahap 10 hingga 11 jam pada satu waktu kemudian mereka ini pula diperkenalkan dengan produktiviti insentif pada setiap bulan, setiap *staff* Air Asia yang bercuti lebih dari dua hari dalam satu bulan mereka dinafikan elaun ini sebanyak RM500 sebulan. Jadi, rungutan-rungutan daripada kakitangan Air Asia ini telah menyebabkan perkhidmatan dan produk mereka kualitinya menurun. Yang Berhormat bersetuju dengan saya? Terima kasih dan meletak tepi keselamatan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Setuju, setuju maka itu di antaranya saya sanggup naik bot daripada jatuh daripada kapal terbang Air Asia ini, walaupun tak jatuh lagilah. Saya nak tanya satu Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita tidak boleh diberi pilihan, apakah benar MAS ini rugi kerana minyak mahal atau kos operasi atau faktor-faktor lain. Kenapa tidak untuk laluan domestik dikurangkan kos operasi...

**Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, hendak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Sebentar. Kos operasi seperti saya katakan tadi makanan. Kita ambil statistik beberapa perbelanjaan untuk *catering* domestik ini dibelanjakan untuk laluan domestik, dan jika dikurangkan berapa penjimatan dapat dibuat, sekurang-kurangnya kita diberi pilihan.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkan Labuan sebagai IOFC, saya mempromosikan Labuan bersama LOFSA ke sana ke mari, tiba-tiba bila mereka hendak ke Labuan tukar pesawat, mereka terpaksa berlumba-lumba berlari-lari untuk cari tempat duduk dan mereka ini *international player* dan mereka ini bukan tak mampu naik *first class, business class* tetapi oleh kerana kita tidak memberikan mereka pilihan, mereka terpaksa naik Air Asia seperti yang dicadangkan. Tadi, dalam surat khabar Menteri Pengangkutan mengatakan, "Beri mereka peluang sampai 27 hari bulan Mac". Kalau ini berlaku, MD baru yang daripada Sarawak ini saya rasa dia tak boleh balik Sarawak lagi kerana Miri pun tak dapat lagi MAS, Bintulu yang dapat *Airport* baru tak dapat MAS. Jadi, untuk apa kerajaan berbelanja beratus juta ringgit menaiktarafkan lapangan terbang jika setelah itu cuma penerbangan pesawat murah sahaja yang boleh mendarat....

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Labuan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Ya, silakan..

**Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Labuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya satu soalan sahaja tadi, Labuan mengatakan kerugian MAS ini salah satunya disebabkan makanan dia, *catering* dia. Bolehkah Yang Berhormat Labuan mendedahkan dalam Dewan ini syarikat manakah sebenarnya yang menyebabkan ataupun membekalkan menjadi *caterer* kepada MAS selama ini supaya rakyat lebih tahu siapa yang terlibat atau penyebabnya kerugian MAS sebenarnya. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Saya tak tahu dan saya pun tak hendak tahu. Saya cuma cadangkan, saya kata di antara faktor yang kerajaan mesti kaji ialah mengurangkan ataupun *reduce supply of food* untuk domestik *route* itu sahaja. Saya ingat, siapa pun *caterer* ini tak penting, kalau MAS menetapkan untuk laluan antarabangsa kita *cater* makanan sedemikian. Domestik kita *compete* dengan Air Asia. Saya ingat tak ada masalah, tapi apa yang saya minta supaya kerajaan kekalkan ialah rakyat diberi pilihan, kalau tidak LCCT tidak bermakna..

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran bangun Yang Berhormat hendak beri jalan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Ya.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih. Yang Berhormat bagi Labuan, saya diberitahu oleh kakitangan MAS penerbangan daripada Kuala Lumpur/Kota Kinabalu 14 ke 15 *flights* satu hari yang melebihi daripada satu ribu orang dan *passenger* kapasitinya, peratus penumpang melebihi 80 peratus *average* Kota Kinabalu/Sandakan lapan *flights*, empat *Fokker flight* dan empat *Boeing flight* yang juga melebihi seribu *passengers* satu hari *average is about 700-800 passengers*, 70 hingga 80 peratus.

Begitu juga di Tawau. Tawau ke Kinabalu juga *passenger* lebih kurang 700-800 setiap hari. Kalau penerbangan MAS berhenti membuat perkhidmatan ke kawasan ini lebih daripada seribu, dua ribu, tiga ribu *passengers* akan terlibat akan *inconvenience* oleh keputusan kelak. Dan kalau kita lihat dari segi operasinya MAS mempunyai *passenger*, tetapi dari segi kosnya terlalu tinggi, soal makan terlalu tinggi, kos makan terlalu tinggi, soal kakitangan terlalu ramai. Ini merupakan dua aspek yang harus dilihat oleh MAS, bukan soal kenaikan harga. Kalau soal kenaikan harga tambang dilakukan siapa jadi MD pun boleh untung, letak Timbalan Speaker pun boleh *organize* balik, tambah tambang, tambah tambang. Kalau rugi tambah tambang, penumpang yang dibebankan. Siapa pun boleh jadi MD MAS, CEO MAS untuk menjalankan tambang. Tetapi dari aspek pengurusan yang lebih cekap harus diambil oleh pihak MAS selain daripada mengenakan tambang lebih mahal. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Saya sependapat dengan Yang Berhormat, itulah saya katakan tadi, apa sebenarnya masalah MAS ini. Betul ke MAS tidak berkemampuan untuk mengendalikan laluan domestik atau MAS ini dipaksa untuk *given-up* laluan domestik kepada Air Asia. Ini soalan yang semua orang bertanya dan yang jelas hampir keseluruhan yang membaca artikel di surat khabar berkata macam kenyataan Air Asia "*we are prepared and willing to take over MAS aircrafts and staffs anytime*", saya pun boleh buat satu syarikat macam itu. Besok saya *take over* semua MAS staf dan MAS punya kapal terbang. Tidak ada masalah. Semua bank boleh bagi pinjaman kalau *just to take over*. Tukar sahaja. *The fact remain* Tuan Yang di-Pertua, Air Asia tidak bersedia lagi untuk mengambil laluan domestik. Baru ada satu Airbus saja baru, kalau 100 unit yang dibeli oleh Air Asia yang beroperasi *yes...*kalau sekarang ni Air Asia *bargain* dengan MAS saya ingat rakyat tidak akan bising. Sekarang baru ada satu sahaja.. Lain-lain *aircraft* dia saya tidak mahu komenlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ketereh bangun Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Macam Ketereh mungkin muat, saya, duduk boleh, bangun tidak boleh. Jadi macam mana saya dipaksa duduk Air Asia? Sahabat, sila.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila Yang Berhormat bagi Labuan sebut fasal MAS, saya dua tiga hari lepas, saya bercakap dengan perempuan yang di kaunter MAS. Saya kata saya hendak tukar tiket. Kenapa sekarang ini, bila nak tukar tiket kena *re issue*? Kalau dulu tukar tiket dia letak *sticker*, *sticker* ini harganya tidak sampai satu sen. Saya tanya dia, kalau *re issue* dan saya tengok *number crunching* itu, dia punya tangan tu macam nak menaip tiga helai suratlah, nombor situ, nombor sini. Saya tanya apa dia buat sebenarnya. Dia kata, "ini sistem akaun kita". "Berapa harga satu tiket?". Sebenarnya tiket MAS ini harga dia satu tiket ini USD5. MAS ada 6 juta pelanggan. Tiap-tiap tahun 6 juta kali USD5, 6 kali 5, USD30 juta. Saya kata "Ya ke?" Betul Yang Berhormat, cuba tengok dalam tiket itu dia kata, itu bukan dicetak di Malaysia. Saya pun hari ini cari-cari lepas itu terjumpa. Ini dekat atas ini, semua orang balik boleh tengok, dia tulis tiket ini dicetak kecil sangat, saya pakai *specs* pun kecil, "*Bording Limited Denmark*". Tidak dicetak di Malaysia, dicetak di Denmark Yang Berhormat. So macam mana nak untung? Pada cetakan Air Asia, tiket dia macam *terma paper* Air Asia masuk satu sen, yang ini USD5. Macam mana Yang Berhormat? Boleh hilangkan keraguan saya inilah.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Itu yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, *the first thing should go MAS the top management level*, dengan izin, *chairman* dia, *board of directors* dia *and all the top management level* kerana mereka tidak pakai akal, kita bukan berada pada zaman perang dunia kedua. Ketinggalan jauhnya sangat sehingga teknologi untuk mengeluarkan tiket penerbangan pun kita tidak mampu.

*Singapore Airlines* sebagai contoh, sudah tidak ada tiket, *paperless*, sudah tidak ada tiket. Saya mula-mula naik *Singapore Airlines* saya marah, saya kata mana tiket saya? Dia kata "*No, tiket sir*". Jadi, macam mana saya nak terbang? Dia kata "*Just go to the counter, give your reference number*". Kita balik, semua sama. Hai..ada, ada Presiden Tuan Yang di-Pertua, tapi MAS masih gunakan cara lama, kenapa? Apakah kerana ada orang-orang tertentu buat untung USD30 juta seperti Yang Berhormat dari Ketereh katakan tadi USD30 million, *which is ...100 million* ringgit, mana hendak untung? Takkan untung MAS. Tukarlah MD, tidak payahlah ambil daripada Shell, daripada mana. Tidak payah. Kalau macam itu kerenahnya MAS tidak pernah untung.

Saya berani bertaruhlah Tuan Yang di-Pertua, kalau dikurangkan kos operasi, dikurangkan perbelanjaan yang lain, MAS mampu bersaing dengan Air Asia untuk laluan domestik, boleh mencatatkan keuntungan kerana *the level of confident* dengan izin pengguna dengan MAS berbanding dengan Air Asia *incomparable* tidak boleh dibandingkan. Saya salah seorang yang tetap akan naik MAS. Itu, yang paling aneh semua tentang Air Asia disegerakan. LCCT sebenarnya kalau mengikut pegawai-pegawai dalaman yang menguruskan LCCT terminal ini dia kata "*they are not ready by 31 Mac*". Yang mengendalikan radar mengatakan *they were not ready*. Tetapi kenapa kerajaan beria-ia memperakukan kehendak Air Asia mesti beroperasi *by 1st April* contohnya. Apa untung kerajaan berbanding dengan kepentingan pekerjaan dalam MAS? MAS dimiliki oleh kerajaan. Bukan Air Asia. Air Asia *profit oriented organization*. Kita cuma untung oleh cukai, MAS juga sama, juga daripada cukai. Tapi daripada keuntungan MAS kerajaan dapat lagi keuntungan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya terima kasih daripada Kerajaan Pusat kerana Lapangan Terbang Labuan juga telah dinaikkan taraf dan berjumlah RM365 juta. Masa di bina lapangan terbang tersebut *it cost about RM145 billion*, naik taraf supaya Air-bus dan 747 boleh mendarat maka *government* akan berbelanja RM365 terima kasih. Tapi bila melihat perkembangan terbaru, cuma Air Asia yang akan mendarat, apa maknanya lapangan terbang ini? Tidak ada makna. Saya hendak tengok besok bagaimana menteri yang hendak ke Labuan kena naik Air Asia, berlumba-lumba dengan orang kampung cari tempat duduk. Kita hendak tengoklah. Jangan guna kuasa *veto*, suruh *body guard block* kerusi, jangan. Jadi logiknya Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bagi sahabat saya laluan, kerajaan harus lihat bahawa rakyat harus diberi pilihan. Tidak boleh kalau hanya kerana kepentingan tertentu maka kita harus terima "*You must fly with Air Asia*" tidak boleh. Saya tidak setuju. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Larut silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan selain dengan apa yang telah kita minta MAS memperbaiki masalah yang dihadapi kerana kita tahu MAS masih lagi ada masa depan termasuklah kita berharap dengan hendak mengalihkan balik tentang prestasi MAS ini janganlah pula sektor-sektor tertentu, seperti ke Argentina ditamatkan kerana ini memberi peluang kepada pelancong, terutama pelancong asing datang ke negara kita.

Tentang menaikkan taraf lapangan terbang ini Yang Berhormat Labuan, saya bersetuju, saya bagi contoh macam lapangan terbang di Ipoh, apabila lebuhraya utara selatan diwujudkan kekurangan penumpang untuk menggunakan lapangan tersebut tetapi kenapa tidak supaya MAS menjadikan lapangan terbang seperti Ipoh sebagai contoh ke destinasi mengikut wilayah, umpamanya ke Hadnyai, ke Bangkok, ke Jakarta, ke Hong Kong atau ke China.

Kerana kita tahu setiap tahun 13 juta pelancong datang ke negara kita ini. Ini satu sumbangan besar - pendapatan kepada negara kita. Jadi kita mesti ada satu daya usaha untuk menarik pelancong yang sekian hari ini menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi - kestabilan ekonomi kita dan keadaan kita kerana kita tidak mahu pelancong contohnya daripada negara China, kalau dulu seramai lebih kurang 400,000, hari ini merosot mungkin sekitar 100,000.

Ini bukan ada kaitan dengan masalah keselamatan seperti yang digembar-gemburkan oleh pembangkang tetapi mereka juga ada pilihan untuk melawat ke negara-negara lain setelah mereka berada di negara kita ini. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya lapangan terbang yang dilihat tidak hanya kepada penumpang tempatan tetapi dilihat kepada destinasi yang boleh mengembangkan lagi pelancong-pelancong asing untuk datang ke negara kita. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Yang mana baik untuk Yang Berhormat, baiklah pada saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan sedikit. Ini bukan main-main. Kementerian Pengangkutan jangan anggap perkara ini remeh. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pada September 2004 di Labuan bahawa Lapangan Terbang Labuan akan dinaik taraf dan diberikan status '*open sky concept*'. Ini pengumuman Perdana Menteri kepada 8,000 rakyat yang dihadiri juga oleh beratus *international offshore players* yang kebetulan pada masa itu ada di Labuan.

Tiba-tiba pada tahun 2006, lapangan terbang - betul, *diupgrade*. Kerja-kerja menaikkan taraf sedang rancang berjalan sekarang ini, tetapi MAS tidak akan beroperasi. Saya hendak menjawab bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua, penerbangan untuk di Semenanjung tidak menjadi isu kerana kita boleh menggunakan kenderaan darat untuk ke Kedah...ada option. Tetapi untuk kami dari Labuan, Sandakan, Tawau, Bintulu, Sibul dan Miri hendak ke Semenanjung cuma ada kapal terbang. Kalau Air Asia sahaja pilihannya, ramai yang mati atas kapal terbang esok, menunggu dua jam setengah hendak mendarat ini. *Nervous, nervous breakdown!* Takut bila tayar dia meletup macam yang terjadi di Kota Kinabalu. Saya *stranded* di Kuching, terpaksa bermalam. MAS belum ada lagi *incident* sepanjang tahun 2005 meletup tayar di *domestic airport*, Air Asia sudah ada dah!

Benda-benda macam ini menakutkan, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan kena ambil kira. Yang naik ini rakyat dan rakyat ini pun ada kategori. Kita terima. Kita sokong penerbangan murah ini. Saya sokong. Tetapi jangan *deprive* orang lain hendak menikmati penerbangan yang istimewa. KSU itu kelayakan dia *business class, first class*. Kalau macam ini nanti ramai orang tidak melawat MIRI, ramai orang tidak melawat Bintulu, ramai orang tidak akan melawat Sandakan atau Tawau kerana kena naik Air Asia, kerana kelayakan mereka *business class!*

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya meminta kerajaan mengkaji perkara ini. Kaji kerana rakyat negara pada hari ini semuanya berpendidikan. Baca surat khabar sekali imbas sahaja mereka faham apa sebenarnya di belakang, apa sebenarnya berlaku. Jadi, kita tidak mahu esok, sebagai wakil rakyat, kita yang menjawab di bawah soalan yang memang kita tahu kita tidak boleh jawab kerana kesilapan orang-orang tertentu. Saya tidak mahu perkara ini menjadi beban kerana perkara ini boleh dielakkan kalau sekiranya kita mengambil keputusan.....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tumpat bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Saya sudah tentu bersetuju dengan ulasan-ulasan yang kita dengar tadi. Kerajaan baru-baru ini mengisytiharkan sebagai alasan salah satunya kenaikan harga petrol 30 sen satu liter dan sebagainya dengan mengumumkan penubuhan wang amanah pengangkutan awam. Maksudnya jaminan kerajaan ialah dengan menaikkan harga petrol dan yang berkaitan dengannya -pengangkutan awam dalam negara

ini akan dinaikkan tarafnya. Sudah tentu kenaikan taraf pengangkutan awam ini melibatkan seluruh rakyat Malaysia termasuk yang di Labuan, Miri dan sebagainya.

Tetapi gambaran yang kita dengar tentang pengangkutan awam udara pula ialah penurunan kemudahan-kemudahan yang pernah kita rasai selama berpuluh-puluh tahun. Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Labuan bersetuju bahawa apa yang sedang berlaku, yang dirancangan berkaitan dengan pengangkutan udara ini amat bercanggah dengan jaminan kerajaan yang sudah tentu hanya untuk menyejukkan rakyat berkaitan dengan kenaikan harga minyak yang mempunyai kedudukan yang amat bersejarah dari segi tidak pernah dinaikkan harga minyak petrol dan sebagainya sedemikian rupa, tetapi masih lagi bermakna bahawa di satu pihak kerajaan menjanjikan pengangkutan awam selepas ini akan ditambah baik kedudukannya.

Tetapi dalam kes pengangkutan awam udara ini jelas sekali sebagaimana yang kita dengar ialah penurunan dan bukannya penambahbaikan taraf pengangkutan awam. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua, topik pengangkutan awam, saya bersetuju bahawa kerajaan menyebutkan akan memantapkan lagi dan mudah-mudahan dalam konteks tersebut termasuklah pengangkutan awam udara seperti Yang Berhormat, sahabat saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini serius; serius kepada semua rakyat Malaysia kerana seperti yang saya katakan tadi, rakyat di akar umbi sekarang ini semuanya bijak pandai. Kalau bapanya tidak pandai, anaknya lulusan universiti, mesti pandai.

Jadi saya meminta kepada kerajaan supaya mengkaji dengan lebih terperinci cadangan untuk memberikan laluan domestik kepada Air Asia ini bukan berbentuk monopoli tetapi saingan (*competition*) supaya MAS boleh bersaing sebagai salah satu penerbangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh yang terakhir mengenai LCCT....

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pengkalan Chepa, Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Sebentar, sebentar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tak bagi jalan, Yang Berhormat. Sila duduk.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** LCCT ini juga penting. Kita tidak mahu melihat esok, LCCT ini cuma didatangi oleh tiga jenis - Air Asia Malaysia, Air Asia Thailand dan Air Asia Indonesia. Kalau kita hendak beroperasi sebagai *chief airline terminal* kita mesti benarkan untuk *competition purposes*, dengan izin, *Tiger*, *Silk Air* dan berbagai-bagai lagi baru LCCT ada makna. Kalau tidak, esok orang akan tanya apakah kerajaan membelanjakan beratus juta ringgit bagi membina LCCT ini hanya untuk Air Asia, dan itu bukan kepentingan orang ramai.

Kita tidak mahu Kementerian Pengangkutan akan terikat dengan satu perjanjian bahawa laluan domestik untuk penerbangan murah - *low cost carrier* ini hanya untuk Air Asia. Ia mesti *open*. Kalau tidak bermakna kita tidak menggalakkan *competition*. Dan kalau begitu biarkan balik kepada monopoli; dan monopoli tidak baik, Tuan Yang di-Pertua. Apa sahaja di atas muka bumi ini yang berbentuk monopoli tidak baik. Kerajaan harus galakkan *competition* (saingan). Saingan yang bersih. Saingan yang memberikan kepentingan kepada orang ramai, pengguna (*consumer*). Kalau harga gula, barang dan lain-lain kita kata untuk pengguna, kenapa kita *very selective* bila melibatkan pengguna ini? Kenapa tidak dalam semua aspek kepentingan pengguna dijaga?

Saya sudah katakan tadi, hari ini rakyat sudah pandai. Jangan esok, kami wakil rakyat BN ini ternganga-nganga hendak menjawab. Kata yang ini untuk pengguna, yang ini untuk apa pula? Jadi, Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** *[Bangun]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Okey, terakhir. Saya bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, ya.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih. Ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Labuan itu sangat wajar. Tetapi saya tengok, saya sendiri pun tidak berapa suka juga naik Air Asia ini. Bukan kerana keselamatan tetapi kerana kadang-kadang *delay* itu banyak juga.

Walaupun MAS masih banyak juga *delay*, tetapi kalau kita tengok di Eropah, tentulah Yang Berhormat pergi ke Eropah, kadang-kadang kita naik *Euro class*, tambang murah, Timbalan-timbalan Menteri, CEO-CEO syarikat besar naik. Tidak ada masalah maruah. Begitu juga *Ryan Air* dari London pergi ke seluruh Eropah, ini membuat pelancongan itu lebih hebat dan rakyat boleh pergi ke sana dengan tambang yang munasabah.

Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat bagi Labuan, di Malaysia ini saya buat contoh di Semenanjung Malaysia, destinasi di Malaysia yang menguntungkan hanya empat sahaja iaitu:

- (i) Kuala Lumpur–Singapura;
- (ii) Kuala Lumpur–Kota Baharu;
- (iii) Kuala Lumpur–Pulau Pinang; dan
- (iv) Kuala Lumpur–Langkawi.

Yang lain-lain itu ialah obligasi sosial. MAS kalau kita paksakan ia membuat penerbangan ke destinasi yang tidak menguntungkan, dia lebih rugi. Saya rasa wajar juga kerajaan memberikan beberapa laluan yang tidak menguntungkan itu kepada Air Asia untuk membolehkan rakyat di luar bandar menikmati perjalanan yang ringkas dan tambangnya munasabah.

*Fernandez*, CEO Air Asia ini telah pun begitu hebat jayanya sehinggakan pelabur-pelabur Arab pun sanggup melabur dalam Air Asia. Apa kata kita cadangkan supaya *Fernandez* ini menjadi CEO MAS kerana dia telah mewujudkan kejayaannya. Saya tengok bahawa *management* MAS ini sudah tidak boleh lagi. Apa pandangan, Yang Berhormat?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju. Satu, tadi Yang Berhormat mengatakan hanya KL-Kota Baharu, KL-Langkawi, KL-Pulau Pinang sahaja yang menguntungkan jika dibandingkan dengan Kota Baharu dengan Sabah, dengan Sarawak, jumlah penduduk yang terbang keluar dan masuk saya ingat Sabah dan Sarawak jauh lebih menguntungkan.

Tentang *Fernandez*, ini *very personal*, saya tidak komen. Saya cuma tetap berkeras bahawa ada kesilapan dan kelemahan dalam pengurusan MAS sehingga tidak mampu mengkaji apakah sebenarnya yang menyebabkan laluan domestik MAS rugi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua, terakhir daripada saya, saya merayu kepada kerajaan supaya memberikan pilihan. Bukan soal maruah hendak naik kapal terbang murah, tidak, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh dipaksa naik kapal terbang dalam keadaan fobia. Fobia ialah suatu perkara yang tidak boleh begitu sahaja. *[Sambil memetik jari]* Fobia ini susah hendak *diexplain*. Tuan Yang di-Pertua doktor. Saya memang cukup fobia naik Air Asia ini. *For what reason*, Allah S.W.T sahaja yang tahulah. Saya tidak boleh hendak *explain*.

Saya minta kepada kerajaan, kerajaan telah berbelanja beratus juta ringgit untuk menaik taraf lapangan terbang termasuklah Bandaraya Miri, Bintulu yang terkenal dengan industri *Oil and Gas Petrol Chemical*, Labuan - IOFC dan *Oil and Gas* kita juga berkembang. Saya minta supaya laluan-laluan yang penting ini, MAS kekalkan tanpa menghalang Air Asia beroperasi. Sebagai pilihan, rakyat harus diberi alternatif untuk memilih, tidak dipaksa hanya untuk memilih satu nanti tanggapan orang akan menyebabkan susah kita menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Kementerian Pengangkutan yang memberi tempoh 27 Mac kepada MAS supaya bertolak ansur sedikit. Tidak ada gunanya kita *rush* untuk menyerahkan laluan domestik apabila Air Asia tidak bersedia lagi sebenarnya untuk mengambil alih. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Tangga Batu.

**12.45 tgh.**

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk terlibat sama di dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat minat sekali dengan apa yang telah diulaskan secara terperinci oleh Yang Berhormat bagi Labuan tentang sesuatu isu yang perlu diberikan perhatian bersama oleh sekalian rakyat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya, pada hari ini berdiri untuk bercakap perkara yang sama tetapi pada satu syarikat GLC juga yang tidak lepas-lepas memberikan perkhidmatan serta menyediakan produk kepada rakyat di negara kita iaitu Kumpulan Tenaga Nasional Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Tenaga Nasional Berhad adalah sebuah syarikat utiliti elektrik terbesar di Malaysia yang mempunyai aset bernilai tidak kurang dari RM60 bilion dan menyediakan perkhidmatan kepada lebih 6 juta pelanggan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti teras Tenaga Nasional Berhad meliputi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Sehingga kini Tenaga Nasional Berhad kekal sebagai syarikat utama dalam penjanaan tenaga elektrik dan merupakan sebahagian penting daripada aktiviti peniaga kumpulan yang mempunyai kepelbagaian. Tenaga Nasional Berhad mempunyai keupayaan penjanaan terbesar setakat Disember tahun 2005, 11,500 megawatt.

Melalui subsidiari-subsidiarinya, TNB turut terlibat di dalam aktiviti-aktiviti lain seperti pengiklanan alat ubah, perkakas suis voltan tinggi dan juga kabel. TNB juga menyediakan perkhidmatan perundingan profesional, seni bina, kerja-kerja dan perkhidmatan kejuruteraan awam dan elektrik, perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan serta bahan api, pelaksanaan kerja penyelidikan dan pembangunan-pembangunan hartanah dan perkhidmatan-perkhidmatan pengurusan projek. TNB juga menawarkan kursus-kursus di dalam bidang pendidikan tinggi melalui universitinya iaitu Universiti Tenaga Nasional atau dikenali dengan nama UNITEN.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas, tahun 2005 merupakan tahun yang mencabar kepada Tenaga Nasional Berhad berikutan meningkatnya jangkakan bilangan para pelanggan dan kumpulan-kumpulan yang berkepentingan. Tekanan struktur hasil kos dan juga kesan yang tidak dapat dielakkan akibat kenaikan harga minyak dunia, hah! Ini topik utama, yang turut mengakibatkan kenaikan harga bahan api yang melambung tinggi yang berkait rapat dengan *business* Tenaga Nasional Berhad, maka sudah tidak menjadi rahsia lagi, *it is an open secret now* bahawa Tenaga Nasional Berhad telah pun mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk mengkaji semula struktur tarif perkhidmatan bekalan elektrik di negara ini.

Faktor yang aling besar yang mendorong cadangan kerajaan tarif tersebut tentunya jangkakan ataupun unjuran terhadap peningkatan kos penjanaan tenaga mulai awal tahun ini. Sejak tahun lepas, sudah beberapa kali berita mengenai tarif baru ini diterbitkan sama ada secara langsung ataupun tidak, sama ada dari sumber industri kerajaan atau

Tenaga sendiri, dan sudah berapa kali juga laporan tersebut terpaksa diperjelaskan semula sama ada oleh pihak kerajaan ataupun Tenaga.

Dalam era kenaikan harga minyak, barang dan perkhidmatan di seluruh negara semuanya akan meningkat TNB juga tidak mahu 'memaku keranda' dengan mengumumkan kenaikan tarif pula sebab itu kita dapat lihat penangguhan dan kajian semula kertas cadangan yang dikemukakan oleh TNB kepada Kabinet pada dua minggu yang lepas.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Nanti sekejap Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Sebaik sahaja selepas pengumuman kenaikan harga petrol. Usaha membendung kesan buruk akibat berita kenaikan tarif ini bagaimanapun tetap akan diuji secara berterusan dalam tempoh beberapa bulan lagi. Silakan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Nampaknya Yang Berhormat seolah-olah berkempen untuk TNB. Saya harap bukan kerana kita tidak boleh memberikan justifikasi kenaikan harga elektrik dan saya juga meneliti ucapan Yang Berhormat tadi mengenai kos penjanaan elektrik.

Adakah Yang Berhormat sebagai bekas kakitangan TNB sedar bahawa sebenarnya satu kontrak telah ditandatangani untuk mendapatkan bekalan elektrik dengan kos yang begitu tinggi, dan sehinggakan sampai sekarang TNB terpaksa tanggung dari segi bekalan kos yang lebih tinggi daripada elektrik yang dijual kepada pengguna, itu sebab utamanya. Saya tidak nampak justifikasi untuk menaikkan harga elektrik, apa pandangan Yang Berhormat tentang ini?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Susah saya hendak jawab ini Tuan Yang di-Pertua, sebab sudah *jump the gun*. Saya baru hendak buka cerita dan saya bercakap ini juga berasaskan kepada *authority*. Tuan Yang di-Pertua, saya berkhidmat selaku jurutera Tenaga Nasional selama lebih kurang 12 tahun dan saya belum sampai ke arah itu, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan ada dalam ucapan saya, tebal ini, hendak habiskan dalam masa setengah jam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ya, Jerai sekejap boleh?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati dengan Tenaga Nasional, walaupun keuntungan bilion tetapi dia punya pinjaman pun berpuluh-puluh bilion. Jadi dari segi permodalan itu saya kira tidak mendatangkan keuntungan yang memuaskan. Tetapi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan dan mengkaji semula kos jualan IPP tenaga kepada TNB, kerana kita tahu setengah daripada *Independent Power Plan* ini menjual harga macam Ayer Hitam kata tadi, tetapi Ayer Hitam dia tidak mahu sebut. Dia tidak bagi *direct* dia pakai ikut atas, jadi IPP ini telah menjualkan kos tenaga yang agak begitu tinggi menyebabkan Tenaga Nasional menanggung kerugian dan mereka memperoleh keuntungan. Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan, *I hope* saya tidak *jump the gun*.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ya, tidak *jump the gun*lah, tetapi ada dalam ini.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sebab saya baru mukadimah tadi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas komen-komen yang telah diberikan oleh rakan-rakan dan Yang Berhormat tadi, sejak Mei 1997 Tuan Yang di-Pertua, TNB dan semua penjana tenaga bebas IPP, ada disebut di sini, mendapat bekalan gas pada harga tetap dari Petronas. Sebanyak 6 ringgit 40 sen bagi setiap juta unit Termal British. Harganya jauh lebih rendah dari harga pasaran pada kadar semasa bernilai kira-kira USD8 Tuan Yang di-Pertua.

Berikutan itu untuk sepanjang tahun 2004 sahaja Petronas telah memberikan subsidi sebanyak RM6.2 bilion bagi memenuhi keperluan penjanaan elektrik di seluruh negara secara akumulatif jumlah subsidi yang diberikan oleh Petronas sejak tahun 1997 ialah sebanyak RM25.4 bilion. Banyak subsidi Petronas untuk membekalkan bahan api kepada penjanaan tenaga negara kita. Kontrak bekalan harga itu telah pun luput pada akhir tahun 2005 tetapi telah dilanjutkan oleh Petronas, ini sumbernya daripada *The Star* bertarikh 18/3/2006, muka surat 12 Tuan Yang di-Pertua. Harganya akan dirundingkan semula tetapi peramal mengatakan harganya sedikit sebanyak pasti dinaikkan bagi merapatkan jurang perbezaan harga pasaran dan harga subsidi, itu hakikat yang pahit tetapi terpaksa ditelan oleh semua pihak termasuklah pihak-pihak yang mewakili rakyat di Dewan yang mulia ini. Hujan hendak turun, kita tidak boleh tahan Tuan Yang di-Pertua.

Bagaimanapun Tenaga mempunyai kebimbangannya yang lebih besar dari setakat kenaikan tarif sahaja. Cabaran yang dihadapi oleh TNB adalah sebenarnya dalam mengimbangi struktur kosnya. Untuk berlaku adil bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2005, Kumpulan TNB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.8 bilion berbanding dengan RM1.5 bilion pada tahun 2004, agak bolehlah kita banggakan juga. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua. setakat 31 Ogos tahun 2005, jumlah hutang TNB yang diberitahu oleh Timbalan Menteri tempoh hari bernilai RM29.6 bilion. *Welcome to the National Utility Power Producer*, ini dia. Pelaburan yang besar, belanja besar, untung besar, hutang pun besar Tuan Yang di-Pertua, puncanya Timbalan Menteri pun sebut kenaikan kos. Apabila harga minyak mentah dunia naik harga bahan api lain termasuk arang batu turut naik kerana ia berkait, Ayer Hitam ada jawab...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [Bangun]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Jangan, jangan bangun. Kedua-duanya adalah sumber untuk menjana kuasa. Tetapi tenaga janganlah memindahkan beban kos yang ditanggungnya kepada para pengguna, ini kenyataan kita. Jangan pindahkan kos tadi kepada para pengguna, jika pun tarif dinaikkan, berapa banyak TNB boleh kutip hutang piutangnya daripada pelanggan yang kini hampir berjumlah RM16.8 bilion yang merangkumi pemiutang-pemiutang serta pinjaman jangka pendeknya. Jadi kita hendak tanya TNB, apakah rasionalnya menaikkan tarif, kalau macam itu baiklah kita jangan menaikkan langsung jika kita tidak dapat menyumbang kepada penambahbaikan aliran tunai syarikat kita.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri jalankah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, menurut cadangan TNB....

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tanya sekejap sahaja...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya ada 4 minit sahaja lagi.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Satu minit sahaja.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Setengah minit boleh.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ya, setengah minit boleh, saya hendak tanya Yang Berhormat, mengenai *biomass*. Kerajaan sentiasa menggalakkan *biomass* tetapi kenapa TNB amat keberatan melakukan itu. Saya nampak mereka gunakan bahan api konvensional. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Ayer Hitam dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada juga cerita tentang *renewal energy* dalam ini, boleh Ayer Hitam tunggu sekejap lagi, saya akan ceritakan tentang ini juga. Tuan Yang di-Pertua, menurut cadangan Tenaga Nasional, kenaikan tarif ini tidak akan memberi kesan kepada golongan yang berpendapatan rendah yang hanya menggunakan 100 *kilowatt hour*, satu *kilowatt hour* 21.8 sen, 100 *kilowatt hour* lebih kurang sebulan 21 ringgit 80 sen. Siapa yang gunakan kurang daripada 21 ringgit, kalau mengikut cadangan kenaikan tarif yang baru ini tidak akan terasa kesan kenaikan tarif tersebut. Siapa guna lebih 21 ringgit 80 sen ini dia akan rasa kenaikan. Saya ingat dalam Dewan ini semua kenalah. Kumpulan ini mewakili hanya 27 peratus daripada pelanggan domestik Tenaga Nasional yang tidak kena kenaikan tarif tadi hanya 27 peratus, maka kenaikan tarif ini hanya memberi kesan kepada mereka yang menggunakan tenaga elektrik sederhana tinggi.

Desas-desus juga mengatakan bahawa kerajaan sedang berunding dengan tenaga agar tidak ada diskriminasi di dalam hal ini, pengecualian haruslah diberikan kepada kumpulan yang menggunakan 200 *kilowatt hour* sebulan ke bawah. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat kalau kita guna 42 ringgit 80 sen ke bawah insya-Allah kita tidak akan rasa kesan kenaikan tarif elektrik pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, yang kita bimbang ialah bukan kerana kenaikan di kalangan pengguna-pengguna domestik ini, tetapi yang menjadi penekanan kepada kita hari ini ialah pengguna-pengguna domestik ini tidak menggunakan elektrik untuk mencari keuntungan. Kita mencadangkan supaya Tenaga Nasional Berhad mengenakan kenaikan tarif elektrik ini kepada mereka yang menggunakan elektrik bagi tujuan meraih keuntungan yang besar. Dengan lain-lain perkataan saya mencadangkan supaya keseluruhan...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat... saya cadangkan.....

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** ..pengguna domestik tidak dikenakan kenaikan tarif, Yang Berhormat Jerai sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Apa salahnya kita menggunakan alternatif, macam Iran guna kita gunakan nuklear untuk menjimatkan kos dan memberi peluang kepada rakyat lebih mudah untuk membayar bil-bil elektrik. Jadi Iran, negara-negara Islam lain pun guna nuklear, apa salahnya kita juga gunakan tenaga nuklear sebagai bahan bakar kita.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, baru disebut tadi oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Luar tentang perjanjian-perjanjian dan penggunaan tenaga nuklear bagi tujuan keamanan dan penjanaan tenaga adalah salah satu daripada ciri-ciri keamanan. Tenaga nuklear ini Yang Berhormat Jerai sebenarnya bukan satu teknologi yang baru, ia telah berada lebih kurang 45 tahun di pasaran. Tokai power station di Tokyo telah menjana elektrik menggunakan tenaga nuklear ketika tahun saya lahir dan sehingga hari ini mereka tidak mempunyai masalah, mungkin kerajaan perlu mengkaji semula apakah sikap negara terhadap penjanaan elektrik menggunakan tenaga nuklear, itu jawapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sambung petang.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ditungguh sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu sila sambung.

**2.30 ptg.**

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lebih kurang 10 minit lagi.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** 10 minit Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, TNB Tenaga Nasional ada tanggungjawab sosial kepada rakyat. TNB juga adalah merupakan penjana pertumbuhan ekonomi negara. Sebarang kenaikan harga yang terlalu besar boleh menyebabkan kerajaan menghadapi risiko menghadapi rakyat. Risiko politiknya terlalu besar untuk ditanggung. Kenaikan tarif tidak boleh melampau-lampau. Bagaimanapun sekiranya tidak dinaikkan tarif TNB pula akan menghadapi masalah kerana struktur pendapatan tidak sepadan dengan struktur kosnya Tuan Yang di-Pertua. Jadi eloklah cadangan menaikkan tarif ini dikenakan kepada industri dan pengusaha-pengusaha kilang serta perdagangan sahaja. Bukankah tarif termasuk di dalam operasional kos mereka?

Bagi rakyat, kenaikan tarif ini adalah merupakan *cost of living*. Mungkin cadangan ini akan menyebabkan TNB berhadapan dengan pelabur-pelabur dan pelabur-pelabur mungkin tidak akan melabur di negara kita disebabkan tarif yang terlalu tinggi tetapi TNB perlu menimbang bahawa sebenarnya pelabur-pelabur akan meletakkan kualiti bekalan serta perkhidmatan di atas segala-galanya. Jadi kalau kualiti tidak ada perkhidmatan pula hanya lebih kurang maka pelabur akan lari dan melabur di tempat lain. TNB seharusnya lebih kreatif dalam menawarkan pakej bijak dan menarik pelabur di mana usaha sama dapat dipanjangkan secara *long term* untuk menambahkan lagi ikatan serta hubungan di antara pelanggan dan TNB. Itu lebih penting bukan hanya sekadar hendakkan keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tarif pula tidak dapat menyelesaikan masalah jangka panjang TNB. Mereka perlu merancang masa depan walaupun 85% perbelanjaan TNB adalah tetap seperti bayaran bahan api, caj keupayaan dan tukaran wang asing maka ianya bagaimanapun masih perlu diteliti demi mengurangkan kos operasinya yang mencecah RM16.2 bilion pada tahun 2005 berbanding RM14.7 bilion pada tahun 2004. Dalam Laporan Jawatankuasa Putrajaya mengenai prestasi tinggi syarikat milik kerajaan yang dikeluarkan pada 29 Julai 2005, Tenaga Nasional telah dikenal pasti sebagai sebuah syarikat yang mengalami masalah struktural yang amat serius Tuan Yang di-Pertua. Menurut laporan itu walaupun mencatat keuntungan bersih berjumlah RM813.7 juta bagi tahun kewangan berakhir Ogos 2004, TNB sebenarnya mengalami kerugian ekonomi berjumlah lebih RM2.94 bilion dalam tempoh tersebut.

Walau bagaimanapun saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucap syabas kepada TNB kerana setahun selepas itu ia berjaya mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM1.3 bilion iaitu peningkatan melebihi 60% keuntungan yang naik dua kali ganda. So, apa masalahnya Tuan Yang di-Pertua? Selain jangkaan peningkatan kos jana kuasa gas, sebenarnya banyak lagi kenaikan kos tidak langsung yang terus menghakis keupayaan TNB untuk meneruskan operasinya. Antaranya ialah urus niaga TNB dengan syarikat-syarikat tenaga penjana bebas ataupun lebih dikenali dengan IPP. Selain daripada menjana kuasanya sendiri TNB juga membeli elektrik daripada syarikat-syarikat tenaga IPP ini untuk dijual kepada pelanggan-pelanggan untuk mendapat keuntungan.

Dulu katanya urus niaga IPP ini memberi faedah kepada TNB kerana ia akan mengurangkan perbelanjaan modal tahunan dan membawa kesan penambahan kecekapan yang amat diperlukan dalam sektor tenaga. Penganalisa-penganalisa tenaga tempatan pernah berkata pembukaan bekalan tenaga adalah sebahagian daripada rancangan jangka panjang untuk industri itu yang akhirnya akan mewujudkan Tenaga Nasional yang lebih berkesan. Bahagian bekalan juga merupakan bahagian yang paling terdedah dan terikat kepada tarif...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** [Bangun]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** ...jika mereka dapat menjual dan mengurangkan pendedahan dalam perniagaan ini maka ia akan menguntungkan TNB. Jadi, mengapakah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Pulau.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulau]:** Boleh saya mencelah Yang Berhormat Tangga Batu? Sekejap sedikit sahaja, satu soalan pendek. Yang Berhormat tadi ada menyebut mengenai penglibatan IPP dalam *business plan* Tenaga Nasional. Memandangkan sekarang ini ada kelemahan yang timbul daripada sistem tersebut, adakah perlu Tenaga Nasional meneruskan pembelian elektrik daripada IPP ini. saya minta penjelasan dan juga pandangan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Pulau. Yang Berhormat bagi Pulau pun dia ada main *reading*. Saya akan sampai ke situ sedikit lagi Yang Berhormat Pulau terima kasih banyak. Jadi Tuan Yang di-Pertua mengapa TNB terpaksa menanggung bebanan hutang yang tinggi di mana silapnya dan apakah yang sudah jadi sekarang? Katanya dulu ada IPP ia akan meringankan beban TNB. Hari ini TNB pula banyak hutang RM30 bilion Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal ini, selaku syarikat utiliti tunggal TNB terpaksa menanggung kenaikan kos menjana kuasa dan lain-lain bersendirian kerana IPP mempunyai peruntukan untuk melepaskan pendekatan kos bahan bakar secara langsung kepada Tenaga Nasional.

Surat khabar melaporkan TNB membayar 40% bayaran kepada IPP dan 20% diserapkan kepada kos bahan api. Yang Berhormat Menteri Tenaga Air dan Telekomunikasi pernah menyatakan, "*I am the power minister without power*", dia kata dululah dia cagak dengan saya. Dia kata 85% kos TNB adalah terhadap kos yang dibayar kepada IPP. Tuan Yang di-Pertua, sedang negara menghadapi berbagai-bagai kerenah kenaikan minyak dan harga barangan yang lain, kita tidak seharusnya bertolak ansur dan bekerjasama antara satu sama lain dalam perkara yang melibatkan prestasi syarikat utiliti negara ini.

Pada tahun 1998, TNB dikatakan terpaksa berbelanja RM3.5 bilion setahun atau separuh daripada kos operasinya bagi membeli tenaga daripada beberapa buah IPP. Itu pada tahun 1998, tahun 2005 saya tidak ada angkanya tetapi lebih daripada itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Titiwangsa.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa terpenggillah memandangkan rakan saya dari Tangga Batu menyentuh sedikit sebanyak mengenai IPP. Saya adalah di antara *Foundation Member IPP Association*. Di antaranya ahli-ahli adalah seperti Tan Sri Francis Yeoh, Datuk Lim Ewe Jin, Tan Sri Nik Mohamad, TS Ong, saudara Ahmad Johari dan saya sendiri.

Jadi di sini kadang-kadang IPP ni menjadi *the 'favourite whipping boy'* tapi jangan lupa Tenaga sendiri pun telah diberi peluang untuk membuat stesen jana elektrik tetapi mereka tidak mampu untuk membuat pembiayaan secara *project finance* untuk projek-projek mereka. Sekiranya, katalah, andaikan IPP tidak ada, maknanya semua stesen jana elektrik ini akan berpindah kepada Tenaga, hutang TNB bukan RM30 bilion, tetapi akan naik kepada RM50 bilion. Projek Jana Manjung yang ada di Perak itu, sekiranya TNB mampu untuk membuat *'project finance'*, serta merta mereka boleh kurangkan liabiliti mereka sebanyak RM7 bilion dan jangan lupa TNB pun ada juga IPP tapi bukan di sini Tuan Yang di-Pertua, di Pakistan. Ini gila punya kerja, projek itu dibiayai oleh 100% ekuiti, dan TNB ada peruntukan RM1.4 bilion untuk kerugian untuk projek ini.

Jadi Tenaga janganlah pandang serong sahaja, sebab di sini kalau kita tengok bila Tenaga bayar kepada IPP, dia bukan bayar kepada *share holder*, dia bayar kepada *escrow* ejen. *Escrow* ejen yang pertama sekali buat bayaran kepada pembekal minyak, dalam kes ini Petronas ataupun kalau stesen jana yang gunakan arang batu, Tenaga Nasional sendiri. Kedua, operator stesen jana elektrik ini. Ketiga, *government taxes and duties*. Maknanya sekiranya IPP ini ada keuntungan, mereka akan bayar *tax*. Cukai kepada kerajaan begitu banyak. Yang keempat, hutang. Dalam industri elektrik ini EPF memang menceburkan diri begitu banyak, berbilion-bilion dalam industri elektrik ini. Tetapi mereka dapat sehingga

10.5%, katalah kalau tak salah saya pendedahan EPF dalam sektor ini lebih kurang RM7 bilion, barangkali lebih. Senang-senang EPF dapat RM700 juta *in terms of dividend*.

Selain daripada itu, *Islamic bond market* sekarang dengan izin telah begitu kembang dan bertambah maju oleh kerana adanya IPP dan semua IPP pula meminjam, dalam ringgit. Kalau kita tengok untung yang Tangga Batu sebut tadi, daripada rugi naik untung tu, berapa banyak sebenarnya untung datang daripada operasi? Sebenarnya banyak keuntungan tu datang daripada *Forex translation* keuntungan bukan daripada *operation*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Dan sekiranya kalau Tenaga buat stesen jana elektriknya sendiri....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Jumlah pekerja pun bertambah, jadi saya rasa eloklah Tenaga kalau nak mempertimbangkan kenaikan tarif tolonglah *put their own financial house in order*. Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Titiwangsa. Yang Berhormat bagi Titiwangsa benar-benar berada dalam kemelut ini jadi itu sebab dia boleh beritahu kita di manakah sebenarnya kelemahan pihak TNB yang hari ini terpaksa mengalihkan beban tanggungan tadi kepada masyarakat, rakyat dengan kenaikan tarif.

Tuan Yang di-Pertua, ada lapan IPP yang dalam senarai saya inilah. Di antaranya Power Tech Berhad, YTL Power Berhad, Malakof Berhad, PD Powers, Gari Energy Ventures, Ranhill Power Berhad, Genting Sanyen Power Sdn. Bhd., 'G-Mark' Energy Ventures Sdn. Bhd. dan semua ini termasuk IPP yang diperkenalkan oleh TNB sendiri. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya TNB senaraikan kos untuk pembelian tenaga daripada projek jana kuasa IPP yang sedia dan kos pembelian-pembelian baru pada masa hadapan. Termasuk, ini minta Kementerian, termasuk perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani untuk pembelian daripada projek Stesen Jana Elektrik Bakaran Arang Batu 2100 mega watt oleh Malakof di Tanjung Bin yang akan dimulakan tugas pada tahun 2006/2007.

Fasa kedua, projek jana kuasa *Combine Cycle* 750 mega watt stesen jana elektrik Tuanku Jaafar PD pada tahun 2008 serta projek Loji Jana Elektrik bakaran arang 1400 mega watt oleh 'G-Mark' Energy. Jadi ini kalau dapat senarai ini mungkin kita dapat mengimbangkan di manakah kelemahan yang boleh kita bantu bersama untuk membawa TNB ini ke mercu kejayaan daripada menghadapi hutang dan tunggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak bagi pesanan, ini nak penutup dah ni. Pesanan pada TNB, tadi untuk menjawab Yang Berhormat bagi Titiwangsa tadi. Yang Berhormat, kita ada beberapa IPP yang benar-benar telah berjaya di mana mempunyai berbilion-bilion projek di luar negara, saya boleh sebutkanlah antaranya beberapa IPP yang nampaknya perlahan di negara dalam membantu kemajuan, dalam meringankan tanggungjawab sosial tetapi mempunyai projek berbilion-bilion dolar di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pesanan saya kepada Tenaga Nasional Berhad di dalam menentukan bahawa TNB ini mempunyai masa depan yang lebih cerah daripada menghadapi kemungkinan di gulung tikar. Tuan Yang di-Pertua, dalam klausa yang ada di antara TNB dan IPP ini boleh menyebabkan TNB gulung tikar walaupun TNB hanya berhutang RM500 kepada IPP-IPP yang saya sebutkan tadi.

Jadi pesanan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah sudah tiba masanya TNB memberikan perhatian kepada aduan-aduan mengenai gangguan bekalan elektrik yang masih menjadi keluhan rakyat. Jika pun hasrat untuk mencapai sifar gangguan elektrik tidak dapat dilaksanakan pada kadar segera, TNB mesti memperkemas dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatannya. Sewajarnya peringatan kerajaan supaya TNB membuktikan bahawa mereka boleh beroperasi dengan lebih baik diberi keutamaan seiring dengan hasrat untuk menaikkan kadar elektrik itu sebab dah ada hasrat itu.

Maka TNB perlu memberikan perhatian untuk meningkatkan seluruh kawasan operasi, meningkatkan perkhidmatan ke seluruh kawasan operasinya dan bukan hanya mementingkan kenaikan tarif semata-mata. Dalam hal ini saya juga mencadangkan agar Kementerian menyenaraikan nama-nama syarikat yang gagal menjelaskan hutang-hutang dengan Tenaga Nasional di dalam akhbar. Begitu juga dengan syarikat-syarikat yang terlibat dengan kecurian elektrik. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pelaburan dalam pendidikan dan pembangunan RND, teknologi industri berasaskan bekalan elektrik negara perlu diteruskan memandangkan masih terdapat banyak lagi potensi yang boleh dimanfaatkan dalam industri tersebut.

Saya menyarankan pada kerajaan agar ganjaran dalam bentuk pengiktirafan juga diberi kepada mereka yang mempergiatkan penjimatan tenaga, kegiatan-kegiatan *conservation energy*, kajian serta penemuan sumber kuasa baru alternatif Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Arau.

**2.47 ptg.**

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian atas ucapan Menjunjung Kasih Di Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibuat pada 13hb Mac baru-baru ini. Sekali lagi, bidang pertanian tidak diketepikan dalam ucapan baginda. Adakah secara kebetulan bidang pertanian ini diberi penekanan dalam tiap-tiap titah ucapan Seri Paduka Baginda? Saya rasa tidak.

Kita tidak dapat lari dari hakikat bahawa negara kita adalah negara pertanian dan akan terus kekal sebagai sebuah negara pertanian. Selama ini Malaysia dikenali sebagai pengeksport bahan pertanian, mutu komoditi eksport pertanian kita yang paling unggul iaitu getah dan minyak sawit. 200 tahun dahulu, penjajah membawa benih getah daripada Brazil, 100 tahun selepas itu, penjajah juga membawa benih satu lagi iaitu kelapa sawit daripada Afrika yang potensinya belum lagi diketahui pada masa itu. Selepas diusahakan di Malaya dan kemudian Malaysia, barulah potensi sebenarnya timbul. Dari kegunaan untuk memasak dan pembuatan sabun, industri hiliran berasaskan minyak sawit seperti pengeluaran ubat-ubatan, vitamin, barangan *pharmaceutical* dan kosmetik mampu menjana harga premium.

Tuan Yang di-Pertua, kita kini melalui pusingan ketiga kitaran 100 tahun pengenalan tanaman komoditi di negara kita. Sudah sampai masanya pertanian Malaysia memerlukan nafas baru dengan pengenalan tanaman baru. Tanaman baru ini, akan merangsang industri komoditi pertanian dan menjana minat. Mungkin bukan tanaman baru di dalam erti kata yang sebenar tetapi menyingkap kembali satu tanaman tradisi yang pernah kita tanam dan berpotensi mengembalikan kegemilangan lamanya sebagai peledak Malaysia di peta dunia serta menjadi penjana ekonomi negara dan pekebun-pekebun kecil di samping sektor korporat.

Kadangkala dengan terlalu memandang jauh ke hadapan dan mengguna teropong sehingga kita tidak nampak benda yang di bawah dan hadapan hidung kita sendiri yang memang sudah ada sekian lama tetapi tidak ambil perhatian atasnya. Memandangkan kepada permintaan yang berterusan untuk makanan dan hasil makanan di dunia ini, Malaysia boleh memainkan peranan yang besar sebagai pembekal makanan. Selain dari kelapa sawit satu lagi tanaman yang tumbuh meluas di negara kita tetapi telah kita lupakan ialah kelapa ataupun dalam bahasa baku nyiur.

Kelapa telah dilihat sebagai industri senja kerana banyak menggunakan tenaga buruh untuk menuai dan memproses buah tetapi tahun demi tahun teknologi telah berubah dan bertambah maju di atas keperluan kita untuk menjana sumber makanan kepada dunia. Kelapa mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai satu lagi tanaman utama dan mengembangkan ekonomi Malaysia. Peruntukan yang memadai mestilah disediakan untuk program promosi, menanam semula dan tidak dilupakan juga dana untuk kajian bagi menghasilkan baka tanaman yang boleh menghasilkan pengeluaran yang tinggi untuk sehektar dengan menggunakan kos input yang rendah. Kita memerlukan.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Ya, silakan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Arau. Cakap pasal nyiur Tuan Yang di-Pertua, memang di belah Perak banyak buah nyiur Tuan Yang di-Pertua, pokok nyiur, buah kepala tetapi selain daripada kita perah buat santan dan santan itu orang tua-tua dahulu-dahulu dia gunakan santan itu untuk rambut sebab itu orang tua-tua dahulu rambut jadi lebat, rambut ikal mayang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan santan dia gunanya, minyak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hah! Minyak Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jadi, pasal Tuan Yang di-Pertua dari Perak, Tuan Yang di-Pertua fahamlah minyak nyiur dan buah nyiur. Jadi, apakah pandangan daripada Arau, hasil yang Arau minta kerajaan kembali kepada tanaman pokok nyiur ini, apakah selain daripada minyak yang boleh kita guna, selain daripada daunnya kita buat lidi, akar dia kita boleh buat berus gigi, apa lagi yang kita buat daripada pokok-pokok nyiur. Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Macam sudah tahu apa teks saya ini *[Ketawa]* jadi kalau sabar sekejap jawapan itu akan dapatlah. Saya sambungkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Kita memperakui memang akan wujud persaingan sama seperti yang telah berlaku kepada kelapa sawit tetapi kelebihan bangsa Malaysia ini adalah menghadapi saingan dengan berteraskan teknologi. Kegunaan kelapa, kegunaan nyiur yang kita sedari pun sudah banyak sehinggakan jika kita mengadakan satu seminar untuk membentangkan kegunaan kelapa seminggu pun mungkin Jerai tidak sanggup hendak dengar. Dari pucuk hingga ke akar, kelapa boleh dimanfaatkan untuk kegunaan manusia. Dari yang biasa kita dengar seperti santan, kelapa parut, minyak kelapa dan juga *virgin oil* yang bubuh rambut tetapi saya tidak gunalah, tilam, dan apa pula lagi. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Buah nyiur jadi tilam, macam mana?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Sabut, sabutnya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Oh! Sabutnya.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Jadi, kita cakap sabut daripada akar sampai ke atas, jadi tilam, tali, penyapu lidi, tempurung boleh buat butang dan sebagainya. Terima kasih. *[Disampuk]* Yang itu tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kelapa kita juga patut menimbangkan satu tanaman yang menjadi tanaman semula jadi negara ini tetapi tidak diendahkan iaitu satu tanaman yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen lain iaitu pokok jarak atau dalam bahasa saintifiknya *jatropha curcas*. Selama ini pokok jarak menjadi pagar kampung, ramuan perubatan selepas bersalin atau tumbuh liar tanpa diundang. *It is a weed*, dengan izin, namun kajian menunjukkan bahawa biji jarak mempunyai komposisi di antara 30% ke 35% minyak yang boleh dibakar tetapi tidak boleh dimakan.

Minyak ini memang berpotensi untuk dijadikan bio diesel ataupun sebagai alternatif untuk bahan bakar di dapur ataupun sebagai lampu. Kenapa jarak? Ini adalah kerana jarak boleh ditanam di atas apa jenis tanah pun dengan penjagaan yang minimum juga dalam keadaan cuaca yang tidak begitu *conducive* untuk tanaman-tanaman lain. Semestinya jika ia diberi sedikit jagaan pulangnya juga akan meningkat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Arau

perjelaskan, buah jarak ini Yang Berhormat bagi Arau kata berguna untuk bersalin, jadi dia buat apa buah jarak itu? Pokok jarak itu boleh buat apa untuk orang bersalin, apa manfaatnya? Jadi, Yang Berhormat kena bagi penjelasan kalau tidak kita Ahli Parlimen tidak faham, kita hendak buat dengan buah itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahu atau tidak jawapannya?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahu atau tidak jawabnya?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Oh! Tahu, memang tahu ini kerja saya. [Ketawa] Di kampung kalau orang bersalin itu kita guna daunnya untuk bertungku, kira lepas bersalinlah itu. Yang Berhormat tidak tahulah, kan? Pasal Yang Berhormat tidak mengalami bersalin. [Ketawa] Selain dari mudah ditanam, jarak juga tidak mempunyai musuh tanaman semula jadi mahupun serangga ataupun haiwan. Kos penjagaan akan menjadi amat rendah sekali. Jika kita ingin menggunakan tanah terbiar atau tanah yang tidak sesuai untuk tanaman-tanaman lain inilah tumbuhannya yang patut kita tanam. Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Bangun]

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Ya, Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Saya teliti ucapan daripada Yang Berhormat bagi Arau mengenai buah jarak ini di mana bijinya mempunyai kandungan minyak sehingga 30% hingga 40% tetapi dari segi ekonomi adakah ini *feasible*, dengan izin, untuk meng*commercialize*kan buah-buah ini supaya kegunaannya dapat dimanfaatkan kepada manusia dan juga rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Terima kasih. Saya rasa ini memang orang kata *economic* oleh kerana inilah satu tanaman yang kita tidak perlu jaga sebagaimana Yang Berhormat bagi Jasin kata awal-awal tadi. Cuma kalau kita jaga dia lebih sedikit kita guna baja sedikit sahaja maka dia lagi akan beruntung. Kalau kita bandingkan dengan kelapa sawit, saya rasa ini lagi bermanfaat oleh kerana saya sendiri sebagai seorang individu rasa minyak kelapa sawit itu patut digunakan dalam sektor pemakanan. Oleh kerana saya rasa lebih ramai manusia yang memerlukan minyak sawit sebagai *food resource* dan apa yang tidak perlu ataupun tidak boleh dimakan seperti minyak jarak ini boleh dibakar. Jadi, saya rasa sebagai bio diesel memang enak sekali.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Arau. Setuju atau tidak pada Arau, kita sedang mencari satu tanaman alternatif untuk menggantikan tanaman tembakau di Kelantan dan Terengganu yang mana kita dapati bahawa kuota tembakau sekarang kita sudah kurangkan. Dan, tanaman yang paling baik yang mana boleh bagi pendapatan yang begitu tinggi ialah jarak ini. Setuju atau tidak yang kita kena *commercialize*kan ini?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju oleh kerana masalah di Kelantan dan di Terengganu ataupun kawasan yang menanam tembakau memang cari satu tanaman alternatif dan kita bermasalah oleh kerana apabila petani itu sudah tanam tembakau, maka daun-daun tembakau itu senang dijual. Kalau kita suruh mereka itu tanam jagung, tanam kenaf kita mesti cari satu pasaran untuk mereka pula. Walhal kalau kita tanam jarak, minyaknya boleh guna untuk *cycle bio-diesel* dengan izin, dan ini mudah dijual sekiranya itu adalah polisi kerajaan, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik Tuan Yang di-Pertua, hak buah itu tidak apalah, kita buat minyak, tetapi hak daun itu Tuan Yang di-Pertua, memang saya pun rujuk balik dalam buku orang tua-tua, daun itu untuk orang perempuan bersalin, dia pakai daun itu untuk tungku bagi perut dia itu kejang bali, jadi itu untuk orang wanita yang bersalin, tetapi saya ingat kalau kita *promote* elok-elok untuk laki-laki yang perut boroi ini macam Yang Berhormat bagi Arau apa semua, saya ingat yang ini satu pasaran yang baik. Macam mana pandangan Yang Berhormat? Boleh tidak? [Ketawa]

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Ya, ini adalah satu kajian yang saya belum lagi buat, walau bagaimanapun, perlu kita tengok dan lihat macam mana *effect* dia. Saya takut bukan perut yang kepis, benda lain yang kempis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan di sini bahawa kegunaan minyak jarak ini sebagai bahan bakar untuk enjin diesel bukanlah perkara baru. 'Daimler-Benz' daripada negara Jerman telah pun menjalankan kajian selama dua tahun di India menggunakan minyak jarak sahaja sebagai *bio-diesel* ke atas Mercedes Benz model C200 tanpa mengubahsuai enjin itu, dan keputusannya amat menggalakkan. Banyak syarikat dari Amerika dan Eropah telah pun masuk ke Afrika dan India untuk memajak tanah bagi kegunaan penanaman jarak ini. Apakah tidak wajar sekiranya kita mengambil kira tanaman pokok jarak ini sebagai tanaman yang penting untuk masa depan negara kita. Tanaman ini tidak akan mewujudkan saingan dengan minyak kelapa sawit atau minyak kelapa kerana ia tidak boleh dimakan.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Sekijang.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya dari Arau. Saya hendak tanya sedikit apabila Yang Berhormat bagi Arau menyebut tentang buah jarak ini, saya difahamkan bahawa pokok jarak ini ada beberapa spesies sama ada spesies yang terdapat di dalam negara kita ini sesuai untuk dikomersialkan ataupun ada satu pokok jarak yang saya difahamkan dari Afrika ataupun dari luar yang mahu dikomersialkan di sini sebagaimana kita membuat kajian kepada getah ataupun pokok kelapa sawit ini, mohon penjelasan.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Pada Yang Berhormat bagi Sekijang, saya ingin memberitahu bahawa *planting* material iaitu bahan tanaman yang ada di Malaysia sekarang ini sudah ada banyak di seluruh Malaysia misalnya di Perlis, di Sabah pun sudah ada di mana saya sudah tunjuk bahawa apabila saya bagi ucapan ataupun penerangan tentang pokok jarak ini, ataupun minyak jarak, saya mengambil bijinya dan membakar bijinya dan selama dua minit biji jarak ini boleh dinyalakan dan itu menunjukkan memang ada minyak *content* dia memang ada minyak di dalam biji jarak ini. *Local*, jadi cuma kalau perlu kita buat mungkin kita pergi ke luar negara supaya kita cari baka-baka yang lagi elok dari segi *oil content*, dengan izin di dalam biji-biji ini. Baik terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Saya amat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat bagi Arau ini, tentang pokok jarak. Saya fikir memang beliau ini seorang yang pakar tentang pokok jarak. Saya ingin hendak tahu kerana beliau seorang yang pakar dalam pokok jarak ini. Di Malaysia ini agaknya kawasan-kawasan mana yang sesuai untuk ditanam dengan pokok jarak, sebab dia ada kaitan dengan kesesuaian tanah dan sebagainya. Mungkin di Ledang pun saya hendak bawa. Kalau pun tidak sesuai ada tidak baja misalnya dari Arau yang boleh kita gunakan untuk menyuburkan pokok jarak kalau tanah tidak sesuai, sekian terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, pokok jarak ini boleh ditanam di mana-mana sahaja, tidak kira di tanah gambut ataupun tanah pasir atau *laterite* dengan izin di mana-mana pun boleh. Cuma saya syorkan bahawa kawasan yang sesuai untuk tanaman kelapa sawit teruskan dengan kelapa sawit,

tetapi tanah yang tidak sesuai untuk tanaman komersial semacam kelapa sawit, getah kita patut tanam dengan jarak misalnya. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua fasal masa begitu singkat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Soalan serius Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, sudah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Soalan serius Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal jarak lagi ke apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Pendapatan daripada tanam jarak dan kelapa sawit ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, jarak itu sudah lama.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Cukup dah jarak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Pendapatan dia macam mana? Kelapa sawit dengan jarak ini dia punya *return*, ROI dia macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi penyelidikan dibuat kan?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Ya, ya. Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada UITM Kampus Arau... [*Tepuk*] .... kerana sudah pun mula menanam dan membuat kajian dan penyelidikan atas pokok jarak.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak melupakan tanaman asasi kita iaitu padi. Saya percaya dengan perancangan dan implementasi yang sempurna, Malaysia mampu mengeluarkan padi pada kadar yang menguntungkan kepada petani. Sasaran untuk mencapai 10 tan sehektar hasil semusim tidaklah mustahil jika kita tahu apa dan bagaimana melaksanakannya. Kita mesti ingat yang penting pada kita ialah para petani. Pada tahun 2010, penguatkuasaan AFTA betul-betul dijalankan sepenuhnya. Ini bermakna petani kita cuma ada lapan musim padi lagi sahaja. Bersediakah petani kita untuk menghadapi cabaran-cabaran yang saya percaya akan... lapan musim ini Tuan Yang di-Pertua akan datang dan pergi dengan sekelip mata sahaja. Yang bergaji di pejabat-pejabat bolehlah hidup sedikit, tetapi yang nasib bergantung kepada cuaca, pertolongan agensi-agensi kerajaan dan pertanian bagaimana mereka. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kajian-kajian yang...

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Muar. Bagi laluan?

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Yang Berhormat bagi Arau, saya ingin memetik kata-kata ada lapan musim penanaman padi sebelum AFTA. Di tempat saya ada kawasan padi. Jangan kata hendak keluar 10 tan satu musim. Dia satu musim sekali sahaja, dia tidak boleh setahun sekali sebab kawasan itu. Soalan yang saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, kawasan padi ini, dia menggunakan tanah masam dan tanah masam ini kita tidak boleh tanam benda lain tidak banyak benda kita boleh tanam. Jadi sebab ada lapan musim atau empat tahun sebelum AFTA, apakah cadangan Yang Berhormat yang perlu kita lakukan kepada penanam padi di tempat saya sebagai contoh yang seramai lebih kurang 150 orang ini, ataupun apakah kerajaan ada perancangan untuk mencari tanaman lain untuk petani? Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak ringkaskan jawapan saya itu, jemputlah saya ke sana dan saya akan menolong petani-petani ini. Nama Yang Berhormat bagi Muar pun akan jadi lagi elok. Saya teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada 5-6 minit lagi.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Oh itu dia. Berkaitan dengan kajian-kajian yang saya percaya - banyak kajian telah dan sedang dijalankan untuk mencapai yang terbaik untuk negara kita. Satu perkara yang penting ialah pengumpulan data-data dan maklumat-maklumat saintifik. Di negara kita terdapat pelbagai data saintifik yang berselerak di merata negara termasuk di MARDI FES universiti-universiti dan kolej-kolej, institusi-institusi bebas syarikat-syarikat malah individu-individu. Apa yang kita tidak ada ialah satu lokasi atau gudang yang tetap supaya data-data ini mudah diakses apabila diperlukan.

Saya mencadangkan supaya kita mewujudkan satu pusat pengumpulan data-data saintifik atau dengan izin, *scientific data depository center*. Sama dengan Ahli-ahli Parlimen lain, *delivery system* itu, dengan izin, cukup mustahak jika kita mempunyai *access* kepada kajian dan data-data tetapi tiada pelaksanaan atau agensi-agensinya, maka kumpulan sasaran kita tidak akan memperolehi kebaikan yang mungkin didapati daripada kajian-kajian ini.

Justeru amatlah penting petugas-petugas bahagian pengembangan atau *extension department*, dengan izin, mesti menjadi satu pegawai yang cukup terlatih dan komited dengan usaha mereka menjalankan tugas pengembangan dari pejabat-pejabat berhawa dingin tidak akan membawa kesan kepada pertanian negara. Mereka mestilah bersama-sama dengan petani atau peladang di sawah, ladang atau dusun. Kita patut ikut balik pada masa yang lampau di mana pegawai-pegawai pengembangan berkediaman di kampung yang dia bertugas, bukan hanya dilihat semasa waktu pejabat sahaja.

Saya ubah tajuk, Tuan Yang di-Pertua. Kita akui Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dengan beban yang ada sudah cukup berat, tetapi usaha kita untuk mencari kecemerlangan di dalam mendidik anak-anak kita mestilah berterusan. Dahulu saya pernah mencadangkan pihak kedua-dua kementerian ini melihat akan kemudahan dan kaedah pengajaran untuk orang kurang upaya. Sekarang saya memohon kepada kedua-dua kementerian ini untuk mengambil kira penubuhan sekolah istimewa untuk anak-anak pintar atau genius.

Jika kita tidak memulakan langkah ini, berkemungkinan anak-anak pintar ini akan ditawarkan kemudahan pelajaran di negara asing. Anak-anak ini akan membesar di sana, dibudayakan secara yang asing kepada kita dan kemudian mereka akan lebih berminat untuk tinggal bekerja di sana. Apatah lagi kemudahan-kemudahan untuk menjalankan kajian-kajian lebih ke hadapan. Anak-anak ini mungkin ditawarkan taraf bermastautin atau kerakyatan, maka kita akan kehilangan satu sumber minda yang hebat.

Seriusnya kita perlukan kemudahan ini dan masih belum terlambat untuk kita memilikinya walaupun tidak di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita mestilah memikirkan perancangan khusus masa hadapan untuk memberi kemudahan kepada minda-minda hebat ini.

Menyentuh bidang sukan pula, sukan rekreasi dan sukan komuniti baru yang mengembang dengan begitu pesat selain daripada *futsal* di dunia ialah ragbi sentuh ataupun *touch rugby*, dengan izin. Ia merupakan sukan komuniti yang baru dan amat bersesuaian kerana murah, boleh dimainkan oleh semua peringkat umur, jantina dan boleh dimainkan secara bercampur. Ia juga tidak memerlukan lapangan yang luas serta boleh dimainkan di dalam dewan atau di padang. Ia tidak selasak yang dibayangkan kerana aksi "*tackling*" telah dikeluarkan daripada sukan ini. Ia juga dimainkan di peringkat kampung sehingga ke peringkat antarabangsa.

Saya berharap sukan komuniti yang baru ini diberi galakan dan sokongan oleh kementerian untuk diperkenalkan di peringkat sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi dan di seluruh pelosok negara. Ini akan memberi pendedahan awal kepada asas-asas sukan ragbi di samping menggalakkan pelbagai peringkat umur untuk bergiat cergas demi untuk kesihatan komuniti dalam jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan program-program yang kita rancang untuk menjuruskan kita kepada masyarakat yang sihat dan semua jenis sukan yang kita perkenalkan tidak akan membawa kita kepada mana-mana seandainya kita tidak memberi perhatian kepada makanan dan minuman kita. Amalan pemakanan yang sihat akan

membantu mengurangkan kos rawatan kesihatan dan menyumbang kepada pembangunan negara dengan tenaga kerja yang sihat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Hang hendak pergi bilik air? [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, tidak, hendak minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Saya amat tertarik dengan pandangan Yang Berhormat fasal sukan. Baru-baru ini pasukan Malaysia pergi ke *Commonwealth*, kita tidak sangka bahawa angkat berat Malaysia boleh menang dan kita jangka hak yang boleh menang, kita tidak menang. Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan melalui ucapan Yang Berhormat ini bahawa kita kena turun ke akar umbi untuk mengambil mereka ini dan melatih mereka ini untuk menjadi pasukan negara yang terbaik. Selalunya kita tidak serius, Tuan Yang di-Pertua, bila kawan itu menang, kita agung-agungkan kemenangan dia, selepas itu dia menurun, dia tidak tahan lama.

Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kementerian kena turun ke kampung dan desa untuk mengambil pemain-pemain ini yang main bola, main sukan, main sepak takraw dan sebagainya sebab mereka ini adalah... Tuan Yang di-Pertua, di sebelah kampung, depa minta padang bola, tidak payah tanam rumput. Depa kata, "Perata tanah pun cukuplah, kami hendak main bola atas tanah." Sampai macam itu terdesaknya masyarakat kampung dalam bola.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi tidak payah kita import. Kita ada pemain tempatan, *why should we import?*

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Dengan izin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat? Mungkin di Arau pun banyak. Ragi kalau badan besar-besar macam Yang Berhormat tidak apalah, bolehlah. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak jawab itu saya setuju kita patut pergi balik ke kampung. Orang kata, *go to basic*, dengan izin. Tetapi selepas kita dapat atlet-atlet itu dan menjadi atlet negara, perlu kita ada bajet yang orang kata realistik oleh kerana janganlah kita hadkan makanan yang patut makan satu ekor ayam, ayam itu dibahagi kepada lapan orang.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat bagi Arau.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sedikit. Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Saya tidak habis lagi ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tidak, saya sambung sedikit sahaja, minta penjelasan. Mungkin Yang Berhormat tidak sedar bahawa KBS akan menyediakan RM43 ribu untuk setiap kawasan DUN untuk aktiviti sukan rakyat dan juga pusat komuniti setiap kawasan Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila akhirkkan ucapan.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Ya, ya. Saya hendak habis ini, depa ini kacau. [Ketawa] Terima kasih. Saya teruskan.

Saya rasa kementerian patut khaskan bajet untuk pemakanan dan vitamin-vitamin. Jangan kita hadkan. Kalau kita hadkan, macam mana kita hendak dapat atlet yang orang kata, *of international quality*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Dalam jangka masa yang tertentu kita akan memiliki atlet-atlet yang lebih tinggi dan sasa dan tahap *immunity* yang tinggi serta kekuatan mental yang diperlukan untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya dengan mengucapkan ribuan terima kasih dan berharap pihak kementerian berkenaan memberi perhatian kepada apa yang saya dan rakan-rakan saya cadangkan. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian.

**3.18 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Parlimen Malaysia Yang Kesebelas, Penggal Ketiga yang sedang bersidang melalui mesyuarat pertamanya sekarang ini amat bermakna di saat negara sedang menghadapi cabaran yang semakin besar sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat antarabangsa.

Walaupun penjajah telah meninggalkan bumi bertuah ini hampir setengah abad yang lalu, namun persoalan yang menjadi polemik yang tidak bernoktah adalah sejauh manakah negara ini telah dapat menterjemahkan kemerdekaan dalam erti kata yang sebenarnya. Isu-isu yang melibatkan kredibiliti dan integriti kerajaan masih menjadi perbualan umum melalui diskusi ilmiah sehinggalah di warung-warung nun juah di pedalaman.

Usia hampir 50 tahun dianugerahkan dengan kemerdekaan adalah sudah cukup untuk generasi Malaysia hari ini untuk melakukan satu muhasabah dan membuat satu *assessment* yang objektif dan komprehensif serta dengan sejujurnya bangun dengan penuh keberanian untuk menegakkan kebenaran. Perjuangan kebenaran walaupun pahit dan memakan masa yang panjang, pasti akan mendapat keberhasilannya. Kepalsuan dan pembohongan tidak akan dapat disembunyikan, lambat-laun kebenaran akan terjelma jua.

Saya amat terpegun dengan penemuan baru dan keprihatinan warga Barat di mana dunia Barat sekarang sedang mengkaji tentang beberapa karya agung yang hari ini amat disangsikan keasliannya.

Siapa menduga, hari ini selepas 500 tahun, karya Shakespeare yang agung seperti *Master Piece* nya, *Hamlet* dan *Macbeth* dipertikaikan. Barat hari ini menuduh Shakespeare hanya mencedok dan meniplak karya orang lain. Begitu juga dengan Leonardo da Vinci, dengan *Master Piece* nya Monalisa, juga dipertikaikan adakah benar, lukisan itu dilukis oleh Leonardo da Vinci?

Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu persoalan tentang integriti kerajaan yang ada pada hari ini. Rakyat di bawah sana sangat kecewa dengan rombakan kabinet yang dilakukan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana menteri Malaysia yang diletakkan seribu harapan untuk membersihkan segala sampah sarap dan untuk menganjak suatu pentadbiran Malaysia yang lebih cemerlang. Saya cukup hairan, bagaimana kementerian yang menjaga AP yang telah menelan dan merosakkan serta membuat kerajaan rugi hampir RM1.2 bilion setahun, menterinya masih lagi dikekalkan.

Bagaimana sebuah kementerian yang bermain-main dengan nyawa manusia, yang mempersetankan segala pandangan profesional daripada Syarikat Halcrow tentang MRR2, masih lagi diberikan tempat dalam Kabinet. Ini semua menjadi satu persoalan

tentang integriti kerajaan yang ada pada hari ini, yang mahu melihat suatu Kabinet yang bakal boleh memacu kepada kejayaan, apatah lagi kita berhadapan dengan suatu era untuk melihat Malaysia yang lebih baik dalam RMK-9.

Ketulusan, amanah, menjadi suatu persoalan yang semakin dipersoalkan oleh rakyat dan janganlah menyangka dengan mandat yang begitu besar, 9/10 itu, rakyat akan tetap mendiamkan diri sebagaimana yang diperakui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa rakyat semakin cerdik, bijak pandai semakin ramai, dan insya-Allah saya yakin dan percaya bahawa mereka akan menjadi hakim untuk menilai segala apa yang dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini dan pada masa yang akan datang.

Masa depan negara tercinta ini, terletak kepada kemampuan generasi muda pada hari ini, yang akan bakal memimpin negara pada era mereka. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk merenung sejenak dan memerhatikan dengan penuh keinsafan, apakah wajah sebenar dan gambaran belia, anak-anak muda kita hari ini. Tokoh ulama dan sarjana ulung serta pengasas bidang sosiologi iaitulah Ibnu Khaldun, dalam buku agungnya 'Mukadimah' telah memperjelaskan bahawa setiap tamadun dan generasi itu akan melalui tiga fasa kitarannya. Dan pandangan beliau diperakui oleh pengasas atau dianggap Bapa Sosiologi Moden, Auguste Comte yang memperkatakan hal yang sama dalam karya-karya besar, beliau sehinggalah pada hari ini.

Fasa pertama ialah era mereka yang telah berjuang dan berkorban untuk merintis kejayaan. Fasa kedua ialah era kegemilangan mereka yang telah diberi kesempatan berkuasa bagi memimpin kejayaan dan fasa yang ketiga, ialah era generasi yang bakal mengambil alih kekuasaan yang ada pada hari ini. Sejarah telah menyaksikan sama ada tamadun barat, sama ada empayar Islam ataupun bukan Islam terlalu banyak tamadun yang runtuh dan ditelan zaman kerana mengikut Ibnu Khaldun kegagalan pemerintah hari ini mendidik dan melahirkan generasi pelapis pada masa yang akan datang.

Hari ini, Malaysia diancam dengan budaya *punk*, *hippies*, pemikiran *free thinker*, *vandalisme*, dan yang paling terkini ialah *black metal* yang sedang meragut nilai-nilai murni, budaya dan agama muda-mudi kita hari ini. Masalah penagihan dadah konvensional dan jenis syabu yang masih tidak dapat diselesaikan secara menyeluruh. Peningkatan kes-kes jenayah di kalangan remaja sangat membimbangkan kita. Kini, sebuah hiburan antara bangsa yang sangat ekstrem. Majalah barat seperti *Play Boy* sudah mencari pasaran baru di rantau ini, khususnya sasaran terbaru mereka pada belia umat Islam di Malaysia dan Indonesia.

Pejuang-pejuang kebebasan media, dan hak asasi manusia yang melampau sedang bekerja keras untuk melobi kedua-dua kerajaan umat Islam ini bagi mengizinkan majalah *Play Boy* ini diterbitkan di negara ini. Persoalannya, adakah Malaysia akan menghalang penerbitan ini atau permohonan ini, atau kita akan meluluskan permit untuk majalah *Play Boy* ini di atas nama yang berselindung di sebalik perjuangan *human right* ataupun hak asasi manusia.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyelar golongan tertentu yang kononnya bertopengkan perjuangan *human right*, cuba menjadi jaguh untuk membela dan menghalalkan budaya negatif ini, termasuklah beberapa orang menteri dan orang-orang kenamaan negara. Pada saya, mereka adalah pemimpin yang pada hari ini yang tidak mengendahkan dan memperjudikan masa depan belia kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan di dalam Dewan yang mulia ini, untuk berdiri mewakili rakyat, yang mungkin ucapan saya tidak popular di kalangan kerajaan, tetapi amat popular hari ini di kalangan akar umbi. Penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengenai kenaikan yang menyebabkan kerajaan menarik balik sebahagian subsidi pada bulan Julai 2005, dan menyelamatkan RM2.3 bilion. Kita dimaklumkan bahawa Petronas telah membayar cukai sebanyak RM31.2 bilion dan masih mampu mencatat keuntungan selepas cukai sebanyak RM35.3 bilion.

Dengan ketiadaan maklumat yang cukup bagi diri saya dan hari ini, kita masih boleh menjangka bahawa keuntungan dan cukai yang dibayar oleh Petronas adalah dua kali ganda apabila subsidi RM4.4 bilion yang dinikmati oleh seluruh rakyat jika dibandingkan

dengan keuntungan Petronas dan juga pembiayaan projek-projek mega termasuk menyelamatkan syarikat-syarikat gergasi yang nazak ketika krisis ekonomi dan kewangan pada tahun 1998 yang lalu yang sehingga kini tidak dapat dipertanggungjawabkan secara telus dan terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah, sejauh manakah kita telah mendapat penjelasan secara mengejut di atas isu kenaikan harga minyak ini bilamana rakyat di peringkat akar umbi mula merasakan malapetakanya. Kerajaan secara mengejut juga telah membuat pengumuman pemberian subsidi petrol kepada nelayan pesisir pantai pada hari RM1.00 seliter berbanding harga runcit RM1.92 sen seliter. Begitu juga dengan harga diesel bagi penumpang-penumpang di Sabah, Sarawak dan Hulu Tembeling, Pahang dengan harga RM1.20 sen seliter berbanding dengan harga runcit RM1.43 sen seliter.

Persoalannya sekarang, ialah sejauh manakah penyesuaian runcit-runcit ini, ataupun *piecemeal* ini dengan izin, mampu untuk menangani secara *holistic* sebenar impak sebenar kenaikan yang telah merata dan merangkumi keseluruhan kos saraan hidup akibat daripada tampan kenaikan RM0.30 sen harga minyak baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat Perdana Menteri yang menyebut bahawa setelah memikirkan kewajaran pemberian bagi membantu rakyat miskin serta penduduk-penduduk pendalaman, memperkukuhkan lagi hujah bahawa dakwaan bahawa keseluruhan kesan langsung dan tidak langsung impak kenaikan bahan api ini tidak didebat, tidak dikaji dengan tuntas kerana dikatakan bahawa tindakan ini hanya melibatkan Jabatan Perdana Menteri sahaja dan tidak dibawa ke Kabinet dan mungkin tidak sempat dikaji dan diteliti oleh *think tank* kerajaan ataupun Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Saya dengan ini Tuan Yang di-Pertua, mengakui bahawa polisi fiskal iaitu cukai dan subsidi adalah penentuan polisi mana-mana kerajaan di dunia ini. Ini perkara rutin pengurusan sebuah kerajaan. Kerajaan menentukan pendapatan dan perbelanjaannya, sekali gus cukai dan subsidiya bagi menentukan sebanyak mana kadar pertumbuhan yang mahu dipacu bagi sesuatu tahun kewangan, maka kemudian perlu juga diambil kira faktor perbelanjaan, faktor pelabur, di samping faktor eksport dan import dalam menganggarkan *gross domestic product* ataupun GDP. Dasar makro perlu juga dicampur tangan dan peranan Bank Negara Malaysia yang menentukan faedah, *interest rates*, yang tentunya akan mempengaruhi permintaan, *demand side* dan juga bekalan, *supply side*.

Tuan Yang di-Pertua, pakar-pakar ekonomi dari sedikit pemerhatian pelaburan yang saya sempat kaji, saya meneliti bahawa sama ada dari CIMB, Standard *Chartered*, *Dow Jones*, OSK meramalkan inflasi akan melonjak ke paras *index* harga pengguna IHP ataupun CPI sehingga 4% bermula pada bulan Mac ini. Maka, tidak menjadi satu pertikaian di kalangan pakar-pakar ekonomi sejak tamadun dunia ini bermula bahawa inflasi adalah satu *evil* kepada ekonomi. Maka, dengan ini Tan Seri Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jelas membuktikan Yang Berhormat tidak pandang ke Speaker. Teruskan ucapan. [Ketawa]

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana terlalu *concentrate* dengan ucapan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah rakyat percaya penglibatan RM4.4 bilion akan digunakan untuk kepentingan rakyat khususnya dalam sektor pengangkutan awam. Di sini Tan Sri Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha! [Ketawa]

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Minta maaf sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat tentang kredibiliti ini, *Abraham Lincoln* pernah mengatakan, "*Nearly all man can stand adversity, but if you want to test a man's charector give him power*". Ini kata *Abraham Lincoln* yang saya rasa tidak semua yang dari Barat itu boleh kita tolak tetapi kita terima apa yang baik. Rakyat diajak supaya ubah cara hidup. Ini yang dislogankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya baru diberitahu dengan satu maklumat RTM sedang membina pintu gerbang yang berharga RM1.2 juta. Jadi, apakah ini budaya jimat cermat yang boleh kita amalkan dan kita mampu berikan contoh teladan yang baik? Sebagai contoh, adakah hari ini

menteri-menteri rela untuk memotong elaun persolekan isteri-isteri, [*Disorak*] elaun tahunan menukar perabot rumah ataupun kita hari ini boleh menjadi contoh untuk kita berkongsi teksi ataupun LRT supaya kita boleh menunjukkan contoh yang baik kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat hairan bagaimana kediaman rasmi Perdana Menteri diubahsuai sehingga Parlimen diberitahu memakan belanja sehingga RM12 juta. Bangunan yang begitu tersergam indah, di manakah lagi cacatnya sehingga memerlukan *renovation* sebanyak RM12 juta. Jadi, saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bahawa rakyat perlu berjimat tetapi kerajaan mestilah melakukan contoh yang baik untuk dijadikan satu teladan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ambil subsidi rakyat dengan kenaikan 30 sen harga minyak sebanyak RM4.4 juta dengan alasan untuk memperbaiki kemudahan pengangkutan awam maka dengan ini kita ingin bertanya dalam Dewan yang mulia ini, di bandar manakah ataupun pengangkutan awam manakah yang akan mendapat nikmat daripada RM4.4 bilion ini. Ini persoalan yang mesti kita perjelaskan supaya rakyat tahu 30 sen yang diambil bagi 1 liter dari rakyat ini ke manakah perginya. Adakah akan dilonggokkan di Kuala Lumpur? Adakah kita akan menjadikan Kuala Lumpur ini, *we have a bigger Kuala Lumpur* sama dengan Manila, sama dengan *Rio de Janeiro*, kita sama macam New Delhi? Sedangkan kawasan-kawasan yang lain .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta penjelasan bolehkah?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Sekejap. Saya habis *in one breath*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Okay.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Di tempat-tempat yang lain akan terus berada dalam keadaan yang masih jauh untuk mendapat suatu nikmat pembangunan daripada kerajaan hasil daripada kenaikan harga minyak ini. Ya, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat agak terlajak sedikit menuduh kerana kalau Yang Berhormat baca *statement* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa peruntukan yang diambil daripada subsidi itu, RM4.4 bilion itu akan diagihkan bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi juga ke negeri-negeri. Jadi, bermakna negeri-negeri pun akan dapat menikmatinya, termasuk saya ingat negeri Kelantan yang diperintah oleh parti pembangkang. Saya ingat kerajaan akan adil dari segi pemberian itu. Dan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita tidak dapat mengelak kerana ini adalah kenaikan kos minyak di peringkat antarabangsa. Jadi, apakah daya kerajaan hendak memberi subsidi keterlaluan sehinggakan akan menyusahkan balik kedudukan ekonomi negara.

Di samping itu, satu lagi Yang Berhormat, perbelanjaan ini .....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ingin hendak menjawab atau minta penjelasan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, tidak! Saya hendak bertukar-tukar pandangan dengan Yang Berhormat kita ini. Jadi, kena ubah sikap ini maknanya Yang Berhormat tengok kadang-kadang orang kita dia makan dan minum sampai tidak berhenti. Dia makan 24 jam. Di rumah, bini boleh buat kopi satu teko letak kat kita tetapi kita pergi juga ke kedai mamak tu. Jadi, inilah pembaziran. Di rumah isteri kita boleh buat mee tom yam tetapi kita hendak makan juga di kedai, sebab di kedai buat sedap.

Jadi barangkali inilah cara kita hendak berjimat di mana tom yam yang dimakan di rumah dan teh "O" di rumah semua di rumah jadi kos akan rendahlah. Dahulu *'tok wan'* kita RM400 gaji sudah boleh hidup tetapi pasal apa sekarang tidak boleh? Jadi, ini adalah penjimatan pada pandangan saya secara kampung.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Baik, terima kasih, sahabat saya dari Jerai. Yang tadi bertanya tentang adakah subsidi ini ataupun jumlah RM4.4 bilion ini akan sampai kepada rakyat. Saya bertanya tadi semasa kerajaan tarik balik sebahagian subsidi pada Julai 2005, kerajaan dapat menyelamatkan RM2.3 bilion. Jadi, mana perginya? Dan, tadi masalahnya tentang sikap kita hendak ubah sikap kita jangan makan roti canai, jangan minum teh tarik lagi di rumah. Dalam kita belajar ekonomi, saya tidak pakar ekonomi tetapi kita belajar secara *general principles of economics*. Ekonomi ada dua segmen yang penting iaitu makro dan mikro. Sebab itu nabi Yusof a.s. apabila dia diberikan kesempatan untuk memerintah Mesir teori ekonominya ialah apabila 7 tahun yang kaya itu maka kerajaan mesti menyimpan, manakala 7 tahun yang meleset kerajaan mesti berbelanja. Kita tidak boleh, kalau kita hari ini tidak minum kopi di warung-warung apa akan jadi kepada warung-warung kopi itu. Kalau hari ini kita menyekat kita hendak beli, kita berhentikan orang yang kerja potong rumput di rumah kita di mana dia hendak dapatkan kerja. Oleh sebab itu, kita perlu mendapat satu pandangan yang *holistic* terhadap penyelesaian ekonomi, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian saya ingin menjelaskan Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, RM4.4 bilion ini adalah janji kerajaan untuk meningkatkan kemudahan pengangkutan awam dalam negara kita. Bila disebut tentang pengangkutan awam teksi, saya sebut ini milik yang digunakan oleh rakyat marhaen, di bawah. Teksi, bas ekspres, kemudian di Sabah dan Sarawak masih lagi menggunakan sampan dan perahu dan kapal terbang, hah! ini untuk kelas menengah dan kelas elit satu kemudahan awam untuk penerbangan awam. Dengan kita melihat, sebagai contoh Kereta Api Tanah Melayu, hah! ini salah satu daripada pengangkutan awam yang digunakan oleh rakyat kelas bawahan. Hutang KTM adalah RM800 juta pada hari ini. Baru-baru ini beli 40 buah kepala kereta api. 20 buah dibeli dari China dan 20 buah lagi dibeli dari United States (Amerika Syarikat). Sekarang 40 buah kepala kereta api itu tersadai.

Yang digunakan sekarang ini, yang berjalan sekarang ini dari utara ke selatan, timur ke utara adalah kita sewa pajak daripada India. Sewa beli daripada India, jadi adakah 4.4 bilion ini akan bayar hutang KTM ini dan akan selamatkan syarikat-syarikat yang membeli gerabak-gerabak ini, ini yang rakyat persoalkan. Integriti kerajaan yang ada pada hari ini dan kemudian kita difahamkan bahawa kerajaan sekarang sedang meneliti satu dokumen yang telah pun diserahkan oleh *Gamuda Corporation* dan *Malaysian Mining Corporation* untuk mengambil alih KTM. Saya minta penjelasan daripada Menteri Pengangkutan, adakah fakta ini betul atau tidak. Kalau inilah yang berlaku, maka saya bimbang 4.4 bilion itu tidak akan dapat mencapai kepada sasaran yang sebenarnya.

Isu MAS yang telah pun diperdebatkan oleh bukan sekadar daripada pihak pembangkang tetapi juga rakan-rakan daripada *backbenchers*, iaitu Pengarah Urusan MAS Idris Jala telah pun mengumumkan bagi tahun kewangan 2005 rugi lagi sekali 1.5 bilion dan dengan pengumuman ini kita boleh menjangkakan tahun kewangan 2006 MAS akan rugi lebih kurang 2 bilion, ini kita boleh anggarkan. Ini adakah... sekali lagi saya ingin bertanyakan dalam Dewan yang mulia ini, yang telah pun dijawab Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang ada dalam Dewan ini bahawa 4.4 bilion ini tidak akan digunakan untuk menyelamatkan MAS. Adakah itu satu janji yang boleh kita pegang ataupun apakah yang bakal berlaku, saya meminta supaya menteri yang bertanggungjawab memberikan penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini.

Kemudian ada isu Monorel, LRT, yang pada asalnya projek ini diswastakan. Kerajaan terpaksa *bail out* ambil balik Monorel dan LRT yang ada pada hari ini. Adakah wang subsidi ini yang kita ambil daripada rakyat ini akan juga menyelamatkan LRT dan Monorel ini, dan kemudian kita juga ingin bertanya tentang ke manakah perginya wang Petronas, yang begitu banyak, yang saya rasa secara faktanya telah pun menjadi satu dokumen umum yang diterbitkan oleh majalah-majalah berprestij seperti *The Edge*, ataupun majalah-majalah antarabangsa, tentang *bail out* terhadap syarikat-syarikat MISC yang berjumlah 1.8 bilion, *bail out* Proton 999.4 juta, Bank Bumiputera 4 bilion dan membina menara tertinggi di dunia KLCC dan juga Litar F1 Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Saya akan cuba untuk berucap mengikut masa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut majalah berprestij *The Edge* sebagai contoh Syarikat Pembina Tenaga ini yang melibatkan tentang apa yang disebut oleh sahabat saya sebentar tadi, ke manakah sebenarnya sejak negara kita merdeka, negara menerima hasil Petronas kali yang pertama tahun 1975. Waktu harga minyak dunia satu *barrel* lebih kurang USD15 dan hari ini harga minyak satu tong di pasaran lebih kurang USD60. Begitu banyak sekali keuntungan yang dicapai yang dikeluarkan oleh bumi dalam negara kita ini, adakah dia pergi ke peringkat ke akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut majalah *The Edge*, Syarikat Pembina Tenaga Swasta (IPP) tadi, menikmati kadar subsidi istimewa sebanyak 14 bilion setahun sejak tahun 1977 untuk membekalkan tenaga dan kemudiannya memaksa dengan satu *agreement* yang memaksa TNB membelinya daripada IPP. Siapa dia IPP ini? Saya tadi bersetuju dengan pandangan, dengan celahan rakan saya daripada Titiwangsa yang secara rasional kalau kita berfikir secara objektif dan isu ini kita *discourse* dengan *intellectual discourse*, saya boleh terima dengan rasional bahawa kalau TNB tidak mampu untuk menjana kuasanya sendiri, perlulah kita membuka ruang ke mana IPP ini untuk memberikan penampungan kepada TNB. Macam kita manusia Tuan Yang di-Pertua, kalau kita nak pakai baju tidak semuanya mesti kita tanam kapas, kita nak buka kilang dan seumpamanya. Ini satu konsep *universal* yang diajar kepada kita. Tapi persoalannya, yang menjadi persoalan integriti kerajaan dan mereka yang bertanggungjawab tentang hal ini adakah kekayaan negara ini, adakah berkisar di sesuatu kelompok tertentu ataupun ianya telah dapat sampai di peringkat akar umbi masyarakat, rakyat dalam negara kita? Secara umumnya tadi khusus telah pun disebut secara panjang lebar oleh sahabat saya daripada Tangga Batu.

Di antara IPP yang menikmati habuan ini harga pasaran suatu unit MBB BTU British thermal unit ini adalah RM30, tetapi kita bagi subsidi RM6.40 kepada syarikat ini. Bermakna syarikat ini telah hampir 15 tahun menikmati subsidi kerajaan sebanyak RM23.40 yang melahirkan satu keluarga dan individu-individu yang tempat teratas, yang kaya di Malaysia. Jadi itulah antaranya Tan Sri Lim Goh Tong, Tan Sri Yeoh Tiong Lay, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Sekejap lagi lepas ni, biar saya habiskan...dan Annandha Krishnan yang memiliki syarikat Genting Sanyen Power, YTL Power, Malakoff Berhad dan Tanjung Berhad yang saya merasakan mereka telah dapat 14 bilion setahun dan persoalannya ialah kenapakah 4.4 bilion ini perlu ditarik daripada rakyat yang sepatutnya menerima subsidi yang berterusan daripada pihak kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung, masa dah cukup dah.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Terima kasih. Sebenarnya bahan api yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi semuanya *pass through*, jadi IPP tidak mengambil untung apa-apa pun daripada harga bahan api *pass through* dan kalau diambil pula arang batu, arang batu pula itu dibekalkan oleh TNB sendiri. Jadi sebagai pengusaha IPP mereka tidak ada membuat keuntungan di atas bahan api. *It is a complete pass through - 100 per cent*, dengan izin.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Ya, itu mungkin saya dapat penjelasan dari luar Dewan nanti. Insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, sama ada apa yang telah saya katakan tadi merupakan satu fakta ataupun dianggap sebagai suatu yang masih boleh diperbincangkan, saya mengharapkan bahawa isu kenaikan minyak ini mestilah diambil perhatian oleh pihak kerajaan kerana ia adalah merupakan satu isu, dan satu persoalan yang akan terus menjadikan rakyat negara kita ini dalam keadaan yang sukar bagi menghadapi kehidupan mereka hari ini dan juga pada masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf di atas sedikit kesilapan yang mungkin mengguris hati Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, tidak apa. Bintulu sila.

**3.48 ptg.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam ucapan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan yang mulia ini. Kesempatan ini saya ingin mengutarakan beberapa isu dan masalah yang perlu diberi perhatian, pertimbangan dan tindakan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita sering didedahkan dengan salah laku dan tindakan polis di negara kita yang sering melampaui batasan undang-undang. Begitu juga terdapat anggota polis di negara kita khasnya yang baru bertugas tidak mampu melaksanakan tugas dan kurang arif dengan perundangan negara.

Di sini saya ingin mempersoalkan keberkesanan dan kualiti sistem latihan polis di negara kita yang dilihat terdapatnya kecacatan dan kelemahan. Kita tahu setiap anggota atau pegawai polis akan menjalani latihan kepolisan terlebih dahulu di Institusi Latihan Polis sebelum mereka layak untuk bertugas sebagai polis. Tuan Yang di-Pertua jika benar Institusi Latihan Polis kita memiliki kualiti dan sistem latihan yang sistematik nescaya kita akan mampu melahirkan pegawai dan anggota polis yang benar-benar berkualiti.

Pasukan polis merupakan perkhidmatan awam yang terpenting dan perlu dibarisi mereka yang benar-benar layak kerana ianya membabitkan keselamatan rakyat dan negara. Namun demikian, beberapa insiden serta aduan yang saya terima ternyata terdapat kepincangan sama ada dari segi proses pengambilan atau sistem latihan dalam institusi polis. Misalnya terdapat anggota polis yang baru keluar dari institusi latihan pun tidak kenal lambang Ahli Parlimen atau ADUN dan ini saya sendiri alami. Adakah mereka ini kenal beberapa lambang rasmi kerajaan yang ada di negara ini dan apa lagi mahu cerita undang-undang. Seharusnya kita hanya perlu mengambil mereka yang benar-benar memenuhi kriteria bukan sahaja dari segi akademik, tetapi latar belakang dan rekod seseorang pemohon sebelum mengambilnya perlu diambil kira.

Dalam proses sebelum temu duga kita harus pastikan calon ini memenuhi kriteria tersebut dan kalau boleh siasat dengan terperinci rekod mereka sama ada di sekolah atau dalam masyarakat. Begitu juga mengenai tenaga pengajar atau jurulatih di dalam institusi polis kita di mana terdapat di kalangan pengajar yang tidak berkelayakan untuk melatih polis. Saya rasa kalau tenaga pengajar dan sistem latihan ini benar-benar berkesan sudah pasti anggota polis yang tamat latihan akan menjadi anggota yang berkaliber. Kalau boleh tambahkan tenaga pengajar atau jurulatih polis ini di kalangan peguam atau pengamal undang-undang yang lebih arif dari segi perundangan negara. Selain itu bagi pelatih yang berada di dalam institusi latihan mestilah diuji dan sentiasa dipantau setiap masa seperti ujian prestasi dan sebelum mereka menamatkan latihan juga perlu diberi ujian terakhir. Bererti jika dia tidak lulus atau menunjukkan prestasi buruk ketika menjalani latihan harus tidak dilepaskan begitu sahaja, mereka harus diminta mengulang lagi latihan dan kalau tidak juga lulus, saya harap pelatih ini boleh dibuang.

Kita harus ingat jangan terlalu mementingkan kuantiti tetapi yang lebih penting lagi ialah kualiti. Begitu juga dalam hal ini, tidak guna kita mengeluarkan ramai anggota setiap tahun jika masih terdapat di kalangan mereka tidak mampu menjalankan tugas. Selain itu saya harap kita mengkaji semula tempoh latihan untuk pegawai polis kita kerana dilihat terlalu singkat dan mereka yang keluar juga jangan terus disahkan jawatan. Mereka perlu melalui tempoh percubaan jika benar-benar layak barulah kita sahkan jawatan mereka. Saya juga bercadang agar setiap dua atau tiga tahun semua pegawai serta anggota polis ini harus diberi semula latihan serta kursus bagi memastikan kemahiran dan pengetahuan mereka sentiasa seiring dengan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kepincangan pasukan polis kita juga terus disambungkan oleh sistem kenaikan pangkat yang diamalkan, di mana terdapat sistem kenaikan pangkat di kalangan pegawai polis bukan berdasarkan prestasi tetapi sebaliknya. Dalam erti kata lain siapa yang pandai bodek bos dan suku sakat bos mereka akan cepat naik pangkat

walaupun tidak tahu bekerja, sedangkan anggota bawahan yang benar-benar berpotensi untuk naik pangkat tidak dinaikkan. Tidak ada guna atas bahu banyak 'bintang', tetapi menjalankan tugas bukan macam seorang 'bintang'.

Senario ini bukan sahaja menjejaskan integriti serta kewibawaan polis menjalankan tugas tetapi ia jika boleh menjurus kepada sikap sambil lewa di kalangan polis yang tidak berpeluang naik pangkat ketika menjalankan tugas kerana khidmat mereka tidak dihargai.

Seperti yang kita sedia maklum, sebelum ini pasukan polis kita memiliki sebuah jawatan khas untuk menjaga tatatertib anggota polis dan ketika jawatan ini wujud, jarang kita mendengar polis melakukan salah guna kuasa. Tetapi apabila jawatan ini tidak ada lagi sejak akhir-akhir ini banyak berlaku dan tindakan polis yang dipertikaikan serta tidak diyakini masyarakat. Kalau boleh jawatan ini perlu diwujudkan semula.

Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri, apakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk mewujudkan semula jawatan ini kerana jika jawatan khas ini ada, sedikit sebanyak ia akan mendisiplinkan serta memberi motivasi kepada polis melaksanakan tugas dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, untuk mengukuhkan serta menghargai pengorbanan polis, kita juga harus mengkaji kadar gaji atau elaun anggota polis kita. Tugas sebagai polis yang menjaga keamanan dan keselamatan negara serta rakyat amat tinggi risikonya dan boleh mengancam nyawa polis sendiri.

Justeru itu kita harus membalas pengorbanan ini dengan menawarkan gaji yang setimpal kepada mereka. Jika dibandingkan dengan tangga gaji polis di beberapa negara di dunia ini ternyata gaji polis di negara ini masih lagi rendah. Justeru itu, kita patut kaji dan naikkan tangga gaji serta elaun anggota polis kita setimpal dengan tanggungjawab mereka. Tangga gaji yang berpatutan di kalangan polis luar negara ini telah terbukti berjaya meningkatkan mutu perkhidmatan serta motivasi polis berkenaan menjalankan tugas.

Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri, adakah rancangan untuk mengkaji semula keberkesanan dan kelemahan institusi latihan polis di negara ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, isu satu lagi ini merupakan isu yang paling memeningkan kepala kita dan lama telah berlaku dalam perkhidmatan awam negara kita semenjak berpuluh-puluh tahun yang lalu. Sampai hari ini penyakit ini masih lagi menjadi 'duri dalam daging' dalam sektor awam kita. Saya amat menyokong penuh sasaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang komited dan menyeluruh agar sektor awam di negara ini mengurangkan dan menghapuskan kerenah birokrasi dalam perkhidmatan awam.

Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jika birokrasi ini masih lagi diamalkan, nescaya ia bukan sahaja menjatuhkan produktiviti negara malah boleh menjejaskan imej kecekapan negara di mata dunia. Banyak prosedur atau pendekatan yang digunakan dalam perkhidmatan awam kita telah ketinggalan dan tidak lagi sesuai digunakan atau tidak kompetitif pada masa sekarang seperti tempoh atau proses dokumen, kelulusan sesuatu permohonan dan teknologi yang kita gunakan.

Kenapa sekarang ada jabatan dan agensi kerajaan di negara kita yang masih lagi menggunakan mesin taip (*typewriter*) dengan izin seperti di balai-balai polis sedangkan orang sekarang sudah ada komputer dan menggunakan sistem *on line* untuk memudahkan urusan. Dalam hal ini kenapa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tidak memberi peruntukan yang lebih untuk menaik taraf kemudahan polis?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh menurut laporan perniagaan yang dikeluarkan oleh World Bank jika pelabur asing ingin memohon lesen perniagaan di negara jiran kita sebagai contoh peniaga daripada Singapura memerlukan 11 prosedur yang memakan masa 129 hari untuk mendapatkan lesen. Thailand pula memerlukan 9 prosedur yang mengambil masa 147 hari. Di negara kita, proses permohonan lesen ini masih melalui 25 prosedur yang mengambil masa 226 hari. Di sini jelas menunjukkan setiap prosedur serta tempoh mendapatkan kelulusan lesen berkenaan begitu susah dan lama.

Saya rasa kita perlu meningkatkan lagi kecekapan dalam urusan sedemikian. Kenapa kita tidak boleh mempercepat dan mempertimbangkan atau memendekkan cara atau masa ini kerana keadaan demikian boleh menjejaskan tumpuan atau pelabur asing atau dari luar atau daripada mana-mana ataupun daripada rakyat tempatan berurusan dengan kita. Apa salahnya kita kurangkan prosedur daripada Thailand dan pendekkan masa daripada Singapura dalam menguruskan semua ini. Selain itu adakah kita sedar yang sebelum ini Thailand ketinggalan berbanding negara kita dari segi kemasukan pelabur asing tetapi kini Thailand dilihat mendahului dan berjaya menarik ramai pelabur asing daripada kita.

Ketua Setiausaha dan pegawai-pegawai kerajaan sering kali menyertai dan mengadakan lawatan ke luar negara terutama dalam usaha menarik pelabur asing untuk berniaga di luar negara kita. Sepatutnya mereka sedar akan kelemahan sistem kita jika dibandingkan dengan negara lain tetapi sampai hari ini tidak nampak perubahan. Saya tidak faham apa tujuan sebenar mereka ini keluar negara sama ada tujuan mereka makan angin dengan duit kerajaan atau ada agenda lain.

Saya memohon Ketua Setiausaha terutama sekali Ketua Setiausaha Negara menyatakan hasil lawatan mereka keluar negara untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam kita. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat apakah rancangan dan tindakan yang akan diambil bagi mengekalkan dan menggalakkan lebih ramai lagi pelabur asing dan tempatan. Saya juga pernah menerima aduan di mana kerenah birokrasi sering berlaku di jabatan atau agensi kerajaan yang melibatkan pemprosesan mana-mana dokumen dengan mengambil masa yang cukup lama.

Saya berharap mana-mana jabatan atau agensi kerajaan yang menawarkan khidmat ini memberi penerangan serta menggariskan peraturan yang terang dan lengkap kepada pemohon. Pemohon atau orang ramai banyak kali pergi ke agensi kerajaan ataupun jabatan-jabatan selalu bertanyakan bilakah boleh mendapat kelulusan. Tetapi pegawai di kaunter selalu memberitahu, oh! Ini permohonan belum cukup lengkap lagi dan memerlukan lagi dokumen tambahan.

Apabila sudah diberikan dokumen, dalam masa dua minggu datang semula maka diminta lagi dokumen tambahan yang lain pula. Ada pula dokumen yang tidak cukup lagi dan diminta lagi sekali. Orang sudah hantar dokumen dan bertanya bila lagi boleh mendapat kelulusan. Pihak pegawai di kaunter menjawab dua minggu lagi. Kadang-kadang dua minggu lagi datang semula tetapi ada pula borang permohonan yang hilang dan terpaksa membuat permohonan baru. Saya berharaplah supaya jabatan-jabatan atau agensi kerajaan boleh membetulkan masalah-masalah yang ada.

Ada satu contoh lagi, iaitu Jabatan Imigresen atau Jabatan Pendaftaran Negara, selalu di kaunter ada pegawai baru datang kerja yang berkhidmat di situ. Saya difahamkan ada pegawai yang baru bekerja sebulan, baru kerja dua minggu diarah duduk di kaunter sana. Apabila pemohon bertanya kepada pegawai yang baru bekerja dan diarah bertugas di kaunter ini tentang apa-apa prosedur maka jawapan yang diberi adalah umpamanya, saya minta maaf encik, saya baru sahaja bekerja seminggu atau sebulan. Jadi apa gunanya pegawai itu duduk di kaunter?

Kenapa kita tidak boleh hantar pegawai yang ada pengalaman? Kenapa kita mahu buang masa semua rakyat turun. Sebagai contoh di kawasan saya, rakyat mahu turun sampai Bintulu daripada kawasan pedalaman mengambil masa selama lapan jam atau sembilan jam atau pun ada yang dua belas jam baru boleh sampai ke Bintulu. Macam Jabatan Pendaftaran Negara, sepuluh kali datang, sepuluh kali mahu minta dokumen. Sampai akhir sekali, rakyat cakap tidak apalah saya duduk di Malaysia tidak ada IC, tidak ada Surat Beranak pun tak apalah. Tetapi hujung-hujung siapa susah? Kita Wakil Rakyat juga yang susah. Tetapi pegawai sedar atau tidak?

Kalau ada hal berlaku, nanti polis cakap ini pendatang haram. Tetapi hujung-hujung akhir sekali sampai pilihan raya, orang politik kena pula. Sampai hari ini mengenai Jabatan Pendaftaran Negara ini masalah daripada saya masuk Dewan ini sampai hari ini sudah tujuh tahun. Saya tanya Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, berapa saya punya rakyat sudah didaftar?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, tujuh tahun berapa masalah sudah selesai?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itulah saya mahu tanya. Tetapi selalu saya nampak Jabatan Pendaftaran.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau belum selesai nanti perkhidmatan Yang Berhormat perlu dilanjutkan lagilah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ya, itulah saya kira macam itulah. Termasuklah Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat punya kawasan ini macam, Yang Berhormat pun pening juga. Pasal apa, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Pendaftaran Negara selalu ada pegawai ikut saya pergi ke rumah panjang dan mengumumkan orang-orang yang sudah mendapat IC, tetapi rakyat sana kata ketawa. Ini rakyat tiga tahun sudah mati, sudah barai, sudah mati, tetapi IC baru sampai. Saya pun tidak faham ini.

**Beberapa Ahli:** Makna 'barai'? *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** 'Barai' sudah kira masuk kuburlah itu. *[Ketawa]* Hah, ini bukan cakap main-main, ini cakap betul punya. Bila hendak selesai? Dahulu kita sudah janji di mana kalau ada Jabatan Pendaftaran Negara tidak boleh sah, kita minta perkara ini sudah begitu lama. Pegawai berkali-kali tukar, wakil rakyat pun sepuluh kali tukar, paling senang kita cari ketua masyarakat di kawasan itu, minta dia tolong sahkan boleh atau tidak? Saya minta Jabatan Pendaftaran Negara kaji balik semula kalau tidak ada macam mana mahu selesai perkara ini?

Tetapi Jabatan Pendaftaran Negara mahu minta, bukan minta *transport*, minta satu keluarga daripada cucu, nenek, datuk semua datang ambil gambar ataupun dia punya keluarga ambil gambar. Tetapi Jabatan Pendaftaran Negara ada perasankah atau tidak? Kadang-kadang keluarga ini satu anak yang bekerja di Kuching, satu lagi anak bekerja di Kuala Lumpur, satu lagi anak bekerja di Singapura, macam mana mahu ambil gambar, tunggu semua anak-anak balik? *[Disampuk]* Memang mereka mahu tetapi mereka tanya, Yang Berhormat kita orang di kawasan pedalaman miskin, Yang Berhormat boleh beri tiketkah?

Tetapi saya bertanya tentang hal Jabatan Pendaftaran Negara ini, dia ada perasankah atau tidak? Ahli Dewan Rakyat ini gaji berapa sebulan? Elaun berapa? Berapa tiket boleh beri sebulan? Kalau tiket bagi dua ini, saya ingat Yang Berhormat bagi Beluran dia tidak mahu makan sebulan. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Dia mampu!

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itulah saya minta jasa baik dari Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam tolonglah bantu dan selesaikan masalah ini. Sekarang ini ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu turun ke kawasan, saya pernah bersama dengan dia pergi ke rumah panjang tanya dia sekarang? Dia pergi ke rumah panjang umum, IC sudah siap. Rumah panjang cakap, "Oh! Sudah barai, sudah barai" Tepuk tangan sudah barai, tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sama dia pergi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jaga IC lagi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia sekarang tidak ada, itu dahulu, itu dahulu, *[Ketawa]* Saya dengan dia pergi. Itu hari kita mahu beri lima IC, tiga sudah barai, tinggal dua sahaja. *[Disampuk]* Dua mahu tangkap barai juga tetapi saya nampak dia terima dia punya IC sudah tua pun. Saya mahu meminta, ini betul-betul punya minta, sini pun saya mahu sentuh sedikit. Ini pegawai ataupun kaki tangan kerajaan, kadang-kadang saya minta ikut arahan daripada kita punya superior ataupun Menteri. Kadang-kadang menteri cakap boleh, prosedur kita boleh ubah sedikit bagi buat, ataupun kita proses, bagi proses permohonan tetapi pegawai cakap, saya pernah lalu.

Baru-baru ini Jabatan Imigresen ada lagi satu kes, dia cakap, "Menteri mana boleh pandai kerja, dia bukan tahu semua ini." Ada lagi sekali saya melalui dia cakap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan dia tahu semua, saya mahu tanya di sini Dewan yang mulia ini siapa perintah sekarang. Pegawai kerajaan perintahkan atau pun orang politik perintah sekarang? Apa pasal tidak boleh tanya? Tadi kalau kamu orang sudah buat masalah di kampung, pada masyarakat, siapa yang bertanggungjawab, siapa pergi jawab? Wakil rakyat jawabkah, atau pegawai dari jabatan-jabatan ataupun agensi, kerajaan pergi jawab?

Kenapa selalu kalau ada masalah, pegawai semua lari, tinggal hanya orang politik sahaja. Saya pernah pergi ke kawasan taklimat, pegawai sudah kena marah dengan rakyat, semua orang keluar pintu belakang, tinggal saya seorang wakil rakyat duduk di sana macam '*telingong*' ini macam, kena marah semua. [*Ketawa*]

Saya minta maaf hari ini bukan saya marah, saya harap ini cukuplah birokrasi sana dan *delivery system* memohon semua pegawai bekerjasama, kita datang bersama-sama. Satu hari kita pun perasan juga bukan kita sampai mati duduk di tempat kerusi tahu? Sampai satu hari pun ada banyak orang kalau kita mainkan sama dia, esok dia punya anak pun tahu you main sama dia, you tidak jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, banyak lagi?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tinggal sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah, biar ini selesai dan lain bawa pada akan datang, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Alah, apa boleh buat, *time* sudah. Bagi saya 10 minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 4 minit lagi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Hey! Minta ampun 10 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Kalau kita tidak selesai, ini masalah you mainkan sama orang, esok dia punya anak cucu tahu you main you belum mati lagi you mari pejabat minta tolong dia pun bagi main macam mana you rasa. You punya walaupun you duduk sana, saya mahu terus terang pada hari ini, you duduk di tempat itu di kerusi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat apa 'you'? Oh, itu oranglah, hah?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sekali, sekali saya panggil orang, itu panggil kira kampung punyalah, cepat sedikit, laju sedikit. Sekali-sekala pegawai mesti mahu tahu juga. Jangan you salah guna kuasa, you fikir kalau kita marah, esok mahu ugut orang politik tetapi kita mesti mahu faham, kita kalau salah guna kuasa, kita punya saudara pun semua masih marah juga, kalau you tidak pandai proses dokumen itu. Saya berharaplah....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya sokong, sokong...

**Seorang Ahli:** Dia tidak tahu Sabah dan Sarawak.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Seputeh, Seputeh jangan bisingslah saya punya kawasan bukan ada apa-apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh kata dia kasihan sama awak!

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia mana ada kasihan, selalu datang saya punya kawasan banyak bisings dan kacau tetapi saya jawab balik dia lari terus cepat-cepat. [*Ketawa*] Hai, tengok dia banyak kacau, tidak tahu mana pergi sudah! [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** [*Ketawa*] Saya ingat sudah balik ke Bintululah, Yang Berhormat!

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak apa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat, saya mahu tolong, saya mahu tolong.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** lalah, bagi jalan, bagi jalan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Memang apa yang diluahkan oleh suara hati Yang Berhormat bagi Bintulu itu memang juga merupakan perkara yang dihadapi oleh ramai wakil rakyat tetapi saya rasa apakah ini menunjukkan yang slogan kerajaan itu perkhidmatan yang cemerlang, gemilang dan terbilang ini memang tidak benar, ini slogan sahaja tetapi kebetulannya ia tidak dipraktikkan oleh ramai kaki tangan kerajaan. Yang Berhormat bagi Bintulu, saya hanya rasa tadi ucapan Yang Berhormat macam luahkan perasaan di Dewan macam cakap dengan bayang. Ini kerana pegawai-pegawai yang dirujuk oleh Yang Berhormat itu tidak ada dalam Dewan ini. Jadi, bukankah Yang Berhormat perlu lebih spesifik macam jabatan mana, di tempat mana, pegawai mana, namakan nama-nama mereka di Dewan ini supaya ada rekod dalam Dewan dan menteri yang dengar itu mungkin boleh ambil tindakan selepas itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Seputeh jangan ajarlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah cukuplah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Hai, Yang Berhormat bagi Seputeh, ini *dragon* ini memang betul lah, tetapi kadang-kadang ada segelintir punya pegawai tidak mahu ikut. You ini kadang-kadang tidak faham. Kamu orang, macam polis punya kes, kamu orang hentam macam mesin *gun*, hentam satu pasukan polis semua hentam habis, kadang-kadang tidak betul. Ada masalah kita mesti mahu siasat dahulu, ya sudah-sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya fikir cukuplah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mahu habis, gulung, gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, gulung.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya berharap mana-mana pegawai dan kaki tangan kerajaan kita faham berhubung dengan era globalisasi terutamanya teknologi maklumat dan komunikasi ICT sedar budaya kerja yang boleh membantu pelaksanaan sesuatu urusan dengan mudah, cepat, efisien, berkualiti dan produktiviti. Saya berharap isu yang saya persoalkan di sini mendapat perhatian, pertimbangan dan tindakan sewajarnya demi menjadikan negara kita benar-benar cemerlang, gemilang dan terbilang. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Seri Gading hendak ucapkah? Semalam bukan sudah berucapkah. Belum, hah. Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Belum, belum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, berapa perkara yang hendak dibangkitkan hari ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ada lima, enam perkara. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Berapa jam?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa yang penting?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Semua penting Tuan Yang di-Pertua, semua penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, saya minta dalam 30 minit boleh selesaikan semua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau boleh cukuplah, kalau tidak.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tidak boleh, saya akan berhentikan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya bangun bersama-sama ahli-ahli yang lain menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Kesebelas pada hari Isnin 13 Mac yang lalu. Saya lebih menjunjung kasih kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapan di perenggan yang pertama telah melahirkan penghargaan kepada PDRM, Polis Diraja Malaysia kerana jasa mereka yang besar dan berharga yang membolehkan rakyat menikmati keamanan dan kedamaian. Tidak pernah sebelum ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Jasin, Bintulu telah bangkitkan perkara berkaitan dengan polis jadi apa lagi hendak tambah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sebagai Ahli Parlimen Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan rakan-rakan yang lain menyentuh perkara ini tetapi saya juga terpanggil Tuan Yang di-Pertua, untuk bersama-sama membahaskan perkara yang penting pada masa ini. Jasa mereka yang besar dan berharga telah membolehkan rakyat menikmati keamanan dan kedamaian. Dengan keamanan dan kedamaian kehidupan rakyat dan negara sehari-hari, kehidupan rakyat berjalan dengan penuh keceriaan dan penuh kebahagiaan. Usia polis negara ini hampir 200 tahun Tuan Yang di-Pertua, polis dengan setia, taat dan dedikasi telah menjadi teras terpenting kepada kerajaan, negara dan rakyat.

Mereka, polis 200 tahun ini Tuan Yang di-Pertua, mereka telah berkorban dengan tenaga, darah dan nyawa. Saya ulangi Tuan Yang di-Pertua, tenaga, darah dan nyawa dalam mendepani masalah-masalah keamanan, masalah-masalah yang menyentuh tentang perkara-perkara yang boleh memungkinkan kemudaratan negara dan rakyat. Mereka korbakan darah dan nyawa, darah dan nyawa anggota polis yang berjasa ini Tuan Yang di-Pertua, bukan seorang bukan dua orang bukan 10 bukan 20, bukan 100 bukan 200 malahan jumlahnya ribuan selama ini. Kita semua tidak ada yang terkecuali, tidak ada terkecuali Tuan Yang di-Pertua, kita semua terhutang budi dengan polis sepanjang 200 tahun perkhidmatannya, mereka telah memberikan yang terbaik, cemerlang dan gemilang, ini rekod dan itu sebabnya polis kita menjadi empat terbaik di dunia.

Walau dengan penuh macam-macam cacian, makian dan saya tidak menafikan ada kelemahan satu dua anggotanya, tetapi polis kita telah keluar menyandang gelaran empat yang terbaik di dunia. Cuma Tuan Yang di-Pertua, setelah berlaku perkara ketuk ketampi, ini Seputehlah ini, telah berlaku gambar perempuan bogel dalam telefon bimbit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh, *[Ketawa]* oh! Seputeh, "geger" Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua faham "geger"? "Geger" gegar, gegar negara ini Tuan Yang di-Pertua, gempar negara ini dan kita dengarlah tuduhan menghina, mencaci kepada pihak polis dilabelkan seluruh polis walhal mungkin kecacatan oleh satu dua orang, tetapi jasa yang besar ini telah cuba dinafikan dan ini satu perbuatan yang sangat tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, kerana insiden itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang peka tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen tidak kira sama ada kerajaan ataupun pembangkang, dan oleh sebab negara gempar dengan perkara ini untuk menjelaskan supaya berlaku adil kepada semua pihak, kerajaan terpaksa menubuhkan suruhanjaya penambahbaikan polis. Suruhanjaya ini telah melakukan kerja-kerja mereka dengan sangat baik. Mereka telah membuat kerja dengan baik, cadangan yang baik, mereka membuat 125 cadangan yang mana mengikut jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 80 perkara telah pun dapat disempurnakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, Bukit Mertajam.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Nanti dahulu, nanti dahulu saya habiskan perenggan ini supaya Bukit Mertajam masuk kena pada tempatnya dan selepas itu saya menjawab, menggulung beliau dengan sebaiknya. 80 telah pun diterima, dilaksanakan dan diterima oleh pihak polis dan masyarakat cuma di antara 125 cadangan itu ada satu cadangan iaitu IPCMC. Laporan suruhanjaya bebas, aduan salah laku polis telah menjadi pertikaian banyak pihak termasuk pasukan polis sendiri dan pihak-pihak yang tertentu dengan alasan-alasan yang tertentu. Mengikut draf bil suruhanjaya ini berkuasa penuh di atas perjalanan dan tugas PDRM, dan ini membuatkan anggota dan pasukan polis tidak lagi dilindungi oleh Akta Kerahsiaan Tugas dan undang-undang yang melindungi mereka ketika bertugas.

Suruhanjaya ini telah membuatkan dirinya berkuasa penuh yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan keamanan negara dan menafikan kebolehan polis untuk melindungi rakyat, dan anggota polis sendiri yang sekarang ini imej polis telah dirosakkan dan moral serta semangat mereka telah luntur.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bang!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Nampaknya Sri Gading berjuang untuk anggota polis. Berjuang untuk anggota polis tidak salah, tetapi kita mesti berjuanglah untuk anggota polis yang bersih yang cekap dan bukan mereka yang corrupt, jadi saya harap Sri Gading dapat mengasingkan yang kata tidak sokong dengan anggota polis yang corrupt, yang memburukkan nama kerajaan yang ini satu.

Yang kedua, saya rasa Sri Gading, dia terkeliru kerana ada dua suruhanjaya. Yang pertama itu telah diadakan sebelum kes ketuk ketampi ini berlaku, yang itu ICPMC pun telah dicadangkan sebelum ini berlaku.

Sebelum ini berlaku diadakan satu lagi suruhanjaya yang kedua dan suruhanjaya yang kedua itu sekali lagi mencadangkan kepada kerajaan, ICPMC mesti diadakan supaya kes seperti ini tidak berlaku lagi. Jadi saya rasa Yang Berhormat Sri Gading boleh saya tanya, adakah Sri Gading telah baca kedua-dua laporan ini? Saya rasa tidak.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua orang membaca Tuan Yang di-Pertua, semua orang membaca dan mengikut kefahaman saya, saya setuju dengan Bukit Mertajam dan semua orang setuju, polis sendiri pun setuju, ketua-ketua polis pun setuju yang tidak baik kita hukum. Semua orang setuju bukan soalnya kita hendak melindungi yang tidak baik, tidak ada, tidak ada dalam kamus kita hendak melindungi yang tidak baik, yang tidak baik boleh kita hukum.

Tuan Yang di-Pertua, itu sebabnya SPP Tuan Yang di-Pertua telah menghukum 3,566 kes polis. Dari setinggi-tinggi pangkat, sampai ke bawah telah diambil tindakan dan antara yang kena ambil tindakan ialah bekas Ketua Polis Negara, sama-sama kita tahu ceritanya kerana kes yang tertentulah, kita fahamlah, usah sebut namalah Tuan Yang di-Pertua pun diambil tindakan. Maknanya tidak ada sesiapa melindungi orang-orang yang tidak baik. Tapi Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya IPCMC ini, moral polis sudah jatuh, soalnya sudah tidak ada semangat lagi Tuan Yang di-Pertua, kalau polis tidak ada semangat, keamanan kita ini takut terjejas, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Semuanya baik, sebab itu saya cadangkan supaya IPCMC ini ditolak oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang sepatutnya kita lihat ialah kebajikan polis, kebajikan polis Tuan Yang di-Pertua, ada polis pangkat rendah, dia mati terkorban nyawa, tinggal janda dengan anak-anak. Elaun bulanan dia, pencen terbitan RM250, serta merta seorang janda daripada yang berkorban nyawa untuk negara, tiba-tiba jadi miskin tegar Tuan Yang di-Pertua. Kenapa masalah ini tidak kita bincangkan? Kita tak bincangkan bagaimana polis di bandar-bandar besar, pendapatan yang terhad, kenapa kita tidak bincangkan bagi polis kita gaji prebet, kita mulakan dengan RM2,000. Kenapa kita tidak bincangkan balai-balai polis yang begitu daif, kerusi meja zaman perang tahun 20-an, *type writer*, sekali ketuk, sekali melenting, sekali ketuk, sekali melenting. Kenapa kita tidak mempertikaikan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat bersabar sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kita cuba,

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini sabarlah, you sudah tadi, Gerik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Gerik, sila.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Terima kasih Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain duduklah, yang lain.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Apa-apa yang dihujahkan oleh Sri Gading itu mengingatkan saya kepada dua pepatah Melayu. Saya harap semuanya memahami, satunya ialah "sebab nila setitik, rosak susu sebelanga". Ataupun yang keduanya, "seekor kerbau membawa lumpur, habis semua terpalit". Jadi bersetuju kah Sri Gading dengan saya bahawa kita pinda sedikit pepatah itu di mana ada nila setitik kita nampak dalam belanga, kita cedok nila setitik itu kita buang dan seluruh susu dalam belanga itu boleh kita gunakan.

Yang keduanya nampak seekor kerbau membawa lumpur itu, kita pisahkan kerbau yang ada lumpur itu supaya tidak terpalit akan lumpur itu ke kerbau-kerbau yang lain yang semuanya baik. Apa pandangan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Falsafah Gerik saya terima sebulat suaralah, seratus peratus.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Nak sambung sikit falsafah boleh tak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Falsafah apa lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kena kerbau seekor, rosak apa? Bawa lumpur, jadi kes ini *start* daripada Seputeh, adakah kerana Seputeh seekor, seorang, dia rosak habis, kacau habis kes IPCMC ini. [Ketawa]

Ini peribahasa bukan tuduhan, Bukit Mertajam jangan dok 'jegir' kat saya, ini peribahasa yang telah kita cuba sesuaikan dengan bahasa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dia memang ada setengah-setengah orang dengan agenda-agenda tertentu. Itu sebab kadang-kadang perkara kecil-kecil macam itu, diperbesar-besarkan, ada agenda. Tapi yang penting kepada kita bagaimana jasa polis selama ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ledang bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya Ledang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kekanda Yang Berhormat Sri Gading. Tadi Yang Berhormat Sri Gading menyebut tentang polis berkorban tenaga, jiwa, raga termasuk harta dan nyawa, tambah sikit Yang Berhormat Sri Gading, termasuk duit. Rakan-rakan saya yang daripada polis, mereka memberitahu saya mereka belanja duit untuk *renovation office*, tanam bunga. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, mereka terpaksa gunakan duit sendiri untuk beli minyak kerana peruntukan habis. Maknanya tadi Yang Berhormat Sri Gading menyebut tentang

kebajikan polis sehinggakan kebajikan mereka terabai kerana duit mereka digunakan untuk perkhidmatan mereka. Tetapi perkhidmatan yang mereka tunjukkan amat cemerlang, keempat dalam dunia. Apa pendapat, pandangan Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu sebahagian daripada pengorbanan mereka. Macam kes jahit pakaian dia, polis kena keluar duit sendiri, soal kontrak sepatu tidak pernah siap, soal kain baju yang perlu dipakai oleh polis-polis perempuan pun tidak boleh siap, pengorbanan ini dibuat. Saya ingin hendak terangkan polis dia berjaga siang malam, tengah hari buta, tengah simpang untuk keselesaan kita lalu lintas. Waktu bulan puasa, saya nampak sendiri, polis berbuka puasa dengan air dalam plastik, dia pergi ke tepi sikit, sedut air untuk membatalkan puasa. Ini pengorbanan polis, kita sedap-sedap berbuka dengan anak bini di rumah, dia terpaksa tercacak di tengah simpang, pergi ke tepi sekejap membatalkan puasa, betapa Tuan Yang di-Pertua.

Kenapa kita tak persoalkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan ini? Kenapa? Salah sikit kita dedahkan seolah-olah polis tidak berjasa, jangan sekali-kali Tuan Yang di-Pertua. Satu pasukan yang taat dan setia, suruh ke mana pergi, tiga tahun pergi, pindah tiga tahun, empat tahun pindah, anak-anak bertempir, pindah sekolah, anak-anak mereka, mereka kalau dapat untuk diselia buku mereka kerana masa mereka bertugas secara begitu, anak-anak terabai. Betapa pengorbanan ada anggota polis. ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua saya minta maaf, saya minta maaf, saya ceritakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, dia tak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...dia punya tugas kerana rahsia, isteri dia tanya abang kerja apa? Dia tidak boleh kerana kerahsiaan, dia kena diam, bini dia tanya abang kerja apa? Dia tidak boleh sebut, akhirnya bini dia kecewa, akhirnya rumah tangga polis ini berkecai, bercerai kerana dia tidak dapat hendak mendedahkan rahsia kerahsiaan polis dia, betapa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tak hebat Polis Diraja Tuan Yang di-Pertua,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Nak beri ke tak nak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ..... Musa Ahmad daripada negeri China kita bawa balik, Kerajaan China pun tak tahu, betapa hebat. Seputeh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Sri Gading tentang sumbangan polis dan pengorbanan polis kepada negara dan juga masyarakat ini adalah tidak dapat dinafikan dan saya sendiri tidak pernah menafikan sumbangan dan juga pengorbanan polis. Tetapi seperti apa yang dikatakan oleh Sri Gading dan juga Bukit Mertajam tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat nak minta maaf dengan polis ke?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat nak minta maaf ke?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta apa, apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak apalah, teruskan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...apa yang kita tunjukkan adalah segelintir yang bersalah dan apakah langkah dan juga apakah mekanisme yang kita ada untuk menyemak atau mengikat segelintir polis yang buat salah. Ini adalah *point* saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sikit lagi, sikit lagi. Yang Berhormat Sri Gading sebenarnya saya rasa kita tidak ada apa-apa percanggahan, hanya saya hendak bagi satu contoh sekiranya wakil rakyat seperti Ahli Parlimen membuat salah, dan melakukan jenayah, polis datang boleh tangkap kita. Ini kita setuju kerana melanggar undang-undang. Jadi sama dengan bagi pegawai polis, segelintir itu yang melakukan kesalahan. Jadi sebagai wakil rakyat ini memang tanggungjawab kita semua untuk membongkar perkara yang buruk itu. Ini adalah tanggungjawab sebagai wakil rakyat kerana kita nak mempertahankan mereka yang lemah...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Okey, saya faham.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ....dan juga yang dijadikan mangsa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, hanya kerana saya membangkitkan hal dengan ketuk ketampi dalam klip MMS itu...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Seputeh, saya faham, saya faham.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** .....sekarang polis sedang mengubah suai *body search* dalam lokap dan ini adalah baik untuk semua orang dan juga mempertahankan hak asasi manusia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Itu adalah sumbangan kita sebagai wakil rakyat yang harus diiktiraf oleh Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yalah, dengar-dengar. You dengar Seputeh, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Memang ada orang yang tidak ada kena mengena, tidak ada apa-apa berlaku pada diri dia, dia anggap polis ini gitu, gini-gini. Tapi apabila dia menjadi mangsa kepada kekejaman, kezaliman penjenayah, peragut, perompak, pencuri, dia yang suruh polis lekas tangkap, seksa mereka, anak aku mati, suami aku mati, tengok ada dua gambaran kepada polis. Ada orang yang menjadi mangsa, dia mahu polis bertindak tegas, bertindak garang dan polis memang patut bertindak garang, tegas kerana yang dihadapinya penjenayah. Apakah Seputeh mahu polis jumpa dengan penjenayah, "apa khabar awak?", Boleh? Dia pisau, pistol, senapang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya tengok demonstrasi, Rakan COP. Saya tengok macam mana polis menyelamatkan satu kes rompakan bank, pakai pisau, tapi kecekapan polis, alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua, ini betul, ada yang segelintir tidak betul itu, saya pun marah. Siapa pun marah, kalau Seputeh, Bukit Mertajam pun nak marah, tidak apalah, itu yang jahat. Tapi yang baik, tapi pihak pembangkang, dia pukul rata macam kata Gerik tadi, "sebab setitik nila, kita buang susu sebelanga", "sebab seekor kerbau, kita terpalit semua", ini tidak adillah. Sebab itu IPCMC ini tolak, kerana polis pihak Seputeh, polis sudah ada Tuan Yang di-Pertua. Dia ada SPP.

Polis ada, BPR, Suhakam, Jabatan Peguam Negara, Biro Pengaduan Awam ini semua boleh menyelia dan juga boleh membuat tindakan kepada polis yang salah laku, apa hendak lagi? Apa perlu lagi? SPP ini Tuan Yang di-Pertua, yang jadi pengerusinya ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak percaya kita kepada Perdana Menteri? Itu sebab saya katakan tadi dari tahun 2001 sampai 2006, 3,566 kes telah dirujuk kepada

Jawatankuasa SPP ini dan tindakan telah pun diambil. Tidak percaya lagi kita? Tuan Yang di-Pertua, saya pindah, saya takut saya tidak cukup masa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Seputeh duduk, tidak apa, tidak mahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi jalan, Seputeh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Biarlah pasal kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya sampai pukul 2.30 pagi esok.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh tidak payah, Seputeh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak payah, tidak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak payah. Sri Gading teruskan, teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *Agencies* itu, hah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak payahlah, Seputeh. Saya pun faham, you tidak suka polis apa hendak cakap. You apa macam pun.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sri Gading tidak.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh, sila duduk Seputeh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berubah Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya cadangkan supaya kita tolak IPCMC itu sahaja. Tidak ada tarik baliklah, apa benda Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, saya ada empat, lima perkara ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Okay, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sabarlah. You nanti ada ruang hendak bercakap, you cakaplah. You puntallah you punya kepala kita bukan larang you hendak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ingatkan kerajaan, saya hendak ingatkan kerajaan dalam pembinaan jambatan di Johor Bahru menyambung Singapura, saya tidak rela dan saya mewakili rakyat Johor dan mungkin mewakili seluruh rakyat Malaysia, kita bina sahaja jambatan bengkok tanpa kita gadaikan maruah negara dengan memberi ruang kepada Singapura dan memberi pasir kepada Singapura. *[Tepuk]* Saya tidak rela dan semua rakyat yang cinta kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya cerita panjang ini. Tahun 1996 Mahathir sebut hendak bina jambatan, panggil Singapura kita buat sama-sama, "Lee kita abang adik Lee, kita buat sama-sama ini jambatan." Lee Kuan Yu masa itu. Lee Kuan Yu tidak mahu sambut apa yang dilaung oleh Perdana Menteri kita. Terhenti cita-cita kita hendak membesarkan, hendak mengubah, hendak meminda, hendak membina Tambak Johor. Tidak hendak. Okay, lepas itu berunding lagi, berapa kali runding Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita berpendapat okaylah kalau Singapura tidak hendak kita buat jambatan bengkok itu yang kita panggil jambatan indah.

Singapura menolak dan mengugut kita macam-macam. Akhirnya kita kata kita mesti buat di atas tanah air kita tanpa mengganggu dia. Dan, Singapura rasa bahawa kita akan terus membina ini tiba-tiba Singapura kata, "Marilah kita bina jambatan lurus pula." Dahulu tidak pernah timbul soal pasir, dahulu tidak pernah timbul soal ruang udara, tiba-tiba hari ini Singapura sanggup membuat jambatan lurus dengan bersama tetapi dengan syarat Malaysia mesti beri pasir dan Malaysia mesti memberikan ruang udara kepada Singapura.

Saya hendak ingatkan kerajaan, hari Rabu ini mesyuarat, saya dengar ada Mesyuarat Kabinet hendak putuskan perkara ini. Tolong dengar suara rakyat bahawa bina jambatan walaupun bengkok dia menjadi jambatan yang indah mungkin menjadi tarikan kepada negara kita. Orang asing mungkin hendak datang Malaysia hendak tengok jambatan yang bengkok ini. Saya dengar khabar jambatan yang kedua dibuat bengkok dan ini tarikan kita bina di tanah air kita sendiri tanpa kita mengorbankan pasir dan juga ruang udara. Habis, Tuan Yang di-Pertua cerita itu. Cerita ketiga.....

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Oh! Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya khusyuk dengan jambatan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kekanda Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat tadi menyebut tentang Dr. Mahathir pernah menyebut bahawa jambatan ini akan dibina pada tahun 1996, maknanya hampir 10 tahun isu ini sudah tertunggak bukan dua tahun, 10 tahun Yang Berhormat bagi Sri Gading. Dalam erti kata yang lain, sepatutnya perkara ini sudah lama selesai tetapi oleh kerana mereka ada *barter trade*, mereka sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak keterlaluan menyebut bahawa mereka cuba mengugut kita dengan syarat-syarat lain supaya kita menerima syarat mereka dengan harapan jambatan terbina tetapi mereka dapat sesuatu. Mereka ugut kita dengan pasir, ruang udara dan sebagainya. Apa pendapat Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam ucapannya dalam perjumpaan dengan rakyat di Johor Bahru hari Jumaat yang lepas. Saya tertarik dengan ucapan beliau, beliau kata, "Marilah Singapura menjadi jiran yang terbaik, kita bina hidup bersama." Soalnya Singapura tidak pernah ikhlas kepada kita. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, dua minggu yang lepas dia pergi ke Selat Tebrau untuk melihat dan menyemak kerja-kerja teknikal di tengah-tengah Selat Tebrau, di kawasan kita bukan di kawasan perairan Singapura tetapi tiba-tiba Singapura menghantar tiga *Apache* helikopternya.

Timbalan Menteri bawa meriam, kah? Dia seorang jurutera yang tahu tentang masalah-masalah teknikal cuma hendak tengok perairan air di Selat Tebrau, Singapura tunjuk dia punya handal hantar tiga helikopter *Apache*. Apakah ini jiran yang baik? Lepas itu hantar kapal terbang yang tidak berpemandu. Jadi apa sebenarnya ini? Apa Singapura? Tetapi kita selama-lamanya mengalah, mengalah, mengalah, mengalah...

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kena gulung, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini Muar dahulu, Muar dahulu sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kena gulung, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Muar sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Muar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Belum gulung, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih. Dalam masa yang tidak banyak ini, yang pertama saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading kita tolak IPCMC. Tetapi yang kedua ini, saya pun setuju kita tolak rundingan ini sebab setiap saat akan merugikan kerajaan. Cuma kita dengar cerita kononnya Singapura memerlukan tanah pasir yang banyak untuk menambak kawasan mereka dan kita dengar pula atas sebab perdagangan adalah usaha-usaha di peringkat kita yang menimbangkan untuk membekalkan tanah ini sebagai rundingan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Pandangan saya yang pertama Tuan Yang di-Pertua, bekas Perdana Menteri kita pernah mengingatkan kita bahawa kakitangan kerajaan yang jadi juru perunding bagi pihak negara telah melakukan kesilapan dalam soal air dengan Singapura. Kita telah pun rugi berpuluh tahun kerana kesilapan pegawai. Saya hendak ingatkan pegawai yang jadi juru runding kepada wakil Malaysia-Singapura ini, harap pegawai-pegawai kerajaan yang mewakili Malaysia jangan termakan dengan umpan-umpan agaknya yang berbagai-bagai. Tidak mahu kita kesilapan pegawai-pegawai kerajaan yang jadi juru runding akan menyebabkan kita menangis sepanjang zaman.

Tadi Jasin kata, "Oh, saya tidak tidur malam pasal mengenangkan jambatan antara Johor dengan Singapura." Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau sebenarnya jadi soal ruang kita bagi, pasir kita bagi, kita akan tidak tidur sepanjang hayat. Jemput.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, hendak habiskan ucapan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jemput pun cengih bukan main. *[Ketawa]* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading, persoalannya hari ini persoalan maruah dan maruah tidak boleh dibeli dan tidak boleh dijual. Jadi, kita telah terlalu banyak beralah dari berbagai segi atas dasar negara Asia, atas dasar ASEAN. Macam-macam dasar kadang-kadang Menteri Luar kita dok bagi. Suruh dok sabar, sabar tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa biasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali. Jadi, kita kena buat baik berpada-pada. Kalau sampai maruah kita ini dan Singapura dahulu adalah di bawah genggamannya kita, sebahagian daripada Malaysia. Sekarang ini dia keluar, dia hendak ajar kita balik. Kalau kita bertolak ansur mungkin generasi kita akan kata, pemimpin kita ini, kita hari ini yang bertanggungjawab adalah pengecut, tidak berhadapan dengan Singapura, pulau yang sebegitu kecil.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sebab itulah sangkaan mereka bahawa kita pengecut dia hendak buat macam-macam. Saya hendak ingatkan pemimpin-pemimpin dalam kerajaan, siapa yang merelakan bagi ruang angkasa Johor kepada Singapura, siapa yang mahu bagi pasir Johor kepada Singapura jangan datang Johor buat selama-lamanya. Saya tidak rela kalau kepentingan Johor, maruah negara digadaikan kerana kepentingan wang ringgit, saya tidak rela. Jangan datang Johor!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, oklah saya patuh kepada Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin ini saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

**4.51 ptg.**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut serta membahas Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibentangkan oleh Ahli Parlimen Kuala Pilah dan disokong oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Terdapat 36 perkara yang telah disebut dalam Titah Ucapan Diraja tersebut. Pokok pangkal penyelesaian terhadap hampir kesemua perkara yang telah disentuh oleh dalam titah tersebut ialah berpaksikan penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan. Sehubungan dengan itu elemen-elemen yang terpenting yang telah disebut oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk memperkasakan lagi sistem penyampaian kerajaan ialah soal kewibawaan diri ataupun integriti di kalangan rakyat termasuklah kewibawaan para pegawai serta kepimpinan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, baginda bertitah dan saya patuh.

Oleh itu segala kelemahan dan kekurangan yang wujud dalam sistem penyampaian kerajaan hendaklah segera diperbaiki bagi memastikan ia senantiasa memenuhi kehendak rakyat. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, baginda bertitah. Rakyat perlu meningkatkan keutuhan dan kewibawaan diri atau integriti. Kita berhasrat mewujudkan rakyat Malaysia yang bersih dan amanah yang adil dan beretika, ramah mesra dan bersatu padu. Unsur-unsur ini adalah penting untuk meningkatkan jati diri, ketahanan dan perwatakan rakyat Malaysia agar membantu mencapai matlamat, mewujudkan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan di bawah pimpinan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Perdana Menteri, telah mengambil langkah-langkah positif ke arah mempertingkatkan keutuhan, kewibawaan diri dan integriti rakyat Malaysia.

Selain daripada memerangi gejala rasuah, langkah-langkah tersebut termasuklah menubuhkan pelan integriti nasional serta penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai integriti dan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai perpaduan dan khidmat negara. Pihak kerajaan mengakui bahawa walaupun adanya langkah-langkah berterusan untuk menambah baik sistem penyampaian kerajaan, pelbagai kelemahan dan kekurangan masih wujud. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam hal pengurusan dan penyampaian khidmat penganugerahan kewarganegaraan serta kehadiran orang-orang asing di negara kita. Perkara ini telah dibahas di Dewan yang mulia ini sudah sekian lama sejak daripada tahun 80-an lagi hingga sampai sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu laporan media yang dipetik daripada Utusan *online* seperti berikut dan petikan ini dengan sendirinya akan beri gambaran tentang kelemahan dan kekurangan dalam sistem penyampaian kerajaan khususnya dalam pentadbiran Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara.

Kuala Lumpur 15 Januari, Jabatan Pendaftaran Negara hari ini mengesahkan kad pengenalan ahli perniagaan Pakistan Salman Majid telah dibatalkan pada tahun 2001. Ketua Pengarah JPN Dato' Mohd Abdul Halim Muhammad dalam pernyataan ringkas yang dihantar pada semua media utama di sini berkata kad pengenalan itu dibatalkan kerana Salman didapati mengemukakan maklumat palsu untuk memperolehnya. Ini didapati setelah 20 tahun Salman memiliki kad pengenalan tersebut. JPN telah membatalkan kad pengenalan beliau pada 2001 kerana pengeluaran kad pengenalannya tidak teratur katanya tanpa memberi ulasan lanjut. Bagaimanapun, beliau mengalu-alukan sebarang maklumat mengenai kes sedemikian dilaporkan kepada jabatan tersebut untuk diambil tindakan sewajarnya. Pengimport permaidani dan ejen tenaga buruh asing itu melalui akhbar News Sunday Times semalam mendakwa dirinya sebagai rakyat Malaysia dan memegang serta memiliki pasport dan kad pengenalan Malaysia. Salman ditahan pada 12 Mac tahun lalu di Lapangan Terbang Antarabangsa KL ketika hendak menaiki kapal terbang ke Pakistan. Pasport dan kad pengenalannya dirampas kerana disyaki palsu.

Beliau yang mendakwa telah tinggal di negara ini selama 20 tahun cuba memberi penjelasan namun gagal lalu disumbatkan ke pusat tahanan imigresen di Sepang tempat di mana beliau dilawati oleh seorang anak Pegawai Tinggi Kementerian dalam Negeri. Akhbar itu melaporkan Salman mendakwa pelawat tersebut yang dikenalnya mengugut untuk menghantarnya balik ke negara asal jika beliau tidak menarik balik laporan polis mengenai satu kes pecah amanah. Masalah yang dihadapinya dikatakan bermula Februari

tahun lalu apabila beliau mendapati wang sebanyak RM370 ribu secara salah daripada akaunnya dan beliau telah berjumpa dengan dua suspek termasuk seorang rakan niaga.

Namun Salman dilaporkan mendakwa telah diberikan amaran oleh kedua-dua suspek untuk tidak mengambil tindakan atau beliau akan dihantar pulang ke negara asalnya. Salman dilaporkan tidak menghiraukan amaran tersebut lalu membuat laporan polis dan tindakan itu menyebabkan ditahan di Pusat Tahanan Imigresen selama 199 hari. Beliau telah memfailkan Permohonan *habeas corpus* untuk membebaskan dan diikat jamin. Sejurus dibebaskan beliau membuat laporan polis terhadap anak pegawai tersebut, namun sehingga kini masih belum diberitahu perkembangan mengenai siasatan laporan tersebut. Terkandung dalam *affidavit habeas corpus* Salman mempersoalkan mengapa beliau ditahan selepas 199 hari dan dilayan sebagai pesalah imigresen sedangkan mempunyai pasport dan kad pengenalan Malaysia. Mengapa anak pegawai tersebut dibenarkan memasuki Pusat Tahanan Imigresen dan membuat ugutan terhadapnya dan mengapa pasport dan kad pengenalannya masih ditahan oleh Jabatan Imigresen biar pun selepas berbulan dibebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, laporan media ini dengan sendirinya memberi gambaran tentang keutuhan serta kewibawaan diri sistem penyampaian kerajaan yang melibatkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta dua jabatan di bawah kawal selianya iaitu Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara. Oleh itu pihak kerajaan bertanggungjawab memberi penjelasan pada Dewan yang mulia ini bagaimana perkara seperti ini berlaku sedangkan sistem serta prosedur kerajaan di kedua-dua jabatan sudah sekalian lama diwujudkan. Menurut jawapan bertulis daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu pada 15 Mac 2006 yang lalu yang ingin tahu apakah yang telah dan akan diambil untuk menjamin MyKad atau kad pengenalan baru adalah hanya dikeluarkan kepada mereka Yang Berhormat benar-benar mengikut perlembagaan dan undang-undang negara dan jawapan daripada kementerian adalah seperti berikut:

- (i) menetapkan prosedur atau garis panduan menurut prosedur kerja yang perlu dipatuhi oleh semua kakitangan jabatan ini semasa memproses permohonan kad pengenalan daripada orang ramai;
- (ii) memiliki pangkalan data rekod penduduk negara yang sah yang mengandungi semua maklumat orang ramai yang berdaftar dalam jabatan ini;
- (iii) mewajibkan semua kakitangan jabatan pendaftaran negara yang menerima permohonan menyemak ketulenan dan kesahihan dokumen-dokumen tersebut adalah kad pengenalan itu sendiri, sijil lahir, sijil anak angkat, sijil warga negara, sijil pengesahan taraf warga negara, borang W, permit masuk dan lain-lain dokumen berkenaan; dan
- (iv) semua permohonan kad pengenalan diterima secara *online* di seluruh negara dan semakan dibuat ke atas rekod kad pengenalan asal seperti imej dan cap jari secara biometrik bagi pengesahannya.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kes-kes di mana sistem biometrik tidak dapat membaca cap jari permohonan yang dihalusi secara minor berasaskan juga fizikal sebelum diluluskan. Tuan Yang di-Pertua, berasaskan pada jawapan, yang saya sebutkan tadi sepatutnya hanya yang layak sahaja dikeluarkan kad pengenalan. Jika sekiranya peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendaftaran telah diikuti sepenuhnya. Tetapi bagaimana pula yang berlaku pada Salman Majid tadi. Apakah peraturan telah diikuti? Selain itu Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 (2) (A-B) Akta Pendaftaran Negara menggariskan 22 peruntukan yang mana menteri boleh membuat peraturan dan hal pendaftaran dan perolehan kewarganegaraan. Ini bererti bahawa kuasa menteri itu begitu luas dalam soal pendaftaran. Kuasa-kuasa tersebut memberi ruang yang amat luas kepada menteri menggunakan kuasa. Kalau menteri berkewibawaan diri, dan berintegriti maka selamatlah

kedaulatan negara ini. Dalam hal ehwal kewarganegaraan, kalau menteri itu cuai dan mempunyai perkiraan lain dan bertindak di luar peraturan, maka bercelarulah sistem kewarganegaraan kita seperti mana apa yang berlaku di negeri Sabah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membaca satu petikan daripada buku *Harris Salleh of Sabah* yang dikarang oleh *Paul Raffaele* yang melaporkan *interview* beliau bersama dengan matan Ketua Menteri Sabah selepas Kerajaan Berjaya dijatuhkan. Buku saya baca dalam muka surat 425, *“Instead the Federal Government will watch very closely to see what the PBS government does in safeguarding the rights of the Malays. If they say the PBS misbehave, they have a number of options, for instance, the Federal Government can register any of the refugees in three hours, three days, three months or three years. There is no law stating the time and if the Federal Government wanted to alter forever the voting patterns of Sabah, it can do it as easily as signing the papers”*.

Pernyataan seperti ini dalam buku ini, laporan polis telah dibuat untuk melihat kesahihan dan bagaimana kenyataan ini telah dibuat tetapi laporan demi laporan polis yang telah dibuat tidak ada apa-apa tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil lagi satu petikan, penulisan daripada Dr. Kamal Sidiq yang bertajuk *When State Prefers non Citizens over Citizens: Conflict Over Illegal Immigration Into Malaysia*, yang diterbitkan dalam jurnal *International Studies Quarterly 2005*, dalam muka surat 101 hingga 112. Ini saya punya salinan, kita *download* daripada *internet*. Beliau berkata, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, saya petik, *“I use my research on Filipino immigration to Sabah, Malaysia, to show how Malaysia utilizes, census, practices and documentation to incorporate an illegal immigrant population from the Philippines. Legal immigrants play an electoral role in Sabah because of the loosely institutionalized nature of citizenship, a feature common to many developing countries.”*

Tuan Yang di-Pertua, manakala Dr. Sawaludin Hasan dan Dr. Ramli Dolah daripada UMS pula dalam kertas kerja seminar mereka yang dipetik oleh matan Senator Dr. Chong Eng Leong dalam kesaksiannya dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara yang diadakan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 9 hingga 10 Jun 2005 berkata, dengan izin, saya petik, *“We are of the opinion that possession of original ICs, the forged documents among the immigrants indirectly resulted in the group gaining control of the economic affairs, education, politics, job opportunities and most importantly the rights of the Bumiputera.”*

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seorang Pesuruhjaya Suhakam, Prof. Datuk Hamdan Adnan, membangkitkan bagaimana penduduk Sabah telah meletup dengan hanya 334,191 orang pada tahun 1951, dan 454,561 pada tahun 1960 telah melonjak kepada 929,299 orang pada tahun 1980, dan 1,754,685 orang pada tahun 1990, dan hampir 3 juta pada tahun 2000.

Kenyataan Prof. Hamdan ini disokong oleh kenyataan Dr. Kamal Sidiq dalam kertas kerjanya apabila dia berkata, dengan izin, *“According to the Seventh Malaysia Plan (1995-2000), Sabah will have an estimated 3.3 million people while neighbouring state Sarawak trail with a lower 2.06 million. The question of where the extra 1.3 million people come from when the population rate of both Sabah and Sarawak should have paralleled one another has become pre-eminently important to the natives of Sabah. The obvious reference was to the rampant pervasiveness of illegal immigrants in the states.”*

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan penduduk yang luar biasa ini iaitu penduduk pada kadar lebih 5% berbanding dengan kadar peringkat nasional yang hanya 2.6%, membuktikan bahawa dakwaan Prof. Hamdan adalah benar. Untuk memperkukuhkan lagi hujah-hujah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik kesaksian matan Senator Dr. Chong Eng Leong semasa Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara yang diadakan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 9 dan 10 Jun 2005.

Beliau mendakwa bahawa kad pengenalan dan sekali gus kewarganegaraan dimiliki oleh ribuan penduduk asing di Sabah telah diberikan dengan penglibatan dan kelulusan daripada pihak berkuasa tertinggi negara ini. Beliau memetik kenyataan bersumpah bekas Ketua Daerah Sandakan, OKK Hasnan Ibrahim sebagai buktinya dan

saya, dengan izin, memetik kenyataan Dr. Chong Eng Leong secara verbatim dalam bahasa Inggeris seperti berikut, dengan izin, *"I am fully aware that this is serious statement. I therefore would like to relate in this public hearing to the testimony given under oath by a witness in 1999 Likas Election Petition. He revealed that 400 thousand blue ICs were given to Filipino and Indonesian nationals and so on. This witness, a former ketua daerah in Sandakan in 1985 and a former ISA detainee in 1988 for his involvement in the issuance of ICs to foreigners.*

*"Saya terima borang-borang berisi gambar dan cap jari. Saya bawa ke Kuala Lumpur." He named names who were involved in the mechanics of issuing ICs for the foreigners including Tan Sri Ahmad Sarji, former Ketua Setiausaha Negara and also the late Haji Abdullah Sani, Sabah Director of NRD [then], and Dato' Haji Ibrahim Jusoh, Sabah*

*Director of Immigration [then] and three police for Bukit Aman, Ketua Pengarah Imigresen Malaysia and Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara.*

*Tan Sri Ahmad Sarji objected to the idea of issuing Malaysian ICs to the foreigners and this was replied by Datuk Megat Junid who chaired the meeting saying that this project IC was approved by the Prime Minister. Therefore I have every reason to believe that most - if not all the genuine ICs in the hands of foreigners - were issued through fraudulent means like through falsified statutory declarations which is the only supporting document needed to apply for an IC.*

*This practice was valid until April 1987 but many applications after this date were backdated. Once you get the blue ICs then you can get it changed to KPT (around 1992 to 1995) and then now MyKad. Of course after a countercheck with the NRD database in Shah Alam, these IC numbers and corresponding names were in the database because in the first place they were issued based on the falsified statutory declaration forms as stated above. When asked if such ICs can be withdrawn, Home Affairs Ministry Secretary-General, Datuk Aseh Che Mat said that government had thought about it but it also had to take into consideration public interest. But at the same time we do not want to know how foreigners obtain genuine Malaysia ICs in the past."*

Barangkali, Tuan Yang di-Pertua, Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan mengambil sikap tersebut sebab menurut Dr. Kamarul Nizam Abdullah dari UKM dalam kertas kerjanya bertajuk, *"The Problem of Immigrants in Sabah"*, *International Historian Association Conference* pada Ogos 2000 berkata dan saya petik dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *"The involvement of local people in helping the immigrants to secure forged documents so that they could stay and work legally in Sabah and the involvement of some powerful local politicians has made the issue more complicated and problematic to tackle."*

Barangkali kepentingan *politicians* inilah yang dikatakan Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai *public interest* yang perlu dipertimbangkan sebelum kad-kad pengenalan itu ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian oleh sebab beliau sudah menarik balik salah satu daripada kad pengenalan serupa itu, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kad pengenalan Salman Majid itu adalah dikeluarkan di negeri Sabah. Maka saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya kesemua 400 ribu kad pengenalan yang telah disebut oleh OKK Hassan Ibrahim itu yang telah diberikan kepada rakyat Republik Indonesia di atas arahan kuasa kerajaan pada ketika itu dan hendaklah ditarik balik dengan serta-merta. Selagi kad pengenalan itu tidak ditarik balik, maka selagi itulah kewibawaan diri serta integriti sistem penyampaian kerajaan terus terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini negeri Sabah persoalan telah timbul tentang apakah sebenarnya kewarganegaraan penduduk setingan Seri Tanjong yang akan terlibat dalam pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, dan diperkatakan bahawa mereka ini adalah *local*. Walaupun kita tahu bahawa mereka ini adalah pendatang asing, dengan loghat mereka, semua kita kenal tetapi mereka punya MyKad. Tetapi barangkali MyKad ini, Tuan Yang di-Pertua, telah diberikan seperti mana yang telah dilibatkan oleh bekas OKK Sandakan, Hassan Ibrahim tersebut.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta di Dewan yang mulia ini supaya pihak kerajaan menarik balik sahaja. Biarlah apa pun. Walaupun barangkali ada kegiatan jenayah yang terlibat semasa pemberian kad-kad pengenalan tersebut tetapi tidak apa, kita boleh ampunkan mereka. Yang penting, tarik balik kad pengenalan tersebut dan biarlah pemberian kad pengenalan itu diberi mengikut lunas-lunas undang-undang sebab kita ini berpegang kepada prinsip-prinsip Perlembagaan dan juga Rukun Negara yang mengatakan bahawa keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan-persoalan tentang pendatang asing yang telah diberikan kewarganegaraan oleh para pengkhianat negara seperti mana yang saya petik tadi, sebenarnya telah berkali-kali disebut di dalam Dewan yang mulia ini, sejak Menteri Hal Ehwal Dalam Negerinya ialah Dato' Musa Hitam, dan saya telah mengambil *Hansard-hansardnya*, seperti dalam *Hansard* dan begitu tebal, ya? Ada di sini Tuan Yang di-Pertua, *Hansard* yang telah menyatakan perkara-perkara ini. Dan sejak Dato' Ong Ka Ting menjadi Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sehinggalah Persidangan Parlimen yang lepas. Namun demikian, benarlah kenyataan Presiden Persatuan Pengguna Sabah - kes Dato' Patrick Sindu.

Apabila beliau menyatakan dalam kenyataan pada 6 Februari 2006, yang dikeluarkan oleh akhbar-akhbar tempatan negeri Sabah. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua tidak pernah, sikit sahaja diberi liputan dalam akhbar-akhbar nasional, hanya di negeri Sabah.

Dato' Patrick berkata, "*It is useless for Sabah MP's to repeatedly bring up the subject when the Federal Government does not seem to be listening. He said, the Federal Government seem need not interested nor sensing agency to help Sabah solve the problem*".

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, Dato' Professor Hamdan Adnan, salah seorang daripada SUHAKAM, telah melancarkan satu kempen tanda tangan ke seluruh negeri Sabah yang akan dikutip dan akan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong meminta penglibatan Yang di-Pertuan Agong untuk menyelesaikan masalah di negeri Sabah, sebab menurut Professor Hamdan, "*there is a real danger of reverse takeover*".

Maknanya, orang-orang yang boleh diberi kerakyatan ini, kewarganegaraan ini, yang kita persoalkan dia punya kesetiaan kepada raja dan negara. Kesetiaan kepada negara kita Malaysia. Akhirnya, akan "*reverse takeover*". Kita masih ingat, seperti mana yang kita selalu sebut, bahawa Kerajaan Filipina masih lagi menuntut. Orang-orang di Filipina masih lagi menuntut negeri Sabah sebagai negeri mereka. Oleh kerana itu, beliau mengumumkan kempen tanda tangan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kempen tanda tangan itu dilancarkan pada 16 Mac di Kota Kinabalu, oleh Professor Hamdan seperti yang disebut tadi. Selaku salah satu daripada Ahli Parlimen yang telah membawa perkara ini secara konsisten di Dewan yang mulia ini, kadang-kadang ia tidak dibenarkan. Baru-baru ini, dalam persidangan ini, saya telah bertanya satu soalan, saya menghantar soalan meminta kementerian yang berkenaan untuk memberikan fakta-fakta tentang pengeluaran IMM13 dan soalan itu ditolak. Soalan itu ditolak di atas Peraturan Mesyuarat 23 Fasal 1(1)(c) yang mengatakan ini satu tohmahan. Ini satu fitnah dan sebagainya.

Dan saya hairan, saya cuma ingin tahu dalam soalan itu, berapakah dokumen IMM13 telah dikeluarkan setiap tahun mulai pada tahun 1972 sampai tahun lepas? Tapi soalan ini ditolak. Saya tidak tahu mengapa ini begitu sensitif, sedangkan ini merupakan suatu perkara yang amat penting dari segi keselamatan negara.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua kita telah mendapat satu kesempatan mendengar taklimat daripada Tan Sri Ketua Polis Negara yang menyatakan bahawa negeri Sabah di antara empat *hot spot* dari segi keselamatan negara. Di mana Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Islamiah (JI) ini menggunakan Sabah, daripada Mindanao ke Indonesia, untuk menjalankan kegiatan keganasan mereka.

Jika sekiranya soal-soal pengurusan pentadbiran kewarganegaraan ini tidak ditangani dengan baik, maka kita amat khatir, kita takut. Dokumen-dokumen

kewarganegaraan ini boleh digunakan oleh pegganas untuk membuat ancaman di negara ini.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini, saya mohon sekali lagi dan mengatakan meminta, jika sekiranya kerajaan sudah menarik balik kad pengenalan Salman Majid, yang telah dikeluarkan di negeri Sabah melalui proses yang tidak mengikuti undang-undang, maka kesemua kad-kad pengenalan yang telah dikeluarkan sedemikian rupa, hendaklah ditarik balik. Orang-orang yang terlibat itu, kita boleh ampuni. Tidak perlu dia dikenakan tindakan oleh mana-mana mahkamah, tetapi kesemua kad pengenalan hendaklah ditarik balik.

Dan sehubungan dengan itu, orang-orang yang mempunyai MyKad atau pengenalan yang masih diragui lagi di negeri Sabah, termasuklah di Sri Tanjung, hendaklah dibuat siasatan. Saya mohon supaya ditubuhkan satu Siasatan Diraja, untuk mengenal pasti kesahihan kad-kad pengenalan dipegang oleh penduduk setinggan Sri Tanjung.

Kalau ketuk ketampi boleh ditubuhkan satu Suruhan Diraja, itu sahaja ketuk ketampi. Kenapakah pula, perkara yang melibatkan dua ribu penduduk, melibatkan sebuah projek besar-besaran kerajaan. Pembinaan sebuah lapangan terbang. Kita tidak boleh tubuhkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menentukan kesahihan apa sebenarnya dokumen yang dipegang itu? Apakah dia telah diberi menurut lunas undang-undang, peraturan ataupun telah dikeluarkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab? Dan dengan kata-kata yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sandakan.

**5.16 ptg.**

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk membahaskan Titah Ucapan Diraja. Di sini saya ingin mengemukakan beberapa isu untuk perhatian kerajaan.

Yang pertama saya ingin menambah sedikit tentang masalah pendatang tanpa izin, PTI di Sabah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuaran.

Salah satu isu yang masih menghantui rakyat Malaysia di Sabah ialah PTI asing dan kebanyakannya datang ke sini disebabkan kemakmuran ekonomi kita. Jumlah mereka terus bertambah hari demi hari, tahun demi tahun. Limpahan masuk PTI Sabah sudah semestinya dilihat sebagai soal keselamatan negara. Isu PTI di Sabah memang merupakan satu masalah lama belum dapat diatasi setakat ini. Sebaliknya, ia kelihatan telah merosot sehingga banyak masalah sosial, jenayah dan sebagainya sangat berleluasa di antara mereka. Keadaan ini dapat dirasakan secara *getting from bad to worse*.

Semua pihak di Sabah merasa kluatir kerana ini akan membawa kesan yang tidak diinginkan. Tapi pihak kerajaan selama berpuluh-puluh tahun ini pun tidak dapat suatu pendekatan yang efektif untuk mengatasi masalah ini. Semua Ahli Yang Berhormat dari Sabah, khususnya Yang Berhormat dari Tuaran telah banyak kali membangkitkan isu ini sejak mesyuarat Parlimen, penggal yang lalu, tetapi nampaknya kerajaan belum lagi mengambil tindakan drastik yang berkesan untuk menyelesaikannya dengan segera.

Pengerusi Persatuan Pengguna Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, telah membangkitkan cadangan untuk menjalankan kempen mengumpul tanda tangan untuk dikemukakan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya isu ini mendapat perhatian yang sesuai.

Beberapa orang pemimpin kerajaan telah memberikan pandangan yang berlainan dan bertentangan dengan cadangan itu. Ini telah menunjukkan bahawa pihak kerajaan masih belum ada satu dasar yang konkrit untuk mengatasi masalah PTI di Sabah ini. Oleh sebab mereka ini, khususnya yang tinggal di kawasan setinggan telah membawa banyak masalah seperti kecurian bekalan air dan elektrik, merugikan syarikat-syarikat air dan elektrik dengan seriusnya.

Mereka juga melibatkan diri dalam kes-kes jenayah dan membangkitkan masalah kesihatan disebabkan kekurangan kemudahan asas. Soal menggunakan dokumen palsu untuk mendapatkan MyKad dan kedudukan IMM13, juga isu yang seharusnya mendapat tindakan segera daripada kerajaan. Menurut SUHAKAM dan juga bekas Senator Dr. Chong Eng Leong, penduduk Sabah telah bertambah dengan agak luar biasa berbanding dengan Sarawak. Ada kepercayaan bahawa penambahan pada jumlah penduduk Sabah ini berhubung kait dengan sejumlah besar dokumen pengenalan palsu. Kes bersabit kesalahan kerana memiliki dokumen pengenalan palsu sudah berleluasa seperti yang terbukti melalui perbicaraan yang begitu kerap di mahkamah kita.

Kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Penampang bahawa ramai PTI memegang MyKad sedangkan isterinya seorang warga Thai yang dikahwininya selama 16 tahun terpaksa membarui visanya setiap tahun. Perkara ini adalah sangat serius memandangkan seorang wakil rakyat pun tidak dapat menyelesaikan masalah sendiri mengikut undang-undang negara. Bagaimanakah masalah rakyat dapat diselesaikan? Saya ingin menegaskan bahawa ini bukan kerana Yang Berhormat bagi Penampang tidak cerdik pandai tetapi itu adalah masalah pelaksanaan dasar-dasar ataupun undang-undang negara kita. Jadi kerajaan seharusnya mengambil usaha proaktif untuk membasmi kewujudan dokumen seperti itu demi menjaga kedaulatan negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Penampang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Sikit. Rakyat Malaysia di Sabah berdoa supaya masalah ini akan diselesaikan segera. Silakan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Penampang silakan.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik tentang ucapan beliau tadi tetapi tersebut nama saya lebih lagi tertarik. Jadi di sini saya ingin mengumumkan bahawa kerajaan sudah memberi status pemastautin tetap kepada isteri saya tetapi apa yang hendak saya katakan di dalam Parlimen ini adalah bukan untuk tujuan itu. Itu saya perlu menerangkan di sini dan saya mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada kerajaan walaupun mengambil masa hampir 10 tahun. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Seterusnya yang kedua saya ingin membangkitkan tentang industri pelancongan. Dengan adanya tempat-tempat pelancongan alam semula jadi yang menarik dan usaha Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Sabah, saya ingin menarik perhatian kerajaan supaya mempromosikan semua pusat pelancongan di seluruh Sabah. Misalnya ramai pengusaha pelancongan di Sandakan selalu mengadu bahawa hanya beberapa tempat seperti Kota Kinabalu di Sabah sahaja yang banyak dipromosikan di peta pelancongan dunia sehingga ramai yang tidak tahu adanya *eco-tourism*, flora dan fauna yang menarik di Sandakan.

Sebanyak 1.8 juta orang pelancong telah melawat Sabah pada tahun 2005 tetapi bilangan mereka yang datang ke Sandakan adalah tidak ramai khususnya mereka yang menginap di Sandakan semalam atau dua malam. Jadi ekonomi Sandakan langsung tidak dapat impak positif yang sewajarnya daripada pembangunan sektor pelancongan ini. Jadi ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, hendak suruh datang ke Sipitang juga Yang Berhormat?

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Okey, termasuk Sipitang. Jadi memandangkan adanya usaha-usaha yang dilakukan oleh badan-badan pelancongan dan juga pengusaha-pengusaha sendiri memperkenalkan makanan laut dan pusat peranginan alam semula jadi yang menarik, pihak kementerian mesti mempromosikan Sandakan sebagai salah sebuah destinasi pelancongan utama di Sabah.

Sehubungan dengan ini, aduan juga diterima bahawa aktiviti pertanian yang aktif dalam merosakkan keadaan hutan rimba semula jadi sehingga habitat seperti gajah, rusa

dan sebagainya menjadi kurang mengakibatkan mereka berhijrah ke tempat lain. Demikian juga pembukaan tanah yang terlalu dekat dengan sungai-sungai untuk tanaman seperti kelapa sawit telah membawa pencemaran air mengakibatkan ikan dan hidupan air yang unik untuk menarik pelancong pun semakin menghilang.

Saya ingin menyeru bahawa tawaran yang efektif harus dilaksanakan oleh kementerian berkenaan untuk memberhentikan aktiviti-aktiviti sedemikian daripada terus berlaku. Oleh sebab sistem dan keadaan jalan raya di antara bandar-bandar utama di Sabah yang tidak memuaskan, pengangkutan udara adalah pilihan utama rakyat tempatan dan juga pelancong. Dengan ini, kerajaan telah menaikkan taraf lapangan terbang Tawau dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kerja-kerja pembesaran lapangan terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sedang dijalankan. Untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan keseluruhan rangkaian udara di Sabah, Kementerian Pengangkutan mesti memohon peruntukan yang secukupnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi menaik tarafkan lapangan terbang Sandakan kerana lapangan terbang Sandakan ini telah disiapkan lebih daripada 20 tahun yang lalu tanpa kerja naik taraf utama dilaksanakan tetapi bilangan penumpang telah meningkat kepada lebih daripada 500 ribu orang setahun.

Penerbangan terus Sandakan-Kuala Lumpur telah meningkatkan bilangan penumpang di lapangan terbang Sandakan dan penerbangan terus Sandakan-Johor Bahru yang telah memulakan operasinya mulai Februari 2006 dan dijangka akan membawa penumpang yang lebih ramai. Saya difahamkan bahawa salah satu daripada dua buah *aerobridges* di lapangan terbang Sandakan telah rosak pada satu ketika dan telah menunggu berbulan-bulan untuk mendapatkan alat ganti. Ini menunjukkan betapa usangnya *aerobridge* ini kerana susah dapat alat ganti yang berkenaan. Jadi saya ingin meminta Kementerian Pengangkutan supaya menjalankan kerja menaik taraf lapangan terbang Sandakan dengan secepat mungkin atas sebab keperluan segera.

Yang ketiga, bekalan elektrik. Gangguan bekalan elektrik memang adalah suatu masalah serius yang lama wujud di Sabah. Walaupun adanya langkah-langkah diambil dan perancangan dibuat untuk mengatasi masalah ini, rancangan jangka masa yang panjang lebih konkrit untuk penyelesaiannya tidak kelihatan. Sambungan sistem gred dan penambahan penjana kuasa (IPP) di Kota Kinabalu mungkin merupakan langkah yang dapat memberi bekalan elektrik secukupnya dalam beberapa tahun yang akan datang sahaja. Saya ingin menyeru bahawa rancangan untuk pembinaan penjana kuasa 300 megawatt di Kota Kinabalu dan juga Pantai Timur Sabah seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi tahun lalu mesti dipercepatkan sebelum kapasiti yang sedia ada tidak dapat memenuhi kehendak tambahan akibat pertumbuhan ekonomi dan juga projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh pihak swasta dan kerajaan.

Selain menaik taraf kemudahan penjanaan kuasa kerja penyelenggaraan mesti dijalankan sepenuhnya mengikut jadual-jadual yang ditetapkan oleh kakitangan dengan pengalaman kerja yang mencukupi dan pemantauan yang rapi terhadap langkah-langkah membanteras kecurian elektrik mesti dilaksanakan setiap masa. Sekiranya aktiviti-aktiviti ini tidak dikawal dengan sempurna, ia akan merosakkan sistem penghantaran dan pembahagian elektrik. Saya juga ingin bertanya mengapakah aktiviti kecurian bekalan elektrik serius di kawasan Sandakan khususnya di kawasan perindustrian ringan *Sedco* dan juga tidak diambil tindakan mengikut undang-undang negara kita sehingga sambungan-sambungan kabel haram daripada kabel utama Sabah Electricity Sdn Bhd. kelihatan bertahun-tahun tanpa tindakan efektif diambil untuk mengatasinya. Kecurian bekalan elektrik ini telah membebankan operasi sistem penghantaran yang seterusnya mengakibatkan gangguan bekalan elektrik dan membawa kerugian serius kepada komuniti perniagaan dan juga pengguna rumah kediaman.

Saya sudah banyak kali mengemukakan isu ini kepada kementerian berkenaan dan ingin meminta supaya satu penyiasatan yang terperinci untuk menyelesaikannya dijalankan dengan segera.

Yang keempat, sistem pentadbiran pihak berkuasa tempatan perlu dipertingkatkan. Merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara Negeri Sabah tahun 2004 bagi penswastaaan pungutan sampah Majlis Perbandaran Sandakan, memang sistem

penyampaian dan pentadbiran tidak dijalankan secara sempurna. Oleh sebab prosedur dan syarat perjanjian yang tidak lengkap, kepentingan Majlis Perbandaran Sandakan tidak dilindungi sepenuhnya dan syor Ketua Audit Negara ialah pertimbangan semula harus dibuat sama ada meneruskan perjanjian ini atau tidak. Ini jelas menunjukkan bahawa sistem pentadbiran atau penyampaian pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Taiping pada tahun yang lalu memang ada asasnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada berapa minit lagi hendak habiskan?

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Tinggal lagi tiga muka surat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, okey, habiskan.

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Okey. Saya ingin mengemukakan bahawa projek pembinaan pasar baru bagi pusat bandar Sandakan yang menelan kos sejumlah RM20 juta secara *land swap* dilaporkan memang ada masalah. Ini adalah kerana bilangan gerai di pasar baru berkenaan tidak dapat memenuhi kehendak masa sekarang. Misalnya bilangan gerai ikan yang sedia ada ialah 198 buah sementara di pasar baru hanya terdapat 132 buah manakala gerai yang lain dikurangkan kepada 1,233 buah daripada bilangan asal yang lebih daripada 1,700 buah gerai. Tapak gerai pemborong ikan pun tidak disediakan dalam projek pasar baru ini.

Pada hakikatnya, apabila membina sebuah pasar baru moden semestinya ia dapat memenuhi kehendak dalam masa 20 atau 30 tahun yang akan datang. Memang sangat mustahil bagi Majlis Perbandaran Sandakan menyediakan sebuah pasar baru yang serba moden tetapi tidak dapat menempatkan semua gerai yang sedia ada. Walaupun pembinaan projek pasar baru ini belum disiapkan tetapi sesetengah gerai telah dipaksa berpindah ke tempat-tempat yang tidak sesuai untuk menjalankan perniagaan mereka. Misalnya, lebih kurang 30 gerai minuman ringan di terminal bas pusat bandar yang mempunyai kemudahan bekalan air dan bumbung telah dipaksa berpindah ke hadapan '*Milimewa Supermarket Center Point Mall Sandakan*' yang tiada kemudahan asas seperti di tempat asal. Ini telah mengakibatkan kebanyakan mereka berhenti menjalankan perniagaan gerai sejak 5hb Disember 2005 yang seterusnya kehilangan pendapatan mereka. Walaupun rayuan telah dibuat oleh gerai-gerai ini tetapi pihak Majlis Perbandaran Sandakan telah menolak permintaan tanpa mempertimbangkan kesesuaian tempat baru itu.

Ada di antara mereka telah membawa isu kepada Suhakam dan saya sendiri pun ada mengemukakan masalah ini kepada kementerian berkenaan di Sabah tetapi masih belum diberikan maklum balas sehingga kini. Ini memang tidak adil bagi mereka yang susah payah mencari sedikit keuntungan menyara hidup seisi keluarga.

Satu lagi kes ialah arahan berhenti kerja yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Tawau selepas keputusan mesyuarat Kabinet Negeri Sabah kepada 2 buah syarikat pembinaan telah dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi Tawau pada 24 Februari 2006 atas permohonan syarikat-syarikat berkenaan. Arahan berhenti kerja tersebut dikeluarkan kerana semua lapisan rakyat, masyarakat tempatan telah membantah perjanjian usaha sama untuk membangunkan salah satu daripada 5 bidang tanah *open space* bagi kegunaan komersial yang ditandatangani pada 16 Disember 1996.

Ini telah menunjukkan bahawa adanya kelemahan yang mengakibatkan masalah ini. Jadi saya ingin meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menjalankan siasatan terperinci terhadap isu-isu ini dan seterusnya mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasinya dengan segera.

Yang kelima tentang isu kenaikan harga minyak. Maklum balas yang saya dapat dari rakyat di Sandakan ialah, "inilah prestasi kerajaan BN". Jadi apa yang mereka sebut BN, BN ertinya Barisan Nasional tetapi dalam garis yang kedua BN ertinya 'barang naik'. Jadi mereka menyamakan Barisan Nasional dengan Barang Naik. Akibatnya ialah kerajaan senang tetapi rakyat susah. Tetapi apa yang ingin saya menyeru kepada kerajaan ialah harga minyak sudah naik tetapi ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Sandakan, Batu Sapi bangun.

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Okey, silakan.

**Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tanya, barang apa yang naik tu?

**Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu saya mahu minta Ahli Parlimen Bebas ini dia akan sokong BN atau tidak, masih sokong atau tidak. Terima kasih.

*[Dewan riuh ketawa]*

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Sapi. Pada pendirian saya sejak dari hari pertama di mana saya sebut saya sokong Barisan Nasional atas dasar-dasar dan juga pelaksanaan yang membawa manfaat kepada rakyat jelata. Jadi ...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sekarang?

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** ...jadi bagi kes ini, harga minyak telah naik. Keputusan kerajaan telah dibuat, jadi sokong atau tidak sokong ini sudah jadi satu kenyataan. Jadi apa yang saya ingin menyeru kerajaan ialah untuk melaksanakan dasar-dasar untuk mengurangkan impak beban kewangan kepada rakyat jelata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Hati masih samalah.

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, cukuplah. Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang.***